

**Bil. 12**

**Isnin  
13 Jun 2016**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA**



## KANDUNGAN

### **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

Mengangkat Sumpah di Luar Dewan	(Halaman 1)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 1)

### **URUSAN MESYUARAT**

(Halaman 2)

### **UCAPAN TAKZIAH**

Kepada Keluarga Allahyarhamah Tan Sri Noriah Kasnon dan Keluarga Allahyarham Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad	(Halaman 2)
--	-------------

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

<b>BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 2)
-----------------------------------	-------------

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015	(Halaman 25)
Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2015	(Halaman 38)
Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan (Pindaan) 2016	(Halaman 41)
Rang Undang-undang Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2016	(Halaman 59)
Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016	(Halaman 67)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Datuk SA. Vigneswaran (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
3. “ Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim (Dilantik)
4. “ Tan Sri Dato’ Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
5. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
6. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
7. “ Dato’ Adam bin Abdul Hamid (Johor)
8. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
9. “ Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki (Dilantik)  
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
10. “ Puan Azizah binti Harun (Dilantik)
11. “ Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
12. “ Datuk Seri Boon Som A/L Inong (Dilantik)
13. “ Dato’ Chai Kim Sen (Dilantik)
14. “ Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah (Selangor)(LS)
15. “ Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik)  
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
16. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
17. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
18. “ Tuan Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)  
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
19. “ Dato’ Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
20. “ Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
21. “ Dato’ Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
22. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
23. “ Dato’ Hoh Khai Mun (Pahang)
24. “ Dato’ Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
25. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
26. “ Tuan Isa Bin Ab Hamid (Dilantik)
27. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)(LS)
28. “ Dato’ Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
29. “ Dato’ Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
30. “ Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya (Sabah)
31. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
32. “ Dato’ Sri Khairudin bin ES Samad (Dilantik)
33. “ Datuk Koh Chin Han (Melaka)
34. “ Dato’ Lee Chee Leong (Perak)  
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
35. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
36. “ Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan (Dilantik)  
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*

37. Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
38. “ Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
39. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak (Dilantik)  
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
40. “ Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin (Dilantik)
41. “ Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
42. “ Laksamana Tan Sri Dato’ Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
43. “ Prof.Dr. Mohd Nor bin Haji R.M. Monutty (Selangor)
44. “ Dato’ Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
45. “ Dato’ Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
46. “ Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
47. “ Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
48. “ Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
49. “ Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
50. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - (Dilantik)  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
51. “ Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
52. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
53. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
54. “ Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
55. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
56. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
57. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
58. ” Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
59. “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
60. “ Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
61. " Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
62. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
63. “ Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Negara**  
Encik Riduan bin Rahmat

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

-

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Rosna binti Bujairomi  
Noraidah binti Manaf  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhilah binti Ibharim  
Hizamhatim Maggiha bin Juara



**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Isnin, 13 Jun 2016**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

**Pada 16 Mei 2016:**

1. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Low Seng Kuan
2. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“26 Mei 2016

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. (D.R.4/2016) Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan (Pindaan) 2016;
2. (D.R.6/2016) Rang Undang-undang Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2016;
3. (D.R.9/2015) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015;
4. (D.R.12/2015) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2015;



5. (D.R.1/2016) Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2016;
6. (D.R.7/2016) Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 2016;
7. (D.R.8/2016) Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016;
8. (D.R.9/2016) Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2016;
9. (D.R.11/2016) Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016; dan
10. (D.R.10/2016) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016.

Yang Ikhlas,

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat.”

#### **URUSAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Setiausaha.

#### **UCAPAN TAKZIAH**

**Ucapan Takziah Kepada Keluarga Allahyarhamah Tan Sri Noriah binti Kasnon dan Keluarga Allahyarham Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan perasaan yang amat dukacita dan sedih mengucapkan takziah kepada keluarga Arwah Tan Sri Noriah binti Kasnon, Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi yang juga Ahli Parlimen Sungai Besar, keluarga Arwah Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, Ahli Parlimen Kuala Kangsar dan juga tiga orang yang turut terkorban dalam tragedi nahas helikopter di Batang Lupar, Sarawak pada Mei yang lalu.

Oleh yang demikian, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun untuk berdoa dan bertafakur selama satu minit.

*[Ahli-ahli bangun membaca al-Fatihah dan bertafakur selama satu minit]*

#### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan Jabatan Imigresen menghalang mana-mana individu yang didapati telah memburukkan nama negara daripada pergi ke luar negara, apa tahap dan jenis kesalahan yang boleh menyebabkan seseorang warganegara daripada dihalang ke luar negara dan adakah tindakan tersebut bercanggah dengan hak asasi manusia.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia, Jabatan Imigresen Malaysia boleh bertindak dalam menghalang seseorang itu daripada meninggalkan negara jika terdapat Perintah Mahkamah atau arahan dari agensi berkenaan mengikut peruntukan undang-undang tertentu yang memberi kuasa kepada Pegawai Imigresen untuk berbuat demikian.

Sebagai contoh, peruntukan undang-undang di bawah Akta Kebankrapan 1967, Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) 1997, Akta Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) 1991, Akta Kastam 1967, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Anti Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001.

#### ■1010

Tuan Yang di-Pertua, seseorang itu juga boleh dihalang daripada meninggalkan negara jika beliau sedang menghadapi kes untuk percaraan atau, dengan izin, *criminal charges pending against him*. Selain daripada itu, kerajaan juga boleh menghalang seseorang warganegara daripada meninggalkan negara jika kerajaan mempunyai sebab yang munasabah bahawa kegiatan seseorang itu sekiranya dibenarkan meninggalkan negara boleh memberi implikasi negatif kepada nama baik negara dan dipercayai boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah beri jawapan yang begitu jelas. Soalan tambahan saya, kenapa kewajipan perundangan tidak dipenuhi oleh pihak imigresen untuk menyampaikan Notis Pemberitahuan halangan keluar negara kepada individu tersebut secepat mungkin sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 9(3), Akta Imigresen 1959/63. Di mana individu tersebut hanya dimaklumkan pada saat terakhir semasa perlu. Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kes itu ada berlaku, mungkin ada seorang dua yang pernah, kalau ada berlakulah, kita mohon maaf. Akan tetapi sebenarnya pihak Imigresen telah menyediakan Portal Imigresen yang begini, <http://ssp12imigresen.gov.my> yang dikendalikan oleh JIM Malaysia bagi mengelakkan sebarang kesukaran yang mungkin timbul. Jadi saya beri nasihat kepada Yang Berhormat sekiranya ada berlaku, rujuklah kepada portal ini supaya mengetahui dengan lebih mendalam tentang status perjalanan mana-mana rakyat yang ingin meninggalkan negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tidak ada soalan lagi. Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon penjelasan bagaimanakah langkah dan tindakan *affirmative* kerajaan untuk memastikan orang kena tahan atau orang kena saman di dalam pelbagai prosiding kes jenayah atau apa-apa kes perundangan Malaysia, benar-benar dihalang daripada keluar negara seperti kes Sirul dan kes Alvin Tan. Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekiranya kes mahkamah telah dibuat, jadi Imigresen akan mengikut undang-undang, arahan dari mahkamah yang memutuskan mana-mana mereka yang masih ada kes *pending*, jadi mereka tidak dibenarkan keluar negara ataupun masuk negara. Terima kasih.

## 2. **Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa lama had masa bagi seseorang guru, guru besar atau pengetua ditempatkan di sesebuah sekolah (tempat mengajar) dan kementerian sedar atau tidak bahawa jika seseorang guru itu telah lama mengajar di sesebuah sekolah ialah akan mendapat kesan negatif kepada sekolah itu sendiri; dan
- (b) adakah pihak kementerian membuat penempatan sesuka hati atau pun mengambil kira kesesuaian guru/ guru besar/ pengetua itu ditempatkan tempat mereka mengajar.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua sebelum itu izinkan saya mengucapkan syabas kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dilantik menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Ini kali pertama saya memberi ucapan di depan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terkenang peribahasa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*Benih yang baik kalau jatuh ke darat menjadi gunung dan jika dicampak ke laut menjadi pulau*". Itulah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Tahniah sekali lagi saya ucapkan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak menetapkan had masa bagi seseorang guru itu perlu berada di sesebuah sekolah. Pergerakan guru berlaku jika ada permohonan daripada guru berkenaan sendiri untuk berpindah. Walau bagaimanapun, kelulusan untuk berpindah bergantung kepada kekosongan dan keperluan opsyen. Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan penempatan guru baru setelah menerima bekalan guru baru yang diperaku lantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ataupun SPP berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen.

Agihan penempatan guru baru akan dilaksanakan di JPN dan PPD ke sekolah-sekolah mengikut kekosongan jawatan dan keperluan opsyen. Objektif penempatan dan pertukaran guru adalah untuk tiga perkara. Yang pertama, mengisi kekosongan perjawatan pada tahun semasa.

Yang kedua, mengimbangkan bilangan guru terlatih di semua negeri dan yang ketiga menempatkan guru-guru terlatih secara adil dan saksama. Ini adalah selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Bagi penempatan Pengetua dan Guru Besar pula ataupun PGB, cadangan penempatan disediakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan PGB di peringkat negeri dan akan dikemukakan kepada kementerian bagi tujuan penyediaan arahan penempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih pihak Kementerian Pendidikan memberikan jawapan yang jelas. Cuma saya hendak tanya tadi dijelaskan pengambilan guru baru. Saya hendak tahu pihak kementerian sedar atau tidak apabila seorang guru itu ditempatkan di sebuah sekolah sampai 10 tahun, 20 tahun, 30 tahun, ia sudah menjadi tidak efektif, tidak efisien lagi. Saya hendak cadanglah kepada kementerian kalau boleh antara lima tahun hingga 10 tahun, guru itu ditempatkan di sekolah-sekolah, selepas itu ditukarkan ke tempat lain. Itu pun bergantung kepada keperluan. Tengok, kalau sudah pihak sekolah merasakan guru itu tidak berinovasi lagi berada di sekolah, kena pindah ke tempat lainlah. Jangan kita kekal dominan kan dia sampai 20 tahun, 30 tahun, menjadikan guru itu sudah imun, guru besar datang, pengetua mana pun, dia tidak rasa, dia lagi *giant* daripada pengetua, guru besar yang baru dimasukkan ke sekolah-sekolah itu.

Jadi saya hendak cadangkan kepada kementerian supaya penempatan guru, bukan guru baru ini, guru lama di setiap sekolah itu lima tahun ke-10 tahun, itu saja. Berkaitan dengan cakap dengan Kementerian Pendidikan ini, memanglah saya hendak berterima kasihlah kepada orang yang menjadi cikgu ini, memang betul-betul dia berjiwa pendidik. Cuma saya hendak tanya kementerian, kementerian ini ada kuasa atau tidak hendak tukar guru-guru terutama yang menentang kerajaan. Contohnya kalau di Kelantan, dia ini menentang kerajaan dan guru yang mengajar di Kuala Lumpur ini dia menyokong kerajaan. Tidak bolehkah tukar yang Kelantan itu bawa ke Kuala Lumpur, yang Kuala Lumpur bawa balik Kelantan, itu satu.

Yang kedua, saya hendak tanya kementerian, kementerian sedar atau tidak kebanyakan di setiap sekolah ini, ada guru-guru yang sakitnya berprofil tinggi. Contohnya kencing manis yang tinggi. Dia pergi sekolah pun tidak mengajar. Tidur dalam bilik saja. Tidak pergi tidak boleh. Mengajar itu memang tidaklah, kencing manis dia tinggi, dia tidur sahaja. Jadi, kementerian ada cadangan tidak supaya guru-guru seperti ini dinasihatkan pencen awal ataupun *medical board* sebab kalau duduk di sekolah pun merugikan sebab guru lain yang tolong mengajar. Dia ada tapi tidak boleh mengajar. Jadi hendak tanya kementerianlah, ada cadangan tidak untuk guru-guru ini dinasihatkan pencen awal. Biasanya sudah umur 57 tahun, 58 tahun. Sekian, terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah. Banyak sangat soalan tambahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia hujahan.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Ya, lebih kurang macam itu juga Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang cadangan itu tidak payah jawablah. *I think* soalan pertukaran.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Kesedaran. Sama ada Kementerian sedar atau tidak ya. Ya kita sedar, kita ambil maklum segala apa yang berlaku di sekolah. Yang Berhormat, apabila seorang guru berkhidmat 10 tahun ke-20 tahun, 30 tahun di sebuah sekolah itu, bukan mudah untuk dia melaksanakan tanggungjawab di sana kerana ada pemantauan.

#### ■1020

Kementerian Pendidikan Malaysia akan melakukan pemantauan dari semasa ke semasa dan pemantauan ini akan dilakukan oleh Jemaah Nazir dan Kawalan Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia. Maka, sekiranya guru itu didapati tidak menepati prestasi yang diperlukan, maka akan ada perubahan dan penukaran. Ini akan dilakukan dari semasa ke semasa. Kita juga bergantung daripada pihak prestasi sekolah. Pihak sekolah akan memberikan laporan prestasi guru-guru tersebut. Sekiranya guru itu tidak mencapai prestasi yang ditetapkan, maka Kementerian juga boleh mengambil tindakan dalam proses penukaran ini.

Cadangan Yang Berhormat beri telah pun dilaksanakan. Ada di antaranya yang telah kita laksanakan dan kita akan terus memantau keadaan-keadaan dari semasa ke semasa. Harus kita ambil maklum, dan saya juga bersetuju dengan apa yang dikatakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah tadi, hampir 99.9 peratus guru-guru melaksanakan tanggungjawab mereka dengan cukup baik. Mereka banyak berjasa. Ada masalah guru-guru tetapi kita juga cuba mencari penyelesaian dari semasa ke semasa. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pandai Menteri menjawab. Sekarang...

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada soalan tambahan? Berapa orangkah ini? Yang Berhormat Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif.

**Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menarik perhatian soal isu penempatan guru di pedalaman P1, P2, P3. Kementerian pada masa dahulu ada membuat temu duga terus kepada pedalaman Sabah dan Sarawak bagi menyelesaikan masalah penempatan guru di pedalaman Sabah dan Sarawak. Sejauh mana keberkesanan temu duga tersebut bila dibuat kali pertama, tidak pernah dengar keputusan ataupun dia punya keberkesanan guru-guru yang berada di pedalaman daripada soal kekurangan guru dan juga mengikut opsyen.

Jadi apa yang kita tahu hari ini masalah guru, kebanyakan guru yang ditawarkan tidak berminat berada di pedalaman Sabah dan Sarawak dan juga di Ulu Tembeling contohnya. Jadi adakah pengambilan guru ini diambil kira soal guru ini berasal daripada mana? Perlukah mereka yang berada di pedalaman diberi keutamaan untuk mengajar di kampung mereka sendiri?

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohd Salim.

Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil pendekatan- kita telah pun melaksanakan dasar baru-baru ini, 90:10. Maksudnya 90 peratus daripada guru-guru yang akan mengajar di Sabah, Sarawak akan berasal dari Sabah, Sarawak. Maka masalah ini dengan secara langsung akan kita selesaikan. Apabila kita mendapat guru-guru yang memang lahirnya di Sabah Sarawak, maka penempatan dalam kawasan-kawasan pedalaman ini tidak akan mewujudkan masalah.

Masalahnya wujud hanya apabila sekiranya kita menghantar seorang guru daripada Semenanjung ke Sabah Sarawak, mungkin mereka tidak biasa. Akan tetapi apabila kita mengambil guru-guru daripada kelahiran Sabah dan Sarawak, kita dapat menyelesaikan masalahnya. Walaupun hasrat kita ialah sebelum tahun 2020 kita hendak mencapai 90 peratus guru-guru yang mengajar di Sabah Sarawak dari negeri Sabah dan Sarawak, tetapi sekarang kita sudah sampai hampir lebih daripada 80 peratus. Kita rasa kita tidak akan menghadapi masalah dalam masa tahun 2020, beberapa tahun lagi, kita boleh memastikan bahawa 90 peratus guru-guru yang akan mengajar di Sabah dan Sarawak merupakan anak-anak negeri Sabah dan Sarawak sahaja. Maka masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi akan diselesaikan dalam masa terdekat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Saya terpanggil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk bertanya tentang penempatan guru ini. Saya mengambil kes di Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau, Sabah di mana beberapa lulusan atau graduan dari Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG) ini belum lagi mendapat penempatan sehingga hari ini. Pertanyaan kepada Menteri, apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk membantu para graduan itu mendapatkan penempatan mereka secepat mungkin? Sekian, terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas atas soalan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk menjawab soalan ini juga.

Yang Berhormat, penempatan ini akan dilakukan secara berkala. Contoh bulan ini, seramai 276 orang guru akan ditempatkan. Kita telah melakukan temu duga dan ada guru-guru telah pun bersedia untuk menjadi seorang guru tetapi kita kadang-kadang akan menempatkan mereka secara berkala. Contoh, dari bulan ini sehingga akhir tahun ini, akan ada berlakunya persaraan. Apabila persaraan ini berlaku, maka guru-guru yang telah ditemu duga ini akan ditempatkan pada sekolah-sekolah di kawasan-kawasan yang diperlukan berdasarkan kepada temu duga yang telah dilakukan oleh SPP. Maka kita ambil maklum.

Seperti mana yang saya katakan tadi, PSMP Sekolah Kebangsaan, penempatannya di Sabah seramai 276 orang dijangka dimasukkan ke sekolah-sekolah pada bulan ini dan di Semenanjung pula pada bulan Jun dan Julai seramai 183 orang guru akan ditempatkan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah had perbelanjaan pilihan raya pada masa kini masih lagi relevan dan adakah terdapat kajian kesesuaian had perbelanjaan tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya melalui seksyen 19, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 telah menetapkan bahawa setiap calon yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya untuk mematuhi had perbelanjaan. Had perbelanjaan yang ditetapkan pada masa ini adalah sebanyak RM200,000 bagi Pilihan Raya Parlimen dan RM100,000 bagi Pilihan Raya Negeri.

SPR berpandangan bahawa jumlah had perbelanjaan sedia ada masih relevan kerana jumlah itu merupakan satu jumlah yang tidak akan membebankan sesiapa yang ingin bertanding dalam sesuatu pilihan raya dan membolehkan mereka bersaing dalam satu pilihan raya yang adil dan saksama. Buat masa ini, SPR berpuas hati dengan had perbelanjaan dan tiada perlu untuk kajian secara khusus bagi mengubah had perbelanjaan tersebut. Terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Menteri yang menjawab. Jika kita lihat kepada negara-negara lain, banyak negara yang telah menambah had perbelanjaan ini. Contoh kita ambil Singapura, RM10.15 bagi setiap pengundi sejak tahun 2011. Jika kita *compare* dengan negara kita, ia adalah lebih tinggi.

Persoalan saya di sini, pertamanya, berkait dengan kempen-kempen pilihan raya terutamanya sepanjang PRK, biasanya akan berlaku pengisytiharan projek-projek, contoh projek hospital, projek lebuh raya, projek jalan-jalan. Adakah ini tidak dikira sebagai sebahagian daripada kempen ataupun perbelanjaan pilihan raya?

Satu lagi, mungkin berkait juga, sebab saya kira dengan berlaku pertambahan, hari ini kita kira kos percetakan sahaja saya rasa sudah banyak. Saya rasa jumlah RM100,000 dan RM200,000 itu sebenarnya tidak melambangkan perbelanjaan sebenar. Jika kita lihat kepada kos *banner*, kos percetakan, kos itu sahaja sudah banyak. Jadi saya kira RM100,000 dan RM200,000 ini sebenarnya tidak melambangkan.

Adakah kerajaan mengkaji ataupun meneliti, kalau kira berdasarkan seksyen 27(1), setiap kali penyata-penyata perbelanjaan yang 31 hari daripada keputusan diwartakan itu hendaklah diserahkan, adakah penyata-penyata yang dihantar ini melambangkan ataupun memberitahu perbelanjaan sebenar mereka? Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan tambahan Yang Berhormat ini dua ya, pada dua perkara, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali yang saya sebut di bawah seksyen 19, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, ia merujuk kepada perkataan "calon", dan perkataan "calon" ini perlu kita baca di bawah dan bersama Akta Pilihan Raya 1958 di mana dalam seksyen "Tafsiran" dan juga di bawah seksyen 13, makna calon itu ialah individu. Tidak disebut di bawah Peraturan Pilihan Raya, Kesalahan Pilihan Raya ataupun peraturan Akta Pilihan Raya itu ialah had bagi parti politik ataupun had bagi parti NGO, tidak. Ia hanya menyebut calon di bawah tafsiran iaitu individu. Jadi yang mana disebut oleh Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat menyatakan di Singapura dia mengikut kepala pengundi, saya rasa dia membuat *proportionate* tetapi itu Singapura.

#### ■1030

Di Malaysia kita telah membuat pindaan kepada akta ini. Kalau dulu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingat dulu, dulu kesalahannya dia merujuk kepada perbelanjaan pada tahun 2002. Dahulu dia RM50,000 sudah naik kepada RM200,000 daripada untuk Dewan Rakyat dan Dewan Negara RM30,000 telah naik kepada RM100,000.

Jadi kita telah membuat pindaan kepada jumlah yang kecil dan hari ini RM200,000. Kita mesti ingat juga Tuan Yang di-Pertua, kita bukan hanya bercakap tentang individu sebagai rakyat Malaysia itu dia hendak menawarkan diri sebagai calon. Tidak semua orang boleh dikatakan mampu ataupun tidak. Akan tetapi kadang-kadang dia tidak mampu dia rasa dia mampu. Kadang-kadang dia mampu, dia rasa dia tidak mampu. Jadi kalau dia hendak bertanding bawah tiket bebas sebagai contoh, kita mesti fikir kemampuan dia. Jadi dalam perkara ini di bawah Suruhanjaya Pilihan Raya dan kalau kita lihat daripada segi undang-undang dan akta itu ia menyebut tentang jumlah yang dianggap oleh SPR pada kali ini sebagai satu jumlah yang relevan. Itu jawapan kepada soalan pertama yang dibawa oleh Yang Berhormat.

Berkenaan soalan nombor dua yang mana Yang Berhormat kata oh! Apabila ada pilihan raya kecil terutama pilihan raya kecil banyak sebutan yang diberi dalam kawasan tersebut seolah-olah ada gambarannya perbelanjaan tambahan. Akan tetapi kita mesti ingat Yang Berhormat, kerajaan mesti berjalan. Pilihan raya kecil ini bukan pilihan raya umum, pilihan raya yang disebut sebagai pilihan raya yang berlaku setiap lima tahun atau empat tahun. Pilihan raya kecil ini ialah apa yang telah diperuntukkan berlaku dalam apa-apa situasi dalam mencari- yang berlaku baru-baru ini. Kita tengok bahawa pilihan raya kecil ini adanya pilihan raya dan calon itu bertanding. Akan tetapi kerajaan tetap dan terus menjalankan tanggungjawab mereka. Jadi kita kena beza antara kerajaan dengan calon. Kita hendak membuat tanggapan seolah-olah- Oh! Kalaulah calon ini bertanding konon calon ini membawa suara-suara tetapi itu tawaran calon bahawa mengatakan bahawa dia bertanding atas apa tiket. Kadang-kadang yang bertanding atas individu, kadang-kadang dia bertanding atas parti.

Akan tetapi daripada segi peruntukan undang-undang yang sedia ada yang mana disebut hanyalah pada jumlah perbelanjaan yang perlu disenaraikan oleh calon selepas pilihan raya. Katakan dalam seksyen kita ini, kita ada 31 hari selepas tarikh keputusan pilihan raya dia kena masukkan dia punya pecahan perbelanjaan di bawah seksyen 23.

Bawah seksyen 23 di mana dalam tempoh 31 hari selepas tarikh keputusan pilihan raya dalam kemasukan penyata itu Tuan Yang di-Pertua, dia kena masukkan tuntutan yang dipertikaikan setakat diketahui oleh calon itu. Semua tuntutan yang belum dibayar ataupun diketahui oleh calon itu dan mengenainya permohonan telah ataupun yang akan dibuat kepada hakim pilihan raya dan Mahkamah Tinggi semua jumlah wang jaminan balasan bernilai yang lain diterima atau dijanjikan oleh calon kepada mana-mana pihak dan orang-orang lain. Maksud amaun belanja yang dilakukan oleh mana-mana orang dibenarkan oleh calon itu.

Jadi penyata itu ada iaitu 31 hari selepas tarikh keputusan. Jadi kalau sesiapa tidak berpuas hati dia memang boleh hantar protes, Tuan Yang di-Pertua. Undang-undang kita memberikan mereka kebenaran untuk protes. Akan tetapi setakat ini jumlah yang disebut itu ada kepada calon. Jadi dia bertanding atas individu. Calon yang didefinisikan, apakah itu definisi calon? Ia tidak di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya menyatakan RM200,000 ini hanya boleh dibelanjakan oleh parti politik berbeza dengan yang dibelanjakan oleh seorang calon. Akan tetapi itu tidak dinyatakan dalam undang-undang ini.

Jadi kita membaca undang-undang itu antara tersirat dengan yang tersurat yang kita baca pada hari ini ialah yang tersurat, *it's written*, dengan izin, bahawa ini jumlah yang dibenarkan. Jadi siapa yang tidak puas hati dia akan boleh membawa bantahan dalam masa 31 hari selepas tarikh keputusan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini saya terbaca satu kajian yang dibuat berhubung dengan pilihan raya kecil ini. Secara umum kita mengetahui bahawa pilihan raya kecil ini pilihan raya yang banyak pembaziran dan memakan masa. Contoh saya ambil di Sungai Limau semasa pilihan raya kecil apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah meninggal dunia dan kebetulan kawasan saya. Saya melihat sendiri bagaimana pilihan raya kecil ini disalah gunakan dengan permohonan-permohonan yang kadang-kadang memalukan kita dan ada Menteri yang masuk pergi ke tempat tersebut dan tidak pernah pergi pun tiba-tiba pergi bersyarah di situ "*Kita akan buat jambatan untuk tuan-tuan.*" Orang tanya ada sungai kah tidak ada? "*Tidak mengapa, kita korek sungai.*" Sampai begitu sekali.

Sekarang ini di Sungai Besar dan Kuala Kangsar kita melihat. Kajian tersebut menyatakan bahawa perlu dihapuskan pilihan raya kecil ini. Adakah cadangan kerajaan saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan mengkaji atau membuat kajian bahawa pilihan raya kecil ini perlu dihapuskan untuk menjimatkan perbelanjaan dan juga masa? Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat Senator walaupun soalan itu terkeluar daripada tajuk. Soalannya pilihan raya, ia bukan pilihan raya kecil. Akan tetapi sebab Yang Berhormat sahabat dalam Dewan saya jawab.

Sebenarnya Yang Berhormat, inilah yang disebut sebagai pilihan raya selalu berlaku sebab orang tengah, yalah Yang Berhormat tahu apabila orang tengah hendak-macam orang lelaki hendak ajak orang perempuan kahwin. Apabila dia hendak kahwin, macam-macam dia hendak cakap, bagi ini, bagi itu. Selepas kahwin barulah dia tahu baik atau buruk... [*Disampuk*] Saya tidak kahwin juga, itu soalan lain [*Ketawa*]

Akan tetapi isunya ialah ini yang berlaku sebab dalam perkataan orang putih, *this is the process of enlightening, enhancement*, memujuk sebenarnya. Betul itu yang berlaku. Oleh sebab pilihan raya kecil ini kita mesti tengok bahawa kadang-kadang calon yang bertanding itu ialah komitmen calon kepada rakyat. Dia hendak calon yang macam mana. Memang betul apabila pilihan raya kecil itu orang banyak masa hendak turun ramai-ramai berbanding dengan pilihan raya umum, semua jaga kawasan serentak tidak ada masa hendak turun, hendak jumpa dan bercakap.

Akan tetapi ini diwujudkan dalam Perlembagaan hanya kita bersedia untuk membuat pindaan Perlembagaan barulah pilihan raya kecil ini boleh ubah. Akan tetapi pada masa hari ini, kerajaan tidak bercadang hendak menghapuskan pilihan raya kecil sebab hanya dia ada *cut off point* iaitu macam kita tahulah kalau *cut off point* dekat-dekat lima tahun itu, sudah nak dekat itu secara automatik tidak ada pilihan raya kecil.

Akan tetapi kalau katakan pilihan raya umum baru berlaku pada bulan Januari, Februari wakil rakyat tidak dapat bertanding, ada kejadian tragik berlaku takkan kawasan itu tidak ada wakil rakyat oleh sebab agak tidak adil bagi rakyat yang berada dalam kawasan tersebut fasal mereka memerlukan pengganti. Macam orang yang sudah berkahwin, bercerai, ada kematian dan sebagainya. Dia pun hendak pengganti, itu hak dia dan dibenarkan. Kalau dia tak nak pengganti pun boleh, jadi solo. Kalau dia hendak pengganti tetapi daripada segi pilihan raya kecil rakyat itu lebih daripada satu.

Apa yang berlaku di Sungai Besar dan Kuala Kangsar kita lihat bahawa jumlah rakyat itu lebih daripada 40,000 orang, jumlah yang begitu besar. Dalam kawasan saya sendiri 36,000 orang lebih pengundi. Pula kawasan begitu jauh dengan FELDA. Siapa yang sanggup kalau kita hendak bagi kepada kerajaan, pegawai kerajaan untuk ganti, kita hendak bagi kepada parti politik untuk ganti, satu kerja yang begitu tidak munasabah. Itu sebab yang berlaku bagi Ahli Parlimen kita Allahyarham dan Allahyarhamah kita, mereka berhadapan dengan tragedi semasa menjalankan tugas di luar kawasan tetapi tanggungjawab mereka sebagai Timbalan Menteri dan juga Pengerusi GLC. Ini juga satu cabaran yang berlaku kepada kita sebagai Ahli-ahli Senator. *Anything can happen*, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kesinambungan itu perlu ada sebab kita mesti memikirkan rakyat yang memerlukan bukan sahaja kasih sayang daripada wakil rakyat tetapi pengganti. Hari ini di Parlimen kita, kita berhadapan dengan berita yang tidak elok di mana Yang Berhormat Jelebu tidak begitu sihat. Saya berjumpa dengan isteri beliau di hospital sebagai contoh. Saya minta izin Tuan Yang di-Pertua, isu sekarang ini yang hendak *sign* hendak dikeluarkan duit daripada akaun Parlimen sebab dalam keadaan strok ataupun dalam keadaan mempunyai *operation* di otak, bank tidak akan puas hati walaupun ada *thumbprint*.

Jadi gaji tidak bayar, gaji pegawai, gaji pekerja. Jadi *status quo* nya begitu, bank kita *very strict* daripada segi pengeluaran duit dia tidak boleh bergerak. Dia tahu bahawa wakil rakyat ini tidak sihat. Bank tahu bahawa wakil rakyat ini tidak berkemampuan tetapi dia tidak boleh bantu sebab undang-undang Bank Negara, proses dan prosedurnya tidak boleh dikeluarkan duit kalau kita rasa bahawa yang hendak mengeluarkan duit itu tidak ada keadaan yang boleh dilihat mempunyai kemampuan untuk mengeluarkan duit.

Jadi isteri kepada Yang Berhormat Jelebu beritahu kepada saya bahawa akaun *frozen*, pegawai tidak dapat diberikan bantuan. Berhadapan dengan bulan puasa dan hari raya, macam mana hendak turunkan peruntukan kepada rakyat? Jadi kemungkinan kemasukan parti politik yang memerintah, kemungkinan ketua bahagian yang ada tetapi inilah, disebabkan Barisan Nasional maka Barisan Nasionallah yang kena mengambil alih dalam kawasan tersebut, menjadi *babysitter*, dengan izin. Akan tetapi kalau kita tidak ada pengganti Yang Berhormat Senator yang berlaku di Sungai Limau dikatakan tidak ada sungai hendak bagi jambatan. Tidak ada apa pun kita korek supaya hendak puas hati rakyat.

#### ■1040

Ini masalah sekarang ini kadang-kadang saya setuju juga. Macam-macam orang keluar, macam-macam janji. Bila sudah dapat tidak laksana. Itu memang menunjukkan pembaziran tetapi kita tidak boleh menafikan bahawa dalam setiap kawasan itu dia mempunyai isu kawasan tempatan. Wakil rakyat yang berkhidmat itu kesinambungan wakil rakyat itu perlu ada. Bila kita meletakkan calon-calon yang berlaku pada hari ini Sungai Besar dan Kuala Kangsar, kita nak kan supaya yang ditawarkan, yang memberi kesinambungan tugas pada rakyat. Sebab yang kita sampai ini boleh keluar.

Saya tidak hendak sebutlah mantan-mantan pemimpin kita. Mantan-mantan pemimpin negara kita macam-macam dia bercakap tetapi lepas dia bercakap dia balik. Yang tinggal dekat situ rakyat. Jadi, mereka wajar memilih kesinambungan pengganti. Itu sebab pilihan raya kecil setakat ini Perlembagaan mengatakan perlu dijalankan. Itu sebabnya saya hendak menyatakan kerajaan hendak menghentikan itu keputusan kerajaan tetapi setakat ini saya tidak ada dengar dan saya tidak melihat itu satu pergerakan yang wajar kerana kesinambungan itu perlu ada.

Akan tetapi dalam perkara ini yang mana Yang Berhormat menyebut tentang janji-janji palsu kah, janji yang tidak ditunaikan ini kena bawa bagi suara-suara parti politik sebab kadang-kadang parti politik ini keghairahan itu macam-macam boleh janji tetapi ini kena dibincangkan antara parti politik.



Akan tetapi bagi peringkat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dia mengatakan bahawa kalau adanya sesuatu berlaku perlu diwujudkan pengganti. Akan tetapi dia ada *cut off point*. Itu undang-undang pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihan raya Malaysia sama ada di peringkat pilihan raya umum atau pun pilihan raya kecil, kita masih lagi menjalankan kempen dengan banyak pembaziran. Contoh satu yang dibangkitkan tadi ialah soal poster tetapi kita juga melihat telah banyak negara-negara maju termasuk Britain misalnya sudah tidak ada lagi poster. Malah, dia lekatkan gambar calon hanyalah di papan kenyataan majlis perbandaran.

Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat Menteri apakah Malaysia patut pada masa-masa ke hadapan mengelakkan pembaziran ini di dalam kita mengendalikan pilihan raya kerana soal kos, soal tenaga dapat kita jimatkan. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan ini saya rasa satu soalan yang tepat pada masanya dan hari ini mungkin kita melihat apa yang berlaku di Kuala Kangsar sebagai satu contoh sebab calon menggunakan van LED. Betul yang mana Yang Berhormat kata kemungkinan van LED ini lagi murah sebab bila tukar calon kah, gerakan kerajaan dia boleh tukar gambar. Akan tetapi masalah kalau ada van LED pun kita kena ada *electricity*, kita kena ada sistem solar, kita kena ada grafik yang memang begitu menarik. Akan tetapi mungkin ini hala tuju yang ke hadapan.

Akan tetapi setakat saya tengok dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya tidak ada pula dia kata tidak boleh pakai digital. Mungkin Menteri MCMC di belakang saya, mungkin ini akan menjadi pendekatan baru kerajaan dan saya rasa keputusan di Sungai Besar ini akan melihat bila calon itu bertanding dan dia memperkenalkan diri dalam sistem LED yang wujud berbanding dengan calon yang turun *face-to-face* mungkin itu akan menjadi ukuran, adakah ini masa depan pilihan raya dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih sekarang kita beralih ke soalan nombor 4, Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid.

**4. Dato' Adam bin Abdul Hamid** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, adakah kerajaan bercadang menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai hab pertanian dan penternakan negara memandangkan terdapatnya tanah yang luas di sana di samping dapat mempertingkatkan ekonomi rakyat Malaysia di negeri-negeri tersebut. Adakah rundingan pernah diatur dan dirancang dengan Sarawak dan Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Adam yang telah menanyakan soalan sama ada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bercadang untuk menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai hab pertanian dan penternakan negara. Pertanyaan beliau dengan hasrat untuk melihat pembangunan hab pertanian ini akan membangunkan ekonomi rakyat di kedua-dua buah negeri Sabah dan Sarawak tersebut. Sebagai menjawab soalan tersebut, kerajaan sememangnya berhasrat untuk menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai salah sebuah hab pertanian dan penternakan negara.

Kementerian, melalui Jabatan Pertanian telah mengadakan beberapa siri rundingan bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam mencapai hasrat ini selain dengan hala tuju pembangunan negeri Sabah dan Sarawak yang juga menumpukan kepada pembangunan sektor pertanian.

Hasil daripada perundingan dan perbincangan yang diadakan, beberapa tindakan telah diambil dan kejayaan telah dicapai.

Pertamanya, telah diwartakan kawasan-kawasan tanah untuk dibangunkan seperti taman kekal pengeluaran makanan atau dipanggil dengan ringkasnya TKPM bagi pengeluaran tanaman makanan yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi pasaran eksport.

Penumpuan juga diberikan terhadap perluasan kawasan jelapang padi baru yang berpotensi seperti Kota Belud Sabah dan di Batang Lupa, Sarawak. Di samping itu, Kementerian juga menggalakkan GLC atau syarikat milik kerajaan seperti FELCRA dan sebagainya untuk membuka dan membangunkan tanah dengan pengeluaran makanan yang sesuai seperti kelapa MATAK, pisang, dan lain-lain. Penggalakan juga diberi untuk pembangunan tanah bagi tujuan pengeluaran makanan secara komersial dan dipacu secara langsung oleh pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya industri pertanian ini kalau kita ingin melihat boleh menerobos pasaran luar negara, perlu ada pemain yang mempunyai kewangan yang besar, kemampuan yang besar daripada segi modal dan juga *networking* yang luas di luar sana dan ia hanya dapat dilakukan oleh syarikat-syarikat besar dan juga syarikat milik kerajaan atau pun GLCs. Dengan sebab itu kita menggalakkan mereka untuk terlibat dalam industri ini. Apatah lagi menjadikan hab pertanian yang berorientasikan eksport daripada barang-barang agro atau pun makanan daripada negara kita.

Kalau petani-petani biasa, usahawan biasa kemampuan terhad tetapi malangnya saya hendak sebutkan di sini tidak banyak syarikat besar atau GLC yang berminat dalam industri pertanian. Umpamanya kalau kita menggalakkan penternakan secara integrasi yang mana syarikat-syarikat perladangan yang mempunyai tanah yang luas begitu sesuai sekali menjalankan projek ternakan secara integrasi. Akan tetapi sudah sekian lama kita menguar-uarkannya dan menggalakkannya. Nampaknya, respons yang kita terima begitu lembap, *slow* dan agak meleset.

Jadi, dengan sebab itulah kita nampak industri pertanian ini *is a slow moving industry*. Ia dianggap susah dan tidak semudah umpamanya buka ladang, tanam kelapa sawit. Tanam, tinggal dan tuai. Maka, kalau penternakan dia kena jaga. *This is the problem*. So, dengan izin, *until such time the big corporation, GLCs are involved in this kind of game, industry will I think we have a little hope to see that our country becomes agriculture hub for the world, for the exports*.

#### ■1050

*This is my observation*. Selain daripada itu bagi pihak Kementerian, kita membuat yang terbaik, kita melakukan yang terbaik untuk menjadikan negeri Sabah, Sarawak dan juga di Semenanjung menjadi pusat-pusat atau hab-hab pertanian sebagaimana yang diharapkan oleh kerajaan. Bagi negeri Sabah, pembangunan terhadap tanaman, makanan dan ternakan difokuskan di dalam RMKe-11. *So our commitment, the government commitment is, no dispute on it at all*. Tidak boleh dipertikaikan sama sekali kerana pada Rancangan Malaysia Kesebelas sahaja, peruntukan kita begitu banyak, kewangan.

Tahun 2016 sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan ke Jabatan Pertanian Sabah. Manakala RM25.3 juta telah diperuntukkan ke Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternakan Sabah. Dalam aspek penternakan, Sabah yang diiktiraf oleh badan dunia *Office of International Epizootic Diseases* sebagai bebas daripada penyakit utama ternakan akan memberikan tumpuan kepada penternakan lembu dan kambing. *This is what I said just now*, penternakan lembu dan kambing. Kita ini masih lagi 70 peratus mengimport daging. Keperluan daging kita diimport 70 peratus dari India, Australia, Thailand dan sebagainya.

So, kita agak begitu sedih melihat harapan kita untuk melihat import ini dapat dikurangkan dan SSL kita- *self-sufficient level* kita boleh dinaikkan daripada 30 peratus hari ini kepada- *ideally speaking*, bercakap secara idealnya 100 peratus. Akan tetapi kalau tidak dapat pun, 80 peratus atau 70 peratus. Itu pun kita masih lagi terkial-kial. Kerajaan buka *feedlot* umpamanya, *spend so much money*. Belanja RM100 juta lebih *feedlot* di seluruh negara tetapi tidak ramai yang berminat untuk menternak. Ini nak maklumkan kepada Dewan. So kita menyeru kepada syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat perladangan untuk membantu.

Tadi saya sebut Sabah. Bagi negeri Sarawak pula dalam RMKe-11 ini iaitu dari tahun 2016 ke tahun 2020, pagi ini bercakap agak tergagap-gagap sedikit sebab bulan puasa. Jabatan Pertanian Sarawak telah melaksanakan program bernilai RM1.6 bilion.

Ini ditulis tidak berapa betul ini. Sebenarnya bukan telah melaksanakan. Maksudnya peruntukan sebanyak RM1.6 bilion, dengan sebahagian pembiayaan dari Kerajaan Persekutuan. Daripada RM1.6 bilion yang di *allocate* untuk pertanian di Sarawak itu, sebahagian besarnya daripada Kerajaan Persekutuan, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk tahun 2016, tahun ini sahaja sebanyak RM224.5 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan program dan projek pembangunan tanaman padi, sayuran, buah-buahan, tanaman komoditi, penternakan, perikanan darat dan laut, semua sekeliling dan juga beberapa projek infrastruktur seperti pembinaan beberapa buah stesen pertanian dan jalan jelang. Terima kasih.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tahu ialah perancangan ini dah dengar lama. Akan tetapi bagaimana dengan pelaksanaannya? Bilakah nak mula? Bilakah nak berhasil? Sedangkan bagi saya industri makanan ini sangat penting untuk sesebuah negara. Saya hendak mencadangkan Malaysia bolehkah belajar dari Thailand, negara jiran kita. Kalau kita nak mengharapkan GLC, saya hendak mencadangkan supaya di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, ditubuhkanlah satu GLC yang besar untuk mengendalikan projek seperti yang dimaksudkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri, secara ringkas.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kita dah pun buat dan ada hasilnya. Umpamanya apabila saya sebut Taman Kekal Pengeluaran Makanan atau TKPM. Di Sabah ada empat buah kawasan, satu di Putatan, satu lagi Kundasang, satu di Kinabatangan dan satu lagi di Tawau dengan pengeluaran 800,000 metrik tan, pengeluarannya. Keluasannya, kita campurkan Putatan 20 hektar, Kundasang 40 hektar, Kinabatangan 80 hektar, dan Tawau 96 hektar. Nilai keluaran ialah RM1 juta.

Manakala di Sarawak pula, di Miri 220 hektar, Mukah 55 hektar, di Kuching lapan hektar dan di Sebunggal 75 hektar. Pengeluaran 1. juta hektar tan dan nilai RM34 juta. Jadi ini contoh di mana Taman Pengeluaran Makanan atau TKPM, yang telah pun diusahakan di kedua-dua buah negeri tersebut, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan menubuhkan GLC ini di bawah kementerian, Kementerian Pertanian, *we are not in business* Tuan Yang di-Pertua. *Business is* orang lain punya kerja, swasta *is in the business*. GLC's, ada sesetengah kementerian tubuhkan GLC tetapi bagi Kementerian Pertanian kita tidak ada syarikat yang terlibat dalam perniagaan. Kita buat dasar, kita buat program, kita bagi insentif, bagi galakan, bagi itu dan ini *so that the players will come from the private sector or from syarikat-syarikat GLC kerajaan*.

Akan tetapi *in the future*, dengan izin, saya tidak tahulah kalau sekiranya terdesak perlu, mungkin kita boleh pertimbangkan. *But that needs a lot of money*, perlu banyak duit, perlu banyak modal, hendak berniaga ada *risk*. Esok kalau rugi dipertikaikan dalam Dewan ini. Untung okeylah, kalau untung diam. Bila rugi esok, tengoklah. Akan tetapi dalam perniagaan ada untung dan ada rugi. Hendak menternak lembu, *we lose money*, dengan izin, *that is a possibility in the first few years*, dengan izin, *we may have to lose money, that is business*.

Jadi Proton dulu pun masa Tun Dr. Mahathir, sikit ya sebagai analogi, contoh Tuan Yang di-Pertua. Kita dah lama ini *about 40 years in politics we have been following this* daripada Tun Mahathir, Tun Abdullah Badwi, semua kita tahu. *Even Proton during the first five years, they lose almost RM1 billion*. Akan tetapi masa itu kita sokonglah Tun Mahathir, rugi pun sokong juga. *Then he pumped in more money*, barulah Proton itu *slowly recover*. Kalau kita tak *pumped in more money*, *I think Proton* tidak jadi macam yang ada pada hari ini. *So business is not easy*. Saya harap kalau Dewan ini berkehendakkan MoA menubuhkan syarikat, terlibat dalam satu pelaburan besar untuk tujuan menjadikan negara ini sebagai halal hab pertanian dengan eksport barangan makanan ke luar negara, *so we must be prepared* untuk melihat risiko untung rugi yang akan berlaku. Terima kasih.

■1100

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Antara Timbalan Menteri yang rajin turun padang.

Saya selalu tengok dalam *Facebook*, beliau pergi ke kawasan-kawasan luar bandar termasuk Sabah dan Sarawak. Saya dimaklumkan memang kerajaan ada menubuhkan pusat pengeluaran makanan negara di setiap negeri.

Saya telah pergi juga ke Sarawak ada sebuah tempat namanya Tanjong Manis, tidak silap saya dekat Sibu dan kawasannya berpuluh ribu hektar dan Sarawak di samping Sabah pun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut pun banyak juga. Adakah kerajaan bercadang untuk menambah lagi kawasan tambahan makanan negara pada masa hadapan kerana ia telah banyak menambah pengeluaran produk-produk pertanian yang banyak kita import dari luar negara.

Soalan saya seterusnya, apakah hasil sekarang, berapa ratus juta sudah dapat dikeluarkan dan berapa *percent* dapat dikurangkan import bahan-bahan makanan hasil dari kawasan yang telah pun ditubuhkan oleh kerajaan? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat Tan Sri Senator. Memang banyak kawasan TKPM ini Taman Kekal Pengeluaran Makanan Negara. Johor ada, Perak ada. Kita buka tanah luas, Kerajaan Negeri bantu buka tanah dan kita ambil peserta. Seorang peserta ada lima ekar, 10 ekar dan sebagainya. Di Pahang pun luas, orang Pahang tahu.

Akan tetapi masalahnya peserta ini. Orang yang berusaha ini payah kita hendak cari yang betul-betul gigih, mahu berusaha bersungguh-sungguh dan menyebabkan banyak dari taman TKPM yang saya katakan ini yang tidak begitu berjaya. *So, how do we change this?* Orang kita termasuk belia-belia pun tidak berminat pula dalam bidang ini.

*So, daripada pihak kerajaan, kita buat everything. Buka tanah, ambil peserta, bagi peruntukan kewangan untuk infrastruktur, bagi insentif itu, insentif ini. So, I think very important, Tuan Yang di-Pertua it is a cultural change. We have* ubah satu revolusi mental di kalangan masyarakat kita supaya boleh menerima pertanian ini satu perniagaan. Kita sudah uar-uar kan begitu lama. *We have not been successful. The Indian youth is quite receptive to this, Tuan Yang di-Pertua.*

Ada program semua, enam, buka tanam cili dan apa semua *you know very good response* daripada pemuda belia India dan hasil daripada tanaman cili mereka saya rasa memberikan pulangan yang baik, *income* kepada mereka. Akan tetapi di kalangan *the majority*, majoriti belia kita, pemuda kita tidak begitu minat. Kata tidak ada tanah. Mana boleh tidak ada tanah. Saya ingat di Pahang ada berapa ribu ekar tanah, begitu juga di Johor. *I want to stress this.* Kita hendak tekankan perkara ini. Kita hendak tengok apa masalah sebenar masalah kita.

Bukan masalah kerajaan, bukan kurang insentif, bukan kurang bantuan, bukan kurang kursus. Kita kolej ada, ada *training centre* ada *everywhere*, semua ada. *Come, participate, be trained, to be trained* tetapi masalah itu banyak selepas *training*, balik *back to square one*, Tuan Yang di-Pertua. *So, I think* kita pemimpin ini saya haraplah kita pemimpin kepada rakyat, masyarakat *we must uar-uar ini. We change the mindset of the people. The Malaysians must change. The youth of Malaysia must change.*

Satu daripadanya berhubung dengan ekonomi pertanian. *We should be serious, they must be serious as serious as they are in other industrial sector or other economic sector. Then, we can see* pembangunan pertanian, dan apa juga yang dibawa oleh kerajaan itu akan mencapai matlamatnya. Minta maaf saya bercakap agak berfalsafah sedikit, *you know* tetapi *that is the core of the issues, the crux of the issues. It is all attitude, mind set.*

Kalau kita ada pemikiran yang betul, sikap yang betul, ada kemahuan, kita boleh buat. *This is* yang kita haraplah. Tidak tahu bahagian mana, kita pemimpin kena ubah pemimpin masyarakat *response*, terima, *let's embrace the programme and the policy of the government towards* pembangunan industri pertanian dalam negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ini memang satu masalah yang besar. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya hendak meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri lain kali minta izinkan menggunakan perkataan dalam Bahasa Inggeris.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak memohon maaf kerana terlepas pandang bulan puasa. Dua-dua pun lupa, Setiausaha Dewan saya, dan saya. So, saya mengambil kesempatanlah untuk mengucapkan selamat berpuasa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam.

Sekarang kita alih kepada soalan nombor 5, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin bin ES Samad silakan.

**5. Dato' Sri Khairudin Samad** minta Menteri Kewangan menyatakan, apa langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan agar prestasi dan imej Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) kembali seperti dahulu berikutan pengumuman peletakan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Malaysia Airlines Bhd. (MAB), Christoph Mueller.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad mulai 29 Ogos 2014 yang akan terjejas dengan pengumuman peletakan jawatan oleh Christoph Mueller. PPM ini memberi tumpuan kepada 12 bidang utama iaitu meliputi proses tabdir dan rangka kerja kewangan, modal operasi perniagaan, kepimpinan dan modal insan serta pengawalseliaan.

Langkah-langkah pemulihan syarikat secara berperingkat yang sedang giat dilaksanakan oleh pasukan pengurusan Malaysia Airlines Berhad (MAB) dijangka akan meningkat prestasi dan imej MAS. Walaupun Christoph Mueller telah memaklumkan hasrat beliau untuk melepaskan jawatan sebagai CEO MAB lebih awal daripada tempoh kontrak tiga tahun atas sebab peribadi, beliau terus komited untuk memastikan kelancaran PPM dan proses peralihan dijalankan secara teratur dengan meneruskan tanggungjawab sebagai CEO sehingga September 2016.

Beliau juga akan kekal sebagai Pengarah Bukan Eksekutif MAB. Buat masa ini Ketua Pegawai Operasi MAB, Peter Bellew telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif dalam Lembaga Pengarah MAB serta Khazanah memulakan pencarian CEO baru bagi meneruskan pelaksanaan PPM untuk memulihkan kembali prestasi syarikat penerbangan negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator.

**Dato' Sri Khairudin bin ES Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya jadi hairanlah pula kalau sudah Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab begitu. Kita ada pelan pemulihan 12 perkara, kita sudah ada pelan jadi dia berhenti tidak menjadi masalah kepada MAB. Ini mula hendak berhenti kita tidak ada masalah tetapi kenapa kita perlu dibayar beratus ribu dan kita sudah ada pelan kita sendiri. Kenapa kita tidak menjalankan pelan ini tanpa dia dan sekarang dia hendak berhenti, kita hendak kekalkan dia pula.

Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong jawab. Saya tidak faham kenapa kita perlu dia lagi dan tidak ada orangkah dalam negara kita yang boleh menjalankan kerja ini tanpa kita bayar beratus ribu. Sudahlah kita tahu syarikat ini rugi, bayar gaji pula mahal. Sekian, terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Sebenarnya saya difahamkan gaji yang dibayar kepada Christoph Mueller adalah lebih rendah daripada gaji yang beliau menikmati sebelum beliau memasuki Malaysia Airlines. Daripada segi 12 bidang utama ini dia telah dirangka dan telah boleh dikatakan dikeluarkan dalam pelan. Maka pelaksanaan itu perlu lagi kita ada satu CEO, maka kita sedang mencari CEO baru dan kita tidak mengatakan bahawa CEO baru ini tidak boleh datang daripada orang tempatan. Dia terbuka untuk dilihat dan dinilai.

Daripada segi Christoph Mueller yang menjadi Pengarah Bukan Eksekutif dan meneruskan kerja sehingga September 2016 ini adalah untuk mempunyai proses peralihan. Maka daripada segi ini, pada masa sekarang memang tiada penjejasan kerana pelan 12 bidang utama ini masih diteruskan. Sekian, terima kasih.

■1110

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin memohon Yang Berhormat Menteri menyatakan kedudukan dan perkembangan terkini *MAS Engineering* yang pernah pada era kegemilangan MAS menjadi pusat *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO), dengan izin, *aviation* utama Asia Tenggara. Oleh itu, bagaimanakah hala tuju Khazanah bagi memastikan manfaat penstrukturan semula MAS akan terus menjadikan industri MRO *aviation* ini lebih berdaya maju dan menjadi penyumbang utama pelaburan Khazanah dalam industri penerbangan negara? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Saya tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai *MAS Engineering* tetapi kita sedia maklum untuk *quarter* pertama 2016, dengan izin. MAS telah mencatat boleh dikatakan prestasi yang menunjukkan penambahbaikan di mana EBITDA atau *Earnings Before Interest, Tax and Depreciation before exceptional items*, dengan izin, telah mencatatkan keuntungan sebanyak 41 juta. Ini jelas menunjukkan bahawa transformasi atau pelan yang dijalankan itu membuah hasil tetapi dia masih memerlukan masa memandangkan terdapat berbagai-bagai-bagai cabaran terutamanya sebagai contoh untuk kontrak-kontrak *dinegotiate*kan dan sebagainya supaya dapat mengurangkan kos daripada segi operasi MAS. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Tan Sri.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana bagi peluang saya tanya pasal MAS. Saya baru pergi *Europe* baru-baru ini. Difahamkan semua laluan ditutup kecuali di London sahaja. Jadi, Mengapakah jadi begini? Kita hendak cari laluan di *Europe* susah. Dulu kita kalau tidak hendak pergi London, kita boleh terus pergi Paris. Sekarang kalau hendak pergi Paris sudah kena lalu London dulu ataupun kita pakai *code share* dan macam ini makin lama MAS semakin menguncup. Saya lihat kapal terbang swasta macam AirAsia, Malindo lebih berdaya maju. Mengapakah tidak ambil sahaja CEO AirAsia atau Malindo jadi CEO MAS? Yang mula ini nampak macam tidak ada standard. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya daripada segi *code sharing*, dengan izin, dia adalah antara inisiatif yang dilaksanakan bagi mengurangkan kos operasi syarikat atau menghentikan laluan yang tidak menguntungkan serta mengadakan kerjasama strategik dengan *Emirates Airlines*. Melalui kod perkongsian sebegini, dia sebenarnya menyediakan akses yang lebih khususnya melalui rangkaian laluan *Emirates Airlines* yang lebih luas merangkumi 30 buah negara termasuk di benua Amerika Syarikat dan selatan serta Afrika. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan Nombor Enam Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

**6. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) mengapa hanya produk perusahaan kecil dan sederhana yang berasaskan makanan dan minuman atau *food and beverage*, diberi perhatian khusus untuk dipasarkan di luar negara; dan
- (b) apa perancangan kementerian membawa produk-produk bukan makanan ke pasaran luar negara.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat berpuasa kepada semua Ahli Yang Berhormat dan semua yang ada dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah diucapkan atas lantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** *Insya-Allah*, Yang Berhormat akan dapat menjalankan tugas dengan cemerlang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato'.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MATRADE iaitu sebuah agensi di bawah MITI yang bertanggungjawab untuk mempromosikan perdagangan ditubuhkan pada tahun 1993. Maknanya sudah lebih 20 tahun, 23 tahun kita menjalankan tugas untuk mempromosikan eksport negara.

Di samping itu, Ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini harus sedar bahawa ada beberapa buah agensi lain yang juga ditugaskan untuk promosi eksport barangan dan perkhidmatan umpamanya bebanan penggalakan pelancongan *Tourism Malaysia* umpamanya, menggalakkan pelancongan eksport perkhidmatan pelancongan. CIDB sebuah badan di bawah Kementerian Kerja Raya menggalakkan eksport barangan bahan-binaan dan juga syarikat-syarikat Malaysia terlibat dalam bidang *construction*, pembinaan di luar negara. Adanya CDBA, Kementerian Perladangan dan Komoditi umpamanya kelapa sawit dan getah juga terlibat dalam menggalakkan eksport-eksport barang-barang tertentu. Begitu jugalah Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Kementerian Pendidikan Tinggi dan juga Kementerian Kesihatan juga mempromosikan perkhidmatan tertentu.

Jadi MATRADE ini merupakan agensi terbesar di kalangan agensi-agensi yang mempromosikan eksport negara, bertanggungjawab untuk menggalakkan produk Malaysia di luar negara, tugas pertama untuk promosi eksport dan perkhidmatan ke luar negara. Yang kedua, memperkenalkan syarikat-syarikat Malaysia pada pengimport asing, yang ketiga menyebarkan maklumat dan juga untuk mendapatkan apa yang dipanggil *market intelligence* ataupun risikikan pasaran.

Untuk tahun ini, MATRADE telah merancang 150 program. Daripada jumlah tersebut, 85 program promosi eksport dan selebihnya 65 ialah program pembangunan eksport. Ada sedikit perbezaan kedua-dua program tersebut. Kalau kita tumpu kepada program penggalakan eksport, terdapat 85 program tahun ini dan kenyataan Yang Berhormat bahawa kita tumpu cuma kepada industri makanan dan minuman sebenarnya tidak tepat. Daripada 85, Cuma tujuh daripada program tertumpu kepada bidang makanan dan minuman, sembilan kepada bidang minyak dan gas, tujuh kepada peralatan perubatan, tujuh kepada perkhidmatan profesional, enam kepada elektrik dan elektronik. Maknanya, kita bukan tumpu kepada bidang makanan sahaja. Sebenarnya bidang makanan cuma tujuh daripada 85 program dirancang untuk tahun ini, Tuan Yang di-Pertua.

Contoh-contoh pameran antarabangsa yang telah dicadangkan tahun ini termasuklah yang telah berlaku yang telah berlangsung ialah MIHAS, pameran penerangan halal antarabangsa ke-13 yang berlangsung pada akhir bulan Mac hinggalah 1 April di KLCC. Dalam bidang ini bidang makanan. Satu lagi bidang makanan ialah di Dubai, yang tadi di Kuala Lumpur dianjurkan oleh MATRADE. Yang kedua, *Gulfood* di Dubai pada bulan Februari, ini juga bidang makanan. Di Paris juga ada, di Jepun. Ini antara tujuh yang saya sebutkan tadi terlibat dalam bidang makanan.

Selain itu, seperti yang saya maklumkan tadi, sebenarnya lebih banyak kita galakkan eksport produk di luar bidang makanan. Contohnya, umpamanya pada bulan Januari, MATRADE mempromosikan alat-alat perubatan termasuklah ubat-ubatan dan *medical devices*. Ini berlangsung di Dubai satu pameran bernama *Arab Health* di mana MATRADE membawa syarikat-syarikat Malaysia.

Di Indonesia pada bulan Mac dan April lalu, ada *international auto part exhibition* di mana beberapa buah syarikat Malaysia terlibat dengan automotif mengambil bahagian. Di Houston, Texas ada OTC ataupun *Offshore Technology Conference* pada awal Mei. Di mana beberapa buah syarikat Malaysia terlibat dalam bidang *oil and gas* menyertainya. Jadi ringkasnya, sebenarnya lebih banyak tumpuan kita berikan kepada bidang bukan makanan. Ini bukan bermakna bidang makanan tidak penting, penting tetapi daripada segi tumpuannya, daripada segi bilangannya lebih banyak bidang bukan makanan daripada bidang makanan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, selain daripada ke luar negara kita juga bawa pengimport-pengimport ke Malaysia apa yang dipanggil *international sourcing program* ataupun ISP. Ini kaedah kita untuk memperkenalkan syarikat-syarikat Malaysia kepada pembeli-pembeli luar negara dan kaedah ini kita lakukan setiap tahun dan ia juga didapati berfaedah untuk meningkatkan eksport negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited dalam keadaan ekonomi semasa yang kurang menggalakkan untuk meneruskan usaha-usaha ini, menggalakkan eksport negara ke seluruh dunia dan seperti yang saya sebutkan tadi, kita ada 150 program semuanya dan daripada 150, 85 program iaitu program yang berkaitan langsung dengan usaha-usaha untuk menggalakkan eksport Malaysia ke luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang Yang Berhormat Menteri ini pandai dalam Kementerian Perdagangan ini sudah lama, dengan izin, *everything is in fingertips*. So, tolong jangan cadangkan soalan ringkas supaya kita boleh bagi tiga soalan tambahan. Terima kasih.

■1120

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Menteri. Antara produk IKS yang bukan berdasarkan makanan ialah perusahaan tekstil, batik, logam serta kraf tangan, juga termasuk produk-produk lain. Semua produk ini sebenarnya berpotensi ke pasaran antarabangsa jika strategi pemasaran dan promosinya bertepatan.

Soalan saya ialah bagaimana Yang Berhormat Menteri menangani halangan dalam usaha mempromosikan produk-produk yang bukan berdasarkan makanan ini ke peringkat antarabangsa seperti kurangnya penggunaan teknologi, kurangnya kesedaran memperoleh pentauliahan kualiti dan menaik taraf promosi pasaran dengan mewujudkan hubungan dengan pelanggan korporat, usaha mempaten produk tempatan negara kita tidak diciplak oleh produk negara lain? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Yunus.

Memang benar untuk menjual sebarang barangan khususnya untuk eksport, ada dua perkara antaranya yang penting. Pertama ialah harga yang perlu kompetitif. Kedua, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, kualiti perlu mematuhi piawaian tertentu termasuklah piawaian antarabangsa. Jadi kalau harganya tidak boleh bersaing dengan harga keluaran negara-negara tertentu atau kualitinya tidak menepati standard yang ditetapkan, sudah pasti kita tidak boleh dijual. Oleh itu, untuk mengeksport, ini merupakan dua faktor yang terpenting.

Saya ambil contoh batik umpamanya. Yang Berhormat menyebut empat sektor iaitu tekstil, batik, logam dan kraf tangan. Saya hendak sebut dua sebagai menjawab soalan Yang Berhormat tadi, batik dan kraf tangan. Batik ini kita tahu batik menghadapi persaingan yang hebat. Sekarang ini di seluruh dunia, di India ada batik, di rantau ASEAN ini banyak mengeluarkan batik. Kalau dahulu kita tidak ada persaingan. Maka, lebih-lebih penting lagi untuk kita menekankan kualiti dan harga.

Kerajaan telah mempromosikan batik terkini di *Expo Milano* di Milan. Enam bulan ekspo ini, bermula bulan Mei sehingga September, lebih kurang enam bulan dan kita telah berjaya mempromosikan batik di sana. Kita sedia maklum bahawa Milan ini merupakan, dengan izin, *fashion capital of the world*. Dengan kita menonjolkan keluaran tertentu, kita telah cuba mempromosikan batik kita ini. Usaha-usaha telah dilakukan dan ada syarikat-syarikat yang telah berjaya mendapat tempahan daripada syarikat-syarikat ternama dari Itali.

Kraf tangan ini adalah satu bidang yang persaingannya cukup sengit, kita sedia maklum sama ada di Labuan kah, di Langkawi kah, di Kuala Lumpur. Kraf tangan terbahagi kepada dua peringkat iaitu yang pertama kraf tangan yang *mass-produced handicraft*, dengan izin. Kedua ialah *the high-end*, dengan izin, yang berkualiti tinggi. Kita mungkin dapat bersaing dalam bidang *high-end quality handicraft* ini. Itu pun harga dan kualitinya penting. Kerajaan seperti mana sedia maklum, sudah ada Perbadanan Kraftangan, pejabatnya di Jalan Conlay di sebelah hotel- hotel apa itu? Hotel 'Kong Liow', kalau tak silap, minta maaf. Jalan Conlay ada sebuah pusat yang sudah lama ditubuhkan dan Perbadanan Kraftangan bertanggungjawab juga untuk mempromosikan kraf tangan Malaysia. Ia di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang terus berdiri untuk menjawab soalan. Saya cuma ingin bertanya sedikit tambahan daripada soalan yang dikemukakan tadi.



Saya ingin bertanya, usaha MATRADE untuk membawa barangan Malaysia keluar memang ada. Soalan saya, bagaimana MATRADE mengenal pasti atau mencari, dengan izin, *source* produk-produk dalam negara kita untuk dibawa keluar? Sebab, ada kalanya produk-produk IKS di luar bandar atau yang mempunyai kemahiran yang boleh kita bawa ke luar negara tetapi mereka tidak tahu bagaimana untuk menghubungi pihak MATRADE. Jadi, bagaimanakah usaha MATRADE untuk mengenal pasti barangan tempatan yang boleh kita ketengahkan ke luar negara? Itu yang pertama. Kedua, ada berapakah pejabat MATRADE yang beroperasi di negara-negara di luar negara? Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Norliza.

MATRADE ada 45 buah pejabat di luar negara. Sebanyak 35 buah diketuai oleh rakyat Malaysia dan 10 buah lagi diketuai oleh apa yang dipanggil *marketing officers* iaitu pegawai-pegawai yang terdiri daripada kakitangan yang diambil daripada negara berkenaan. Biasanya kalau *marketing officers* lebih murah sedikitlah. Kalau pegawai dari Malaysia, kena bawa anak dan isteri, mahal sedikit ya. Itu sebabnya kenapa kita mengambil kaedah ini. Jadi, 45 buah semuanya dan 35 buah merupakan pejabat yang diketuai oleh rakyat Malaysia.

Selain dari luar negara, kita juga ada pejabat dalam negara. Lima buah pejabat. Di Sabah ada, di Sarawak ada, di Terengganu ada, di Pulau Pinang ada dan di Johor ada. Jadi tugas-tugas pegawai kita dalam negara dan juga di ibu pejabat di Jalan Duta ialah untuk mengenal pasti, iaitu salah satu tugas yang penting, untuk mengenal pasti produk-produk yang mampu kita bawa ke luar negara. Itu merupakan sebahagian tugas utama MATRADE.

Semalam saya di Kuala Kangsar, berjumpa dengan PKS dan menghimpunkan mereka. Di sana pun MATRADE mempunyai beberapa syarikat yang dibimbing oleh MATRADE untuk mengeksport keluaran ke luar negara. IKS di Kuala Kangsar dan Mariwasa umpamanya, sebuah syarikat yang terlibat untuk mengeluarkan barang-barang cenderahati dan cenderamata- hati atau mata? Dua-dua boleh ya- cenderamata, cenderahati. Jadi maknanya di Kuala Kangsar pun MATRADE berperanan untuk mengenal pasti produk-produk termasuk produk PKS yang mampu dibawa ke luar negara. Jadi dengan lain perkataan, soalan Yang Berhormat Datuk Norliza tadi, saya hendak maklumkan bahawa ini merupakan salah satu tugas utama MATRADE untuk mengenal pasti produk-produk PKS.

Sekarang ini kita ada satu program penting untuk meningkatkan eksport PKS di mana kerajaan telah menyediakan peruntukan untuk kita mengenal pasti PKS untuk kita bawa keluar. Pada masa ini, eksport daripada PKS cuma kira-kira 17 peratus daripada jumlah eksport kita. Kira-kira RM770 bilion eksport kita, 17 peratus sahaja daripada PKS. Maka kerajaan berhasrat, bertekad untuk memastikan bahawa sumbangan PKS kepada eksport negara berkembang pada masa akan datang. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini saya melihat di dalam CNN, ada satu slot dipanggil '*Insight Africa*'. Saya minat tengok '*Insight Africa*' ini kerana dia membuat *comparison* di antara negara-negara luar daripada Afrika. Dalam program tersebut, dibawa masuk temu duga bersama dengan fesyen kita, Tom Abang Saufi, dan saya melihat bagaimana mereka ini membuat promosi di luar, cara *networking* mereka.

Saya pernah juga pergi ke *trade show* yang dibuat oleh MATRADE. Saya mendapati bahawa dalam *trade show* kita ini nampaknya orang Malaysia sahaja yang pergi. Jadi, kawan-kawan- tak banyak. Yang pergi orang Malaysia. Kemudian ada jamuan, yang '*dok perhabis*' makanan itu orang Malaysia di sana juga. Di London saya pernah pergi, ramai yang pergi itu rakan-rakan dari Malaysia. Jadi bila perkara ini berlaku, kita rasa sampai atau tidak pencapaian kita kepada orang-orang di tempat kalau kita buat di Dubai, kita hendak *Dubai*ian supaya datang, dengan izin, dan kalau kita hendak buat di London, kita nak *Londoners* supaya datang untuk melihat termasuk restoran-restoran kita?

Saya melihat kaunter-kaunter dari Thailand contohnya, kalau restoran Thailand, *it become international restaurant* dan ramai orang-orang luar yang pergi makan di situ. Begitu juga dengan *Chinese food* dan juga *Indian food*, sudah jadi *international*, tetapi Malaysia masih di tahap yang sama. Kalau ke London itu, yang kita tahu *Satay House* sahajalah.

Jadi saya hendak bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, apakah pencapaian ini dapat Yang Berhormat Menteri *satisfied* ataupun rasa berjaya dalam program-program yang kita jalankan ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1130

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sahabat saya Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah, saya menerima baik pandangan dan juga teguran Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah tadi.

Dua perkara yang pertama Yang Berhormat kata yang hadir ini orang kitalah, tidak ramai orang luar. Kedua, Yang Berhormat bertanya mengenai restoran di London dibandingkan dengan restoran negara-negara lain. Sebagai contohnya, tadi Yang Berhormat sebut Dato' Tom Abang Saufi, dia orang Sarawak ya Yang Berhormat Menteri. Orang Sarawak, orang Ahli Yang Berhormat. Ketiga satu baris ini orang Sarawak, Dato' Tom Abang Saufi. Beliau juga kita libatkan dalam mempromosikan batik Malaysia saya sebut tadi, Expo Milano enam bulan dari bulan April sampai bulan September tahun lepas. Kita merupakan- di sana 140 buah negara, kita *top five*. Maknanya negara yang dianggap paling menariklah, lima- *top five*.

Jadi yang pergi di sana, *Expo Milano* itu orang Malaysia jugalah. Ada Kerajaan Negeri Melaka pergi, Kerajaan Negeri Johor ada tetapi ramai kebanyakan mereka kita-kalau tidak silap saya *target* kita kira-kira tiga juta orang pengunjung. Kita melebihi *target* kita dalam tempoh enam bulan itu tiga juta. Dalam tiga juta itu rakyat Malaysia mungkinlah 2,000 hingga 3,000 lah daripada tiga juta. Jadi maknanya kebanyakan yang mengunjungi *booth* kita di *Expo Milano* di Milan itu merupakan orang luar.

Satu lagi pameran yang penting untuk kita dipanggil *Nanning Expo* (CAEXPO). Ini *China-ASEAN Expo* satu acara tahunan. Sudah 13 kali sudah berlangsung pameran ini di Nanning, negara China. Satu pameran untuk negara ASEAN mempromosikan keluarannya di negara China dan dunia, yang pergi itu seluruh dunia yang mempamerkan barangan sudah pasti kita bawa syarikat-syarikat Malaysia. Tahun ini kita harap kita akan dapat. Biasanya ramai yang memohon syarikat Malaysia, tidak kurang 50 buah syarikat Malaysia yang kita akan bawa bulan September ke Nanning Expo. Kebanyakan pengunjung di situ lah orang Chinalah, orang luar. Jadi saya terima baik pandangan Yang Berhormat, kita kena kerja kuat lagi. Yang Berhormat bertanya sama ada saya puas hati, saya tidak puas hati. Kita akan buat banyak lagi.

Mengenai restoran, di London ada tidak kurang 40 buah restoran Malaysia. Sudah ditubuhkan satu- atas cadangan saya ditubuhkan sebuah Persatuan Pengusaha-pengusaha Restoran Malaysia dan mereka bertanggungjawab untuk mempromosikan makanan Malaysia di London. Setiap tahun ada acara di Trafalgar Square, *Malaysian Nights* bersama dengan *Tourism Malaysia* hari Sabtu kita buat bulan September.

Tahun ini pun bulan September, sudah enam kali sudah dan fokus utama ialah pelancongan dan makanan Malaysia. Tahun lepas merupakan tahun yang paling berjaya, lebih 25,000 yang berkunjung. Orang Malaysia di London ramai tetapi saya sendiri hadir di sana dan saya nampak orang Malaysia mungkin 10 hingga 15 peratuslah, yang ramai itu orang-orang putih nampaknya. Jadi apa-apa pun saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas pandangan dan teguran. *Insyah-Allah* kita akan cuba tingkatkan prestasi supaya Ahli Yang Berhormat berpuas hati dengan pencapaian MATRADE dan MITI di masa akan datang. *Insyah-Allah*, terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Syabas Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Sekarang soalan nombor 7, Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Silakan.

7. **Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apa tindakan yang dapat diambil oleh kerajaan untuk menentukan bahawa negara ini tidak dilanda oleh masalah jerebu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** *Slow* sikit, Tuan Yang di-Pertua. Pertama- *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua ataupun *President of Senate Malaysia*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Selamat berpuasa kepada semua Yang Berhormat Senator yang beragama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, masalah jerebu merentas sempadan daripada negara-adalah berlaku daripada kebakaran di negara jiran. Indonesia sering berlaku apabila tibanya musim Monsun Barat Daya iaitu dari bulan Jun hingga bulan September setiap tahun. Sepanjang tempoh tersebut, pergerakan angin daripada Sumatera dan Kalimantan, Indonesia akan menghala ke Malaysia dan membawa asap jerebu akibat kebakaran tanah dan hutan gambut.

Sejauh mana masalah jerebu ini akan berlaku pada tahun ini bergantung sama ada kebakaran di negara jiran berlaku atau tidak dengan skala kebakaran yang besar. Walau bagaimanapun kerajaan melalui pelbagai agensi yang telah dalam pengurusan bencana jerebu telah bersiap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan dan akan mengaktifkan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan sekiranya jerebu berlaku sekali lagi.

Di peringkat serantau, Malaysia telah menghadiri mesyuarat ke-18 *ASEAN Sub Regional Ministerial Standing Committee (MSC) on Trans-boundary Haze Pollution* yang telah berlangsung di Singapura pada 4 Mei 2016. Semasa mesyuarat tersebut, Malaysia berserta negara-negara serantau lain iaitu Brunei, Indonesia, Singapura dan Thailand mengulangi komitmen untuk terus mempertingkatkan kerjasama serantau bagi mencegah jerebu merentas sempadan.

Selain itu kerajaan- kerjasama dua hala Malaysia dan Indonesia dalam usaha pencegahan jerebu akan diteruskan secara *government to government* di bawah kerangka Perjanjian ASEAN menangani pencemaran jerebu merentas sempadan. Terkini di peringkat serantau, Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada *ASEAN Workshop on Operationalization of Alert Levels and Trigger Points for Fire Prevention and Suppression* yang telah diadakan pada 23 hingga 24 Mei 2016.

Penganjuran bengkel ini telah mendapat persetujuan Menteri-menteri Alam Sekitar anggota ASEAN semasa mesyuarat ke-11 *Conference of the Parties (COP-11)* di *ASEAN Agreement on Trans-boundary Haze Pollution* yang telah berlangsung di Hanoi, Vietnam pada 29 Oktober 2015 dan telah mendapat sokongan kewangan daripada *ASEAN Haze Fund*. Bengkel ini adalah bertujuan untuk negara-negara ASEAN bertukar maklumat mengenai persediaan dan tindakan bagi menangani masalah jerebu dengan memberi penekanan kepada Sistem Amaran Awal Jerebu, *Haze Early Warning System* dan tindakan segera pemadaman *Expeditious Fire Extinguishing* agar jerebu merentas sempadan tidak berlaku. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi. Akan tetapi kita harus sedar bahawa masalah jerebu ini bukan satu masalah yang hanya menitikberatkan *environmental problem* atau alam persekitaran. Akan tetapi yang penting juga kita mesti tengoklah masalah jerebu ini daripada segi ekonomi dan kesihatan. Adakah kerajaan mempunyai kemampuan atau kesiediaan untuk mengatasi masalah ekonomi dan kesihatan yang diakibatkan oleh masalah jerebu ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itulah kenapa semasa mesyuarat *Sub Regional Committee* diadakan di Singapura pada 4 Mei 2016, Malaysia mencadangkan supaya satu kajian dibuat atas impak berlakunya jerebu serantau pada tahun 2015. Dari situ nanti kita akan melihat kesan-kesan yang terkena dengan jerebu ini daripada semua sudut. Sudut ekonomi, sosial, kesihatan dan pelbagai lagi. Jadi ini telah dipersetujui dalam mesyuarat tersebut dan harapan kita ialah supaya semua negara di ASEAN akan memberi maklumat ini kepada ASEAN *Secretariat* sebagai urus setia kepada kajian tersebut.

Dalam masa yang sama, saya telah mengarahkan kementerian saya sendiri untuk membuat kajian dalaman kita sendiri supaya kita bersedia apabila data dan maklumat ini disediakan nanti, kita bukan sahaja umumkan kepada masyarakat tetapi kita akan juga beritahu kepada kementerian-kementerian yang berkenaan dan juga kepada pihak-pihak tertentu untuk mengatasi masalah khususnya dari sudut kesihatan, sosial, impak kepada ekonomi kita serantau. Sekian, terima kasih.

■1140

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Tan Sri kerana jarang Yang Berhormat Menteri datang so saya ingin memaklumkan bahawa Dewan yang mulia ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil kesempatan. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Saya cuma hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, di dalam negara kita sendiri, adakah Yang Berhormat berpuas hati dengan undang-undang yang ada untuk menangani aktiviti pembakaran yang kadang-kadang berlaku dalam negara kita. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas soalan Yang Berhormat Senator tadi Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya sememangnya saya belum lagi berpuas hati dengan undang-undang yang sedia ada dan sekarang kita tengah mengkaji undang-undang dan juga peraturan di bawah undang-undang berhubung dengan masalah kebakaran di seluruh negara. Akan tetapi dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua bahawa masalah ini kena dilihat daripada sudut undang-undang induk kita iaitu Perlembagaan bahawa kuasa kepada perkara-perkara di peringkat negeri adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri khususnya kalau di negeri Sarawak dan Sabah dia lagi mempunyai berasingan yang jauh berlainan lagi, dia hendak satu mekanisme sendiri.

Jadi ini juga kita hendak menyediakan mekanisme untuk negeri Sarawak dan Sabah, macam mana mereka boleh mengoperasi undang-undang mereka selaras dengan undang-undang yang kita kaji. Itulah kenapa apabila saya mengatakan bahawa saya tengah mengkaji undang-undang yang sedia ada dan kedua, peraturan hukuman yang sedia ada khususnya soal kebakaran yang ada pada kita sekarang ini ialah apabila kebakaran berlaku dan pegawai Jabatan Alam Sekitar mengambil tindakan dan tindakan itu dua perkara; satu, di kompaun dan yang kedua dibawa ke mahkamah. Apabila dibawa ke mahkamah menunggu berapa lama mahkamah boleh memutuskan hal kes-kes tersebut dan kadang-kadang kesannya daripada tindakan mahkamah ini oleh kerana proses mahkamah itu adalah panjang jadi tidak terasa sangat pada pihak yang bersalah tetapi yang kompaun ini pula masalahnya ialah diputuskan kepada masa dulu hanya RM2000 tiap-tiap orang yang didapati bersalah kena kompaun hanya RM2000.

Ini saya telah arahkan supaya kita membuat satu *graduated scale*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, menggunakan bahasa Inggeris, *graduated scale* iaitu kalau orang domestik rumah di belakang pakcik, makcik atau abang bakar rumput-rumput dekat belakang rumah mungkin kita boleh kompaun RM2000 tetapi kalau pihak kilang, pihak pekebun, petani besar-besaran ataupun peladang besar-besaran kalau dijumpai dan kalau kita hendak mengkompaun dia, kompaunnya mesti setimbang dengan kesan jerebu yang mereka buat. Ini tengah kita kaji dan akan menunggu proses yang sama macam mana undang-undang lain dilaksanakan hanya tidak perlu dibawa ke Dewan sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, saya hendak membuat komen sikit. Di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri yang begitu sensitif dalam alam sekitar ini, saya mudah-mudahan kita akan mengatasilah masalah-masalah jerebu dan kebakaran. Memang saya tahu Yang Berhormat Menteri ini dia ini lain macam sikit, dia sensitif dia akan terus akan membuat perkara yang betullah.

So, sekarang kita alih kepada soalan nombor 8. Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar.

**8. Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan, adakah kementerian melalui Perpustakaan Negara mempunyai program atau ingin merancang satu program atau menyediakan platform dalam laman sesawang Perpustakaan Negara untuk menggalakkan ilmuwan dan cendekiawan tempatan menyumbang jurnal dan pengetahuan untuk meningkatkan lagi kandungan tempatan (*local content*) dalam negara.

**11.44 pg.**

**Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam Ramadhan buat semua Yang Berhormat dan juga tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Bagi soalan nombor lapan, Perpustakaan Negara Malaysia dalam perancangan membina satu buah platform khusus dalam bentuk portal atau laman sesawang ataupun satu sistem *repository* digital yang khusus di peringkat kebangsaan yang akan memberi peluang dan juga membuka peluang dan juga membuka peluang kepada para ilmuwan dan juga bagi menggalakkan para ilmuwan, para cendekiawan dan juga anak-anak tempatan bagi menyumbangkan artikel, jurnal, hasil kerja penyelidikan dan kertas kerja dan sebagainya sebagai usaha bagi mempertingkatkan lagi kandungan tempatan atau, dengan izin, *local content* di dalam negara kita.

Perpustakaan Negara Malaysia juga menerusi portal u-Pustaka di web [www.u-library.gov.my](http://www.u-library.gov.my) yang sedia ada akan dinaiktarafkan di mana komponen-komponen kemudahan khusus ini boleh kita capai oleh para ilmuwan dan juga cendekiawan tempatan tersebut.

Sehubungan dengan itu, Perpustakaan Negara Malaysia telah pun memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas melalui *Rolling Plan* Kedua untuk membangunkan u-Pustaka sebagai hab maklumat negara bagi membolehkan segala kandungan tempatan ini dapat kita urus dan dapat diintegrasikan dan juga dapat kita capai melalui satu buah gerbang ilmu maklumat. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat memberi jawapan yang rasa tepat tapi soalan- kita tahu maklumat yang diperolehi sekarang memang di hujung jari kita. Tujuan saya bertanya soalan ini yang mana kita tahu bahawa hasil pencapaian yang diragui buat masa ini kerana sebagai contohnya wujudnya berbagai-bagai fenomena wujud di kalangan masyarakat kita sebagai contohnya kumpulan anti vaksin yang mana mereka meragui berbagai-bagai vaksin yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti pembelian ubat-ubatan, protein, suplemen dan produk yang tidak diiktiraf oleh kerajaan.

Saya tidak nafikan Perpustakaan Negara melalui laman web sesawang ada menyediakan pelbagai data, sumber maklumat berbagai bidang ilmu serta segala informasi yang disediakan.

Soalan saya, adakah kementerian menyediakan pendekatan yang diambil oleh kementerian dalam menyediakan platform kepada cendekiawan, berkempen kepada pensyarah dan cendekiawan ilmuwan negara ini untuk menambah ilmu kandungan tempatan supaya semuanya ia untuk dimuat naikan dalam data digital Perpustakaan Negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin:** Terima kasih, Yang Berhormat sebab itu adalah penting untuk kita sama-sama melihat ataupun menilai apa juga kandungan yang kita terima daripada laman sesawang dan bukannya hanya menerima apa juga pembacaan ataupun pemerhatian ataupun yang kita lihat dalam laman sesawang itu dan kita *absorb* ataupun kita terima masuk secara 100 peratus tetapi perlu untuk kita menilai ataupun membuat kajian secara khusus untuk perkara tersebut.

Bagi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia di bawah Perpustakaan Negara Malaysia kita juga ada mempunyai u-Pustaka yang mana ia merupakan salah satu inovasi yang telah dimanifestasikan daripada segi kolaboratifnya bersama dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan juga sokongan dengan Perpustakaan Negara Malaysia serta ahli-ahli konsortium u-Pustaka iaitu antara tujuh lagi Perpustakaan Negara di negeri yang antara Perpustakaan Awam Selangor, Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Perpustakaan Awam Pahang, Perpustakaan Awam Negeri Sarawak, Perpustakaan Awam Kuala Lumpur dan juga Perpustakaan Awam INTAN Bukit Kiara yang mana ia telah dilakukan secara strategik kolaborasi bersama dengan beberapa buah agensi antara MAMPU, EPU, JPN, Pusat Kecemerlangan Teknologi Sensor, Universiti Putra Malaysia, POS Malaysia, dan juga lain-lain.

Di sini maksudnya kolaborasi yang kita adakan itu juga dapat membantu daripada segi pembangunan *content* yang diperlukan oleh pengguna-pengguna yang saya pasti hasil daripada kerjasama dengan pihak-pihak tersebut dan juga sebagaimana telah saya bentangkan sebentar tadi, pembangunan yang ingin kita bangunkan ke arah terkini yang membangun u-Pustaka sebagai hab maklumat negara supaya dapat diurus dengan baik bukan hanya untuk cendekiawan ilmuwan tetapi juga untuk pelajar-pelajar sama ada di dalam ataupun di luar negara dan khususnya untuk rakyat Malaysia. Terima kasih.

#### ■1150

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan akhir, soalan nombor 9. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff silakan.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** *Bismillahir Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 9.

**9. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff** minta Perdana Menteri menyatakan, hasil dapatan pengukuran bagi banciaan purata pendapatan bulanan benar mengikut kaum, bandar dan luar bandar dapat diperoleh bagi menentukan keadaan sebenar prestasi ekonomi negara 2015 - 2020 dan takrifan baru Pendapatan Garis Kemiskinan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, data perangkaan bagi pendapatan isi rumah diperoleh daripada hasil laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS). Penyiasatan ini dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sebanyak dua kali bagi setiap lima tahun dan laporan HIS yang terkini ialah bagi tahun 2014.

Justeru berdasarkan HIS 2014, pendapatan bulanan purata nominal isi rumah Malaysia telah meningkat daripada RM4,025 pada tahun 2009 kepada RM6,141 pada tahun 2014. Ia merupakan peningkatan sebanyak 8.8 peratus setahun bagi sepanjang tempoh tahun 2009 hingga tahun 2014. Maklumat pendapatan bulanan purata nominal isi rumah mengikut etnik dan strata adalah seperti berikut: bumiputera RM3,624 pada tahun 2009 kepada RM5,548 pada tahun 2014 dengan kadar pertumbuhan 8.9 peratus; bagi etnik kaum Cina RM5,011 kepada RM7,666 – 8.9 peratus; India RM3,999 kepada RM6,246 dengan kadar pertumbuhan 9.3 peratus; manakala strata bandar RM4,705 kepada RM6,833 iaitu 7.7 peratus; luar bandar RM2,545 kepada RM3,831 dengan kadar 8.5 peratus; manakala bagi nilai benar pendapatan isi rumah bulanan purata berkembang pada purata 6.1 peratus setahun bagi tempoh masa yang sama.

Bagi maklumat pendapatan bulanan benar isi rumah mengikut etnik dan strata adalah seperti berikut. Bumiputera RM3,687 tahun 2009 kepada RM5,021 tahun 2014 iaitu 6.2 peratus. Kaum Cina RM5,098 tahun 2009 kepada RM6,938 tahun 2014 iaitu 6.2 peratus. Kaum India RM4,068 pada tahun 2009 kepada RM5,652 tahun 2014 iaitu 6.6 peratus.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat juga pendapatan garis kemiskinan merupakan ukuran tahap pendapatan yang berasaskan kepada keperluan minimum yang diperlukan oleh rakyat untuk kekal aktif dan sihat dalam mengharungi kehidupan harian. Walaupun kadar kemiskinan berasaskan kepada ukuran mutlak telah dikurangkan hanya kepada 0.6 peratus pada tahun 2014 PGK akan terus digunakan untuk memantau isu-isu kemiskinan mutlak yang wujud dari semasa ke semasa.

Justeru, selaras dengan kemajuan dalam usaha membasmi kemiskinan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas akan terus memberikan tumpuan fokus dan penekanan kepada isu kemiskinan relatif dan keperluan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah. Dalam agenda pembangunan *inclusive* kerajaan telah melaksanakan program pembangunan kapasiti dan *capability* bagi meningkatkan potensi penjana pendapatan kumpulan isi rumah B40 serta menangani isu-isu semasa mengenai kos sara hidup. Pada masa yang sama kerajaan juga menggunakan pendekatan kemiskinan pelbagai dimensi bagi membantu isi rumah yang memerlukan sokongan tertentu berasaskan kepada keperluan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin meminta penjelasan Yang Berhormat Menteri bagaimanakah Jabatan Perangkaan melakukan pengukuran berasaskan pendekatan *global Multidimensional Poverty Index* (MPI) yang mula diguna pakai di lebih 100 buah negara membangun di mana kerja-kerja pengukuran indeks kemiskinan bukan lagi berasaskan kepada asas pendapatan isi rumah dalam *human poverty index* dengan mengambil kira satu perbezaan etnik dan nisbah kekayaan bagi setiap kaum; kedua, jurang ekonomi bandar dan desa; ketiga, akses pendidikan rendah dan menengah dan kemudahan kesihatan; dan yang keempat, sokongan pendidikan tinggi dan peluang memajukan diri dalam kemahiran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Shahanim. Di hujung jawapan tadi saya ada menyatakan bahawa sememangnya kerajaan menggunakan multinasional dipanggil *poverty index* iaitu indeks-indeks kemiskinan yang perlu kita guna pakai. Sememangnya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas kita telah meningkatkan contoh kalau boleh saya beri daripada segi pendidikan kita juga mempunyai *dimension* mengenai jumlah tahunan persekolahan bagi satu isi rumah termasuk kehadiran mereka ke sekolah.

Dalam soal kesihatan akses untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan, akses kepada bekalan air dan minuman bersih. Kualiti hidup kita melihat tentang keadaan tempat kediaman, bilangan bilik tidur, kemudahan tandas, kemudahan kutipan sampah, pengangkutan sama ada isu rumah tersebut mempunyai pengangkutan atau tidak termasuk juga akses kepada peralatan komunikasi.

Ini yang dimaksudkan- saya rasa oleh Yang Berhormat tentang perkara-perkara yang bukan berasaskan kepada pendapatan isi rumah dalam kita menangani masalah kemiskinan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana perkara ini sangat mustahak. Indeks ini digunakan seperti yang dinyatakan di banyak negara dan negara Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas telah pun mengambil kira MPI ini sebagai *dimension*.

Namun begitu perlu saya tekankan PGK masih lagi kita gunakan asas untuk menentukan tahap kemiskinan isi rumah dalam negara kita dengan mengambil kira *dimension* yang disebutkan tadi sebagai tambahan kepada penilaian, keberkesanan untuk kita membantu rakyat kita yang miskin tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat selesai sudahlah soalan-soalan bagi jawab lisan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2015****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.57 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi, sudah tengah hari ya.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) No.2 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2013 pindaan telah dicadangkan kepada beberapa undang-undang bagi menangani kegiatan jenayah terancang. Pindaan tersebut telah dibentangkan dan diluluskan oleh Parlimen pada mesyuarat ketiga, penggal pertama, Parlimen ke-13.

Antara rang undang-undang yang telah diluluskan pada masa itu ialah pertama Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013.

Kedua, Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013.

Ketiga, Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2013. Selari dengan pindaan-pindaan tersebut Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) ini amat diperlukan sebagai salah satu langkah untuk menambah baik tatacara dalam penyiasatan dan pendakwaan kes-kes jenayah.

Kanun Tatacara Jenayah juga dicadang untuk diperkasakan dengan mencadangkan beberapa pindaan yang merupakan penambahbaikan kepada peruntukan sedia ada di samping memperkenalkan beberapa peruntukan baru. Pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah juga bertujuan untuk menambah baik peruntukkan sedia ada bagi menangani ancaman kegiatan jenayah terancang yang undang-undang berkaitan dengan perkara itu telah dibentangkan dan diluluskan oleh Parlimen sebelum ini. Elemen-elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti yang berikut.

Pertama, fasal 1 mengandungi "Tajuk Ringkas" dan peruntukan bagi permulaan kuat kuasa akta ini.

Kedua, fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Kanun Tatacara Jenayah dengan memasukkan subseksyen baru (5) yang memperuntukkan bahawa mana-mana kesalahan di bawah Kanun Keseksaan kesalahan boleh tangkap jika diperuntukkan dengan nyata di bawah undang-undang bertulis yang lain kesalahan itu kesalahan boleh tangkap.

**■1200**

Ini bagi mengelakkan kekeliruan dalam penyiasatan oleh pihak polis terutamanya bagi kesalahan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga yang secara jelas menyatakan kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga kesalahan boleh tangkap.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 13 untuk menghendaki orang ramai supaya memberikan maklumat kepada polis tentang niat atau perlakuan mana-mana kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain jika orang ramai mempunyai pengetahuan atau maklumat mengenainya. Ini adalah sebagai langkah untuk menangani jenayah yang semakin meningkat dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam membanteras jenayah.



Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 98, Kanun Tatacara Jenayah dengan memasukkan subseksyen baru (6) untuk membenarkan pendakwa raya untuk hadir dalam mana-mana permohonan yang dibuat di bawah seksyen 98.

Dengan cadangan pindaan ini, pendakwa raya boleh hadir di hadapan majistret untuk membuat permohonan bagi menghalang mana-mana orang atau orang awam secara amnya daripada melakukan perbuatan tertentu iaitu yang boleh mengakibatkan gangguan halangan atau kecederaan kepada mana-mana orang. Seterusnya yang boleh membahayakan nyawa, keselamatan atau kesihatan orang ramai atau yang boleh menimbulkan rusuhan atau pergaduhan.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 117, Kanun Tatacara Jenayah dengan memasukkan subseksyen baru (1A) untuk membenarkan pendakwa raya untuk hadir dalam mana-mana permohonan reman yang dibuat di bawah seksyen 117. Ini bertujuan supaya pendakwa raya boleh hadir dalam permohonan reman bagi kes-kes tertentu yang dirasakan perlu yang mempunyai kepentingan awam melibatkan isu undang-undang dan jika suspek diwakili peguam.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 173A dengan memasukkan subseksyen baru (8) dengan pindaan yang dicadangkan peruntukan sedia ada diperjelaskan lagi pemakaiannya iaitu seseorang pesalah tidak boleh dibebaskan dengan atau tanpa syarat dan tiada sabitan direkodkan di bawah seksyen 173A jika seseorang pesalah itu dipertuduh dengan kesalahan berat atau dipertuduh dengan kesalahan keganasan rumah tangga.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 265A, 265B dan 265C. Seksyen baru ini mengadakan peruntukan bagi keterangan saksi yang dilindungi diambil melalui tatacara khas. Pindaan ini dicadangkan bagi menangani masalah keengganan saksi untuk memberi keterangan di mahkamah kerana bimbang keselamatan dirinya jika identiti didedahkan terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan kumpulan jenayah terancang.

Pindaan ini dicadangkan bagi menangani masalah keengganan saksi untuk memberi keterangan di mahkamah kerana bimbang keselamatan dirinya jika identitinya didedahkan. Dengan peruntukan baru yang dicadangkan itu, akan lebih ramai saksi berani untuk tampil memberikan keterangan terhadap apa-apa pertuduhan di mahkamah termasuklah terhadap anggota kumpulan jenayah terancang dan dengan keterangan itu maka sabitan dapat dikenakan terhadap mereka yang melakukan jenayah.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah dengan memasukkan subseksyen baru untuk memperjelaskan lagi pemakaian peruntukan sedia ada iaitu seseorang pesalah yang dipertuduh dengan kesalahan berat atau seseorang pesalah yang dipertuduh dengan perlakuan keganasan rumah tangga tidak boleh dibebaskan dengan bon berkelakuan baik.

Fasal 10 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 399B ke dalam Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan bahawa mana-mana keterangan atau laporan yang diberikan oleh seorang pakar berkenaan dengan aktiviti, struktur, amalan, upacara, tandatangan, insignia, ciri-ciri atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan sesuatu kumpulan jenayah terancang hendaklah diterima sebagai keterangan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 402B untuk memperuntukkan bahawa di bawah seksyen 402B Kanun, mana-mana pihak dalam suatu perbicaraan jenayah tidak dikehendaki untuk mendapatkan izin pihak lain sebelum mengemukakan apa-apa keterangan.

Fasal 12 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 407B ke dalam Kanun Tatacara Jenayah bagi menghendaki tertuduh untuk membayar penalti jika harta yang dirampas telah dilupuskan atau disembunyikan oleh tertuduh atau mana-mana orang lain bagi pihak tertuduh.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 414 bagi memberikan pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu daerah polis kuasa untuk mengarahkan penjualan harta rampasan yang sebelum ini kuasa itu di bawah ketua pegawai polis. Fasal ini juga bertujuan untuk meletakkan hak milikan atau hasil jualan harta rampasan yang tidak dituntut kepada Kerajaan Persekutuan.

Fasal 14 bertujuan untuk menggantikan seksyen 415 untuk membenarkan penjualan harta yang ditahan dengan perintah majistret di bawah subseksyen 413(3) dibuat melalui lelongan awam. Penjualan itu boleh dibuat jika harta tersebut mudah rosak, sukar atau tidak, praktikal untuk disenggara.

Harta tersebut bernilai kurang daripada RM10,000 atau jika penjagaan harta tersebut melibatkan perbelanjaan yang tidak munasabah dan sukar.

Fasal 16 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 425A ke dalam Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen baru 425A memperuntukkan tatacara untuk keadaan jika tertuduh melarikan diri sebelum atau semasa perbicaraannya selepas dia dipertuduh. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, mahkamah dibenarkan untuk meneruskan perbicaraan dan menyelesaikan kes itu tanpa kehadiran tertuduh yang melarikan diri itu. Mahkamah juga boleh menjatuhkan hukuman tanpa kehadiran tertuduh kecuali bagi kes yang melibatkan hukuman mati, pemenjaraan seumur hidup dan pemenjaraan seumur hayat.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda seksyen 430 Kanun Tatacara Jenayah berhubung nilai ganjaran kepada orang persendirian yang telah menunjukkan keberanian, kegigihan, dan keupayaan luar biasa dalam penangkapan seseorang yang terlibat dalam kegiatan jenayah. Sebagai cara untuk menggalakkan orang ramai untuk turut sama membantu menangani jenayah, peruntukan berkaitan dengan pemberian ganjaran kepada orang ramai yang membantu dalam penangkapan penjenayah yang terlibat dalam kesalahan yang membawa hukuman mati atau pemenjaraan dicadangkan untuk dinaikkan daripada tidak melebihi RM100 kepada tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak lebih RM10,000.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Kanun Tatacara Jenayah berbangkit daripada kemasukan beberapa kesalahan baru ke dalam Kanun Keseksaan dan pindaan kepada hukuman bagi beberapa kesalahan tertentu di bawah Kanun Keseksaan.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda seksyen 7 untuk Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No. 2) 2012 iaitu Akta A1431.

#### ■1210

Dengan pindaan ini, subseksyen baru (7) dimasukkan ke dalam seksyen 388A yang dicadangkan untuk memperuntukkan borang yang ditetapkan digunakan berhubungan dengan pemasangan peranti pemantauan elektronik.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda seksyen 8, Akta A1431. Dengan pindaan ini, seksyen baru 390A diganti dengan seksyen yang meliputi penggunaan borang yang ditetapkan bagi pemasangan peranti pemantauan elektronik dan memotong kesalahan mengganggu atau memusnahkan peranti pemantauan elektronik.

Terakhir, fasal 21 yang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10 ke dalam Akta A1431. Pindaan ini bertujuan untuk memasukkan Borang 55 ke dalam Jadual Kedua Kanun Tatacara Jenayah bagi diguna pakai semasa seseorang diperintahkan dipasang dengan peranti pemantauan elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri huraian rang undang-undang ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa Dewan Rakyat ketika membahaskan rang undang-undang ini pada mesyuarat yang lalu telah meluluskannya dengan pindaan seperti mana yang dikepikan bersama dan dibentangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum itu, saya hendak menyampaikan sedikit pesanan sebagai Timbalan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sehati sejiwa. Pertama sekali, saya hendak menyampaikan kepada keluarga saya di sini selamat menyambut menunaikan fardu puasa kita dalam bulan yang penuh berakah ini.

Sesampai saya tadi, saya pusing di blok itu ramai tidak ada orang dan berada di sini, *alhamdulillah* bersyukur saya. Satu petanda yang baik sekali. *Today*, kita gunalah ini dengan penuh tertib dan teratur menghormati bulan puasa kita itu. Sekian, terima kasih banyak.

Sekarang saya buka kepada perbahasan. Sila pertama sekali, saya jemput iaitu Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Sila.

### 12.13 tgh.

**Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk turut serta membahaskan rang undang-undang ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah atas inisiatif kerajaan meminda Akta Kanun Tatacara Jenayah ini kerana ia amat signifikan dalam usaha kerajaan membanteras kegiatan jenayah terancang dan mengenakan halangan bagi jaminan bon berkelakuan baik ke atas OKT yang terlibat dalam melakukan penganiayaan dan kecederaan dalam keganasan rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan rang undang-undang ini, saya ingin mengemukakan beberapa persoalan ke atas inti pati rang undang-undang pindaan Akta Kanun Tatacara Jenayah ini, iaitu:

- (i) fasal 15, seksyen 416J berkaitan dengan satu peruntukan khas bagi menyita perniagaan yang mempunyai kaitan dengan individu atau kumpulan jenayah terancang;
- (ii) fasal 10, seksyen 399B berhubung dengan bukti atau laporan oleh pakar bagi perkara berkaitan kumpulan jenayah terancang dan;
- (iii) fasal 16, bagi memperuntukkan tatacara bagi menjalankan prosiding perbicaraan tanpa kehadiran OKT apabila berlaku kes tertuduh melarikan diri semasa tempoh jaminan selepas pertuduhan pertama dilakukan di mahkamah.

Bagi fasal 15, 416J(1)(a) hingga (d), dan perkara 416J(1)(bb)(ii), saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengapa pegawai dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan pendaftar Syarikat Offshore Labuan di bawah tata kelola Akta Syarikat Labuan 1990. Ini kerana urusan penyitaan akan menyebabkan pekerja-pekerja kehilangan pendapatan dan kita perlu memastikan agar tatacara penyitaan atau perintah bertulis bagi menyita sesuatu perniagaan dibuat secara *legitimate* selaras dengan Akta Syarikat Malaysia 2016 dan Akta Syarikat Labuan 1990. Saya mohon mencadangkan agar prosedur dalam proses penyitaan perniagaan ini diperincikan dengan lebih jelas agar dapat memastikan agensi yang bakal mengawal mempunyai tatacara dan tata kelola yang lebih jelas agar tidak melakukan pertikaian dan saman ke atas kerajaan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perkara kedua berhubung dengan keterangan pakar. Adakah laporan risikan dan kajian oleh bahagian dakwah serta Majlis Agama Islam Negeri boleh diguna pakai sebagai bukti dalam perkara berkaitan dengan jenayah terancang ini? Kita ingin penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri kerana isu penyebaran agama sesat dan peningkatan kes-kes berkaitan hubungan dengan ekstremis agama Islam dan perkembangan ajaran Syiah mempunyai kaitan dengan kata jenayah terancang. Sebagai rujukan, kes pegawai penguasa Agama Pahang, Allahyarham Mohd Rafli Abdul Malik pada 11 November 2013 adalah berkaitan dengan kes kumpulan agama sesat yang berupa membalas dendam. Saya mohon penjelasan lebih lanjut daripada Yang Berhormat Menteri perihal kes ini.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, dan akhirnya sekali fasal 16 bagi memperuntukkan tatacara bagi menjalankan prosiding perbicaraan tanpa kehadiran OKT. Saya ingin mendapat kepastian, apa bentuk hukuman yang lebih berat yang boleh dikenakan berikutan kes OKT-OKT yang melarikan diri selepas pertuduhan pertama disebut di mahkamah.

Mengambil contoh kes Alvin Tan, saya inginkan kepastian bagaimanakah pindaan Kanun Tatacara Jenayah ini dapat mengenakan satu tindakan yang lebih komprehensif atau *watertight*, dengan izin, agar kes-kes lari sebelum perbicaraan ini tidak lagi berulang. Saya juga memohon agar prosedur menahan dokumen perjalanan oleh mahkamah diperketat dan saya mencadangkan agar tidak ada lagi kelulusan diberikan kepada OKT yang telah disebutkan kes dibenarkan meninggalkan Malaysia. Oleh yang demikian, saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kedua, dipersilakan Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian.

### 12.18 tgh.

**Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dilantik menjadi Timbalan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian:** Saya juga hendak mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Datuk SA. Vigneswaran yang dilantik menjadi Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini.

Saya akan membahaskan satu akta yang saya rasakan amat penting dan amat diperlukan sebagai salah satu langkah bagi menambah baik tatacara dalam penyiasatan kes-kes jenayah berat seperti POTA, POCA dan sebagainya. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana saya difahamkan beliau sangat proaktif dalam proses merangka undang-undang ini yang dibuat khasnya kepada Ahli-ahli Parlimen daripada kerajaan mahupun pembangkang untuk mendapatkan maklum balas.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menyentuh beberapa pindaan dalam rang undang-undang ini.

#### ■1220

Pertamanya mengenai perenggan 7 yang memperuntukkan satu peruntukan khas seksyen 265A iaitu *special provision relating to protected witness*. Saya bersetuju kerana ia akan memastikan keselamatan saksi sentiasa terjamin memandangkan mereka yang melakukan jenayah berat didalangi oleh kumpulan jenayah yang besar.

Walau bagaimanapun, masih terdapat kerisauan daripada sesetengah pihak bahawa dengan peruntukan ini mungkin boleh berlaku ketidakadilan kepada mereka yang tidak bersalah.

Oleh yang demikian, apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam memastikan perkara ini tidak berlaku? Bagaimana proses saringan yang akan dibuat kepada saksi bagi memastikan tidak wujudnya unsur penganiayaan kepada tertuduh kelak dan apakah langkah yang telah diambil bagi memastikan kelemahan *enforcement agency*, dengan izin, dapat diperbaiki terlebih dahulu sekali gus dapat mengelak daripada saksi-saksi ini dia diugut dalam menyatakan fakta yang sebenar?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk kepada seksyen 407, Kanun Tatacara ini dipinda dengan memasukkan subseksyen 2 iaitu subseksyen yang berikut. Subseksyen 407B, dengan izin, *penalty if property has been disposed or cannot be traced*. Apa yang saya lihat mengapa pindaan ini dilakukan adalah kerana mengehendaki tertuduh yang kesnya telah dibuktikan untuk membayar penalti jika harta yang dirampas telah dilupuskan atau tidak boleh dikesan. Tujuan pindaan ini, pada hemat saya, dilakukan untuk memastikan bahawa sesuatu harta itu tidak sewenang-wenangnya akan dilupuskan oleh tertuduh tanpa sebarang tindakan yang boleh diambil terhadapnya.

Fasal terakhir adalah berkenaan penambahbaikan berkenaan dengan peranti penguasa elektronik iaitu *electronic monitor device* (EMD). Saya menyokong pemakaian peranti ini kerana kita dimaklumkan bahawa sejak dikuatkuasakan di Malaysia tahun lepas, sebanyak 335 kes jenayah melibatkan penggunaan peranti ini. Kita juga dimaklumkan bahawa penggunaan EMD dikuatkuasakan terhadap penjenayah yang ditahan mengikut POCA yang dipinda pada tahun 2013 untuk membolehkan tindakan menahan tanpa perbicaraan dilakukan. Jadi, ia dilaksanakan bagi mengatasi jenayah serius dan terancang berikutan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengambil sedikit masa dalam Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang ke Sarawak untuk membantu dalam kempen Pilihanraya Umum Sarawak bulan lepas. Penghargaan yang tertinggi kepada semua Menteri-Menteri Persekutuan diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri yang telah membantu dalam kempen di seluruh Sarawak.

Pada masa yang sama, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada keluarga dua orang Ahli Dewan Rakyat iaitu Ahli Dewan Rakyat bagi P.93 Sungai Besar, Yang Berhormat Tan Sri Noriah Kasnon; dan Ahli Dewan Rakyat bagi Parlimen P.67, Yang Berhormat Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad.

Saya juga mahu mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Adenan Satim, Ketua Menteri Sarawak yang mengetuai 'Tim Adenan' telah mendapat kejayaan besar dalam pilihan raya kali ini dengan kemenangan 72 Kerusi daripada 82 Kerusi di Sarawak [*Tepuk*]

Selain daripada faktor Tok Nan, satu daripada sebab-sebab Barisan Nasional Sarawak mendapat mandat besar daripada penduduk Sarawak ialah janji terhadap kuasa autonomi iaitu perkara-perkara yang terkandung dalam *Malaysia Agreement 1963*, dengan izin. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Abdullah Sadong, Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak (N.42) Semop di Dewan Undangan Negeri pada hari Jumaat dulu, 10 Jun 2016, bahawa kalau sekiranya Kerajaan Barisan Nasional Sarawak gagal dalam perundingan untuk mendapatkan semula hak seperti dalam *Malaysia Agreement 1963*, dengan izin, maka Barisan Nasional Sarawak tidak dapat menjamin bahawa Sarawak dapat menjadi *fixed deposit* dalam Pilihanraya Umum Ke-14.

Yang Berhormat Abdullah Sadong tidak bersendirian dalam hal ini kerana sentimen penduduk Sarawak setelah 53 tahun dalam Malaysia adalah, '*at best get mistreated and at worst get short changed*,' dengan izin. Namun, saya amat mengharapkan agar tidak timbul salah faham dengan kenyataan ini kerana tidak dapat dinafikan bahawa semua penduduk Sarawak ialah anak Sarawak warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sarawak tidak ingin perundingan semula *Malaysia Agreement 1963* tetapi sebaliknya pelaksanaan perjanjian- *Malaysia Agreement 1963* seperti Sarawak akan mendapat bahagian perkongsian dalam pendapatan termasuk *oil and gas*, *infrastructure*, Pan Borneo dan juga jangan lupa aspirasi rakyat Sabah dan Sarawak, *high speed rail* seperti Kuala Lumpur ke Singapura, biasiswa untuk anak-anak Sarawak dan juga peluang untuk jawatan-jawatan kanan dalam perkhidmatan awam seperti KSU dan Ketua Pengarah di kementerian-kementerian Persekutuan.

Namun yang menyedihkan dalam Dewan yang mulia ini, hanya terdapat tiga Ahli Yang Berhormat Senator dari Sarawak dan tidak lama lagi akan tinggal dua orang Ahli Yang Berhormat Senator dari Sarawak sahaja. Keadaan ini tentu menggambarkan tidak terdapat keseimbangan dalam perwakilan dari Sarawak dalam Dewan yang mulia apalagi di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir, saya berharap melalui pindaan-pindaan yang dilakukan ini, martabat institusi mahkamah akan dapat kita pertingkatkan dan rakyat dapat melihat sistem keadilan negara dapat ditegakkan dengan sebaik-baiknya.

Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015 ini.

Saya juga mahu mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah, Selamat Pesta Kaamatan dan Ahli-ahli dari Sarawak, Selamat Hari Gawai. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Muslim, selamat berpuasa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian. Di sini kami berbangga dan bersyukur sudah ada yang dipilih sebagai Menteri Sarawak ya, tahniah, dan banyak sumbangan yang diberi kepada Dewan kita ini. Kami mendoakan Yang Berhormat terus berjaya di sana buat kepentingan negara dan bangsa kita termasuk negeri Sarawak.

Sekarang saya meminta Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin. Sila.

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Saya rang undang-undang berkaitan dengan pindaan antidadah, bukan rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Lain-lain tadi saya minta juga Yang Berhormat Tuan 'Md' Ramli bin Shariff. Sila.

■1230

**Tuan Ramli bin Shariff:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, nama saya bukan 'Md. Ramli' ya Tuan Yang di-Pertua, "Ramli" sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Ramli bin Shariff:** *Assalamualaikum,* salam sejahtera dan salam 1Malaysia kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara. Dengan segala hormatnya Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015 yang mana ia suatu langkah yang wajar yang perlu dilakukan dalam memenuhi desakan keperluan penambahbaikan kepada proses perundangan dan sistem keadilan jenayah yang dijalankan dan diamalkan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk terus membincangkan dan menyentuh antara dua fasal baru yang diutarakan di dalam Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015 iaitu fasal 11 mengenai peruntukan di bawah seksyen 402B, dan fasal 12 mengenai peruntukan di bawah seksyen 407B, Kanun Tatacara Jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 11 di dalam Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah ini secara ringkasnya menyentuh mengenai pindaan dalam seksyen 402B yang bertujuan untuk memperuntukkan bahawa di bawah seksyen ini, mana-mana pihak dalam suatu perceraian jenayah tidak dikehendaki lagi untuk mendapatkan izin pihak lain sebelum mengemukakan apa-apa pernyataan keterangan atau *written statement*, dengan izin. Ini dilakukan dengan memotong perkataan, "*With the consent of the parties to the proceedings*" dengan izin, yang tertulis dalam seksyen 402B sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya, seksyen baharu 402B bertujuan untuk memudahkan penggantian keterangan berbentuk lisan dengan keterangan berbentuk pernyataan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, proses ini membolehkan pendakwa raya dan pihak pembela mengemukakan pernyataan dalam bentuk keterangan semasa pemeriksaan utama. Jelas bahawa kemudahan ini akan menjimatkan masa mahkamah dalam perekodan keterangan kerana pernyataan itu akan mempunyai kesan seolah-olah keterangan itu keterangan lisan yang diberikan semasa mahkamah terbuka dan apa-apa *exhibit* yang dikemukakan menurut kuasa seksyen ini dikemukakan seolah-olah dikemukakan dalam perjalanan biasa perceraian.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, ini jelas menunjukkan seksyen 402B, sejak awalnya lagi telah digubal demi mencapai satu maksud yang nyata iaitu untuk membantu mempercepatkan proses pengurusan kes-kes jenayah di mahkamah. Pindaan baru terhadap seksyen ini menyatakan ketidakperluan untuk meminta keizinan daripada pihak lain sebelum mengemukakan apa-apa pernyataan keterangan dan jelas sama sekali dapat melengkapkan keseluruhan tujuan utama seksyen 402B yang telah digubal ini.

Tuan Yang di-Pertua, desakan untuk mengatasi masalah-masalah ribuan kes tertunggak yang belum diselesaikan di Mahkamah Jenayah juga nyata menunjukkan bahawa suatu langkah proaktif perlu diambil segera bagi membantu mempercepatkan proses keadilan jenayah di negara kita. Justeru itu, ia dapat dilakukan dengan meminda sesuatu prosedur yang dirasakan tidak diperlukan atau dapat diistilahkan sebagai *unnecessary procedure*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan pindaan ini hendaklah dalam masa yang sama tidak sesekali mengganggu proses keadilan.

Saya tekankan di sini, proses keadilan yang dijalankan. Keperluan untuk meminda sesuatu proses ataupun prosedur yang dirasakan tidak penting atau relevan adalah sangat dikehendaki di dalam memperbaiki mutu sistem keadilan jenayah di mahkamah. Perkara ini seharusnya disadari oleh semua pihak dan diambil perhatian yang serius daripada pelbagai pihak.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan baru terhadap seksyen 402A yang dicadangkan ini juga merupakan sesuatu yang tepat. Sering kali kita melihat cubaan untuk melengah-lengahkan sesuatu perbicaraan. Perkara ini sudah tentu menyebabkan sistem perundangan negara tidak dapat dilaksanakan dengan secara efektif dan ada juga nasib mangsa tidak dapat ditegakkan dengan secepat mungkin.

Pindaan seksyen untuk tidak mendapatkan keizinan daripada pihak lain dalam mengemukakan keterangan sesuatu langkah yang relevan memandangkan pernyataan bertulis ini sejak awal lagi telah ditakrifkan sebagai sesuatu yang boleh dianggap bukti di mahkamah di bawah seksyen 3, Akta Keterangan 1950 dan kebolehterimaan pernyataan bertulis ini di mahkamah secara jelas telah tertulis dalam seksyen 402B itu sendiri.

Izinkan saya untuk membaca sebahagian daripada peruntukan tersebut Tuan Yang di-Pertua, "*A written statement by any person*". Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, tadi ada saya dah tanda dah, ini banyak sangat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak apa. Ada celah-celah itu.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Manakah?... [*Disampuk*] Depan ini tak betul lagi. Okey, 402 di bawah seksyen 402, saya rasa menteri pun ada menyentuh perkara itu di mana dalam seksyen tersebut, *written statement by any person shall* dan terus disambung, "*...be admissible as evidence to the like extent as oral evidence to the like effect by that person*", dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Maka prosedur dalam mendapatkan keizinan daripada pihak lain dalam mengemukakan bukti ini adalah sama sekali tidak lagi perlu dan tidak relevan Tuan Yang di-Pertua.

Syarat penerimaan sesuatu keterangan bertulis itu juga telah dihadkan dan dikawal di bawah subseksyen 2 di bawah seksyen yang sama dan ini menunjukkan bahawa keterangan bertulis itu tidak diterima oleh mahkamah secara sewenang-wenangnya.

Ini boleh menghilangkan kebimbangan rakyat tentang pindaan yang dicadangkan ini. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya untuk terus menyentuh mengenai pindaan seksyen 407B dalam fasal 12 di mana menjelaskan bahawa di seksyen ini adalah dicadangkan bahawa tertuduh dikehendaki untuk membayar penalti jika harta yang dirampas itu telah dilupuskan atau disembunyikan oleh tertuduh atau mana-mana orang lain bagi pihak tertuduh. Secara ringkasnya, seksyen 407B digubal bagi melengkapkan seksyen baru 407A yang mana kedua-dua seksyen ini merupakan peruntukan berkenaan barang rampasan atau barang sitaan.

Pada hemat saya, peruntukan ini sememangnya wajar untuk memastikan bahawa sesuatu harta itu tidak dengan semudah-mudahnya akan dilupuskan atau cuba dilupuskan oleh tertuduh tanpa ada sebarang tindakan yang boleh diambil terhadapnya. Kezaliman tidak seharusnya dipandang berlaku sekiranya kesemua pihak mendalami maksud sebenarnya peruntukan ini yang dicadangkan.

#### ■1240

Maksud sebenar peruntukan ini dicadang adalah untuk mendukung konsep *restorative of justice*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan dalam masa yang sama membolehkan ia menjadi suatu pengajaran setimpal kepada tertuduh atau mana-mana orang yang mahu melakukan perbuatan yang sama pada masa hadapan. Dengan pindaan ini, ketidakadilan yang dilakukan terhadap seseorang mangsa sesuatu kesalahan boleh diperbaiki oleh orang yang sebenarnya telah memudaratkan mangsa itu melalui tindakannya menyalahi undang-undang.

Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, *the punitive justice*, dengan izin, yang diamalkan di Malaysia hari ini lebih tertumpu kepada hukuman yang hendak dikenakan ke atas pesalah.

Ini teori keadilan yang mempertimbangkan hukuman sebagai tindak balas yang seharusnya diterima kepada jenayah yang berlaku. Oleh yang demikian, cadangan kemasukan seksyen baru 407B adalah sangat menepati dan selaras dengan teori keadilan yang sering diguna pakai di dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, sikit lagi penutup saya. Oleh yang demikian, saya percaya bahawa Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015 merupakan satu inisiatif kerajaan yang baik dan positif dalam meningkatkan keberkesanan proses perundangan dan sistem keadilan yang dijalankan dan diamalkan di negara kita.

Maka dengan ini saya memohon menyokong Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff. Ya, terima kasih dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Shanim binti Mohamad Yusoff. Dipersilakan.

**12.42 tgh.**

**Puan Shanim binti Mohamad Yusoff:** *Bismillahir Rahmanir Rahim...* [Membaca sepotong doa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nanti kejap. Ada lagi siapa-siapa lagi hendak bercakap? Saya beri peluang ya karang. Hantar nama lekas ya. Baik Yang Berhormat, sila sambung.

**Puan Shanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh tiga perkara utama dalam membahaskan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah ini. Pertama perkara berhubung dengan pindaan dalam fasal 4 rang undang-undang ini di mana peruntukan dalam akta ibu bagi suatu perintah sementara dan kes berkepentingan bagi mengurus kacau ganggu awam di mana kehadiran pendakwa raya dibenarkan dalam prosiding permohonan perintah sementara dengan Majistret.

Yang kedua, fasal 15 dalam Bab baru XLIA, berhubung dengan suatu peruntukan menangani jenayah terancang, *organized crime* yang tidak memasukkan entiti atau syarikat yang dilesenkan dalam perkhidmatan pemberi pinjaman wang dan pemegang pajak gadai.

Yang ketiga, persoalan mengenai hak pihak ketiga. Sekiranya harta alih kenderaan atau apa-apa harta alih, sitaan kumpulan jenayah terancang yang dirampas dan ditangkap dimiliki oleh pihak ketiga dan masih mempunyai ikatan kontrak sewa beli atau ikatan pembiayaan kewangan Institusi Kewangan Berlesen dan pengurusan dan keselamatan inventori barang sitaan dalam tempoh siasatan. Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara pertama yang saya bangkitkan mengenai perintah sementara yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret bagi menghalang sesuatu kegiatan atau aktiviti kacau ganggu di lokasi atau bangunan awam yang menjejaskan ketenteraman awam dan mengancam keselamatan negara.

Semenjak Perhimpunan BERSIH 1.0 pada 10 November 2007, diikuti dengan BERSIH 2.0 pada 9 Julai 2011 dan Perhimpunan BERSIH 3.0 pada 28 April 2012. Pihak polis telah mendapat perintah di bawah seksyen 98, Kanun Tatacara Jenayah bagi menyekat perhimpunan di Dataran Merdeka kerana DBKL tidak memberi kebenaran penggunaan lokasi tersebut. Persoalan yang saya ingin bangkitkan di sini, apa bentuk tindakan *affirmative* dan pendakwaan yang dapat dibuat juga menahan serta mengambil tindakan undang-undang kepada penganjur sekiranya sesuatu perhimpunan aman yang dipohon gagal mendapat kebenaran tuan punya ataupun penghuni atau mendapat bantahan pihak berkepentingan di lokasi perhimpunan.

Ini bersesuaian dengan pelanggaran seksyen 9 dan seksyen 11 dan sekatan di bawah peruntukan seksyen 15(2)(g) bagi kebimbangan orang berkepentingan di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012. Persoalan saya juga, apa dengan pindaan, dengan menambah kuasa bagi pendakwa raya menghadiri prosiding di bawah seksyen 98, Kanun Tatacara Jenayah akan membantu meningkatkan penguatkuasaan terhadap helah dan muslihat jahat sesuatu pihak bagi mensabotaj ketenteraman, kesejahteraan dan keamanan negara, tata amalan dan pengurusan kes-kes dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 lebih efektif dan penganjur diambil tindakan punitif maksimum.



Saya juga ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat, semenjak Perhimpunan Bersih 2007 dan kuat kuasa Akta Perhimpunan Aman 2012, berapakah bilangan Perintah Sekatan terhadap kacau ganggu awam yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret seluruh negara? Dan jumlah kes-kes yang sedang dan telah didakwa di mahkamah atas kesalahan kacau ganggu awam di bawah keseksaan, *Penal Code* dan Akta Perhimpunan Aman 2012?

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan fasal 15 dengan memasukkan Bab baru XLIA dan merujuk pada seksyen 416B. Saya ingin mendapatkan penjelasan mengapa entiti atau individu atau kumpulan yang mengoperasi firma pemberi pinjam wang berlesen dan pemegang pajak gadai tidak dimasukkan dalam maksud interpretasi Bab baru untuk menangani kegiatan jenayah terancang.

Mengikut laporan *Berita Harian* bertarikh 8 Jun 2016, terdapat 3,598 buah syarikat pemberi pinjam wang berlesen di seluruh negara. Dalam jumlah yang besar ini kita memang tidak nafikan bahawa kegiatan jenayah pemerasan dan kongsi gelap bernaung dalam melindungi aktiviti pemberi pinjam wang ini.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri tentang berapakah kes-kes keganasan dan pemerasan atau jenayah yang direkodkan dan ada hubung kait dengan syarikat pemberi pinjam wang berlesen dan pemegang pajak gadai. Persoalan seterusnya bagaimanakah pindaan ini dapat kita rangkumkan agar pelesenan serta tata kelola dan kawalan pemegang lesen pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai yang di kuat kuasa melalui peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 dan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 yang dikawal selia Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat dikawal dan diperuntukkan langkah-langkah pencegahan yang lebih komprehensif agar kegiatan jenayah terancang boleh dibendung sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang ingin saya sentuh adalah juga berkenaan dengan fasal 15. Ini menjadi minat saya kerana pengalaman saya bekerja di Maybank. Perkara ini adalah berkenaan dengan pihak ketiga jika rampasan atau sitaan harta alih melibatkan kepunyaan pihak ketiga yang dicuri atau dirompak oleh pihak penjenayah daripada pihak ketiga. Saya ingin mengambil contoh kes rompakan bersenjata yang menggunakan kereta curi. Pemilik kereta yang dicuri mengalami kerugian kerana kerosakan kereta dan juga terpaksa menanggung beban bayaran ansuran bulanan, janji sewa beli dengan institusi kewangan.

Justeru saya ingin mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, yang pertama, apakah dalam pindaan akta ini ada sebuah penetapan tempoh masa maksimum dan minimum sesuatu kenderaan curi dapat dituntut semula oleh pemunya iaitu pihak ketiga kes?

Yang kedua, bagaimanakah status kemudahan penyimpanan barang atau harta sitaan kerana didapati kebanyakan barangan atau harta sitaan berhujan panas siang dan malam di balai polis dan PDRM kekurangan *warehouse* bagi menempatkan harta-harta sitaan alih ini secara selamat dan berinventori sistematik?

Yang terakhir, apakah hak dan perlindungan tambahan yang boleh di*legitimate* dalam Kanun Tatacara Jenayah ini agar bebanan bayaran ansuran bulanan sewa beli atau komitmen bayaran balik pinjaman mendapat kebenaran bagi tujuan *installment rest* atau rehat bayaran insurans selama tempoh siasatan polis selesai?

#### ■1250

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan agar Kanun Tatacara Jenayah ini dapat membantu rakyat kita yang teraniaya seperti kes-kes yang saya sebutkan tadi. Saya benar-benar berharap agar persoalan-persoalan yang dikemukakan mendapat perhatian sewajarnya demi kepentingan rakyat Malaysia. Akhir kata saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah 2015. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Saya bagi akhirnya kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan Yang Berhormat.

**12.51 tgh.**

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi keizinan kepada saya untuk sama-sama berbahas tentang pindaan Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2012. Sebelum itu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Ramadan dan berpuasa pada bulan yang mulia ini kepada seluruh umat Islam. Begitu juga saya ingin melafazkan di sini untuk rekod kita untuk mengucap takziah kepada dua orang Yang Berhormat kita yang telah meninggal dunia dalam nahas baru-baru ini dan juga kepada seluruh yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, pembentang pemindaan yang telah dibentangkan pada kali ini iaitu Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593 dan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2012, Akta 1A(1431) adalah bertujuan untuk mengemaskinikan undang-undang kanun yang sedia ada. Begitu juga memberi input-input yang lebih berkesan kepada pihak kerajaan khususnya kepada pihak-pihak yang terlibat dengan undang-undang ini seperti polis, mahkamah dan sebagainya supaya ia lebih kemas dan juga tersusun daripada yang sedia ada.

Sebelum itu, saya ingin menyatakan bahawa undang-undang yang digubal adalah semata-mata untuk mengawal keselamatan, memberi ketakutan dan juga kehebatan sehingga tidak ada orang yang berani untuk melakukan jenayah. Kalau sekiranya sesuatu undang-undang itu ditakuti dan digeruni daripada melakukan jenayah maka undang-undang itu sudah cukup berjaya. Namun kalau sekiranya sesuatu undang-undang digubal dan diolah tetapi tetap juga orang melanggarnya. Maka sesungguhnya undang-undang itu tidak digeruni dan ditakuti. Jadi kejayaan undang-undang itu ialah apabila dia digeruni.

Adakah dengan penambahbaikan ini undang-undang ini sudah cukup digeruni dan ditakuti oleh mereka yang ada niat untuk melakukan jenayah sama ada jenayah terancang ataupun tidak dan begitulah juga keganasan rumah tangga yang sering dilakukan oleh masyarakat kita sebagaimana sering kita melihat laporan-laporan daripada akhbar. Akhir-akhir sehari dua ini pun keganasan rumah tangga ini dihighlight dengan maaf, dengan izin, di dalam banyak akhbar perdana.

Di sinilah kedudukan undang-undang yang saya rasa perlu kita berfikir. Kita perlu menggubal undang-undang yang ditakuti. Ini sangat penting. Tidak ada gunanya kalau kita ada undang-undang tetapi orang tidak takut. Maknanya kita kena semak balik dan sebagainya. Biar undang-undang itu mungkin nampak keras tetapi kerasnya undang-undang itu menyebabkan orang tidak melakukannya.

Saya teringat seorang hakim yang saya baca dalam sejarah dahulu, dia menjatuhkan hukum mati terhadap pencuri seekor kuda. Orang membantah. Kenapa hanya mencuri seekor kuda dia menghukum mati dan tidak pernah dilakukan hukuman seperti itu sebelumnya. Hakim itu menjawab dengan tegas dia kata, "*Supaya kuda-kuda lain tidak akan dicuri lagi.*" Ini ialah falsafah dalam pembentukan undang-undang dan hukuman supaya hukuman itu ditakuti dan digeruni. Saya mengharap pindaan ini pun akan mencapai sasaran itu.

Perkara yang kedua yang saya ingin timbulkan ialah tanpa pindaan ini apakah halangan-halangan yang telah dihadapi dalam pelaksanaan undang-undang yang sedia ada. Tadi Menteri tidak menjelaskan secara tuntas apa dia halangan-halangan atau sebanyak mana halangan-halangan yang ada sehingga terpaksa undang-undang ini dibuat dipinda dalam penjelasan tadi.

Perkara yang saya hendak sebut yang ketiga ialah keganasan rumah tangga. Sepatutnya rumah tangga ini tidak ganas tetapi kadang-kadang berlaku dalam masyarakat. Jadi, sepatutnya dia aman tetap sebaliknya. Kalau kita lihat di mana-mana pun orang hendak kahwin suka. Habis belanja beribu-ribu sampai kita pun tidak sangka belanjanya begitu besar. Akan tetapi ditakdirkan berlaku keganasan dan keganasan itu biasanya kita melihat daripada pihak suami, digambarkan begitu. Akan tetapi bagi saya melihat juga bahawa keganasan itu bukan hanya satu pihak sahaja tetapi mungkin ada juga daripada keganasan itu daripada isteri.

Kesimpulannya keganasan itu berlaku disebabkan kerana manusia tidak dapat memahami konsep perkahwinan dan tidak dapat mengawal nafsu amarah yang sedang berkobar dalam jiwanya. Oleh sebab itulah perkara ini berlaku. Cuma saya hendak tanya di sini keganasan yang disebut definisinya keganasan rumah tangga itu mula dari mana? Ini kerana masyarakat juga perlu mengetahui walaupun mereka tidak memahami undang-undang seperti pengamal undang-undang tetapi definisi keganasan itu bermula kalau kita hendak faham dari mana, dia *start* di mana.

Perkara yang seterusnya saya ingin merujuk kepada fasal 7 berhubung dengan saksi. Saksi yang dilindungi diambil melalui tatacara khas. Ini semata-mata untuk memastikan saksi tadi berani untuk tampil memberi penyaksian terhadap kes-kes jenayah dan pada waktu yang sama dia akan dilindungi. Bagaimanakah kaedah yang akan dilakukan? Ini kerana saksi ini memang mereka bimbang keselamatan mereka dan sejauh mana undang-undang dapat memastikan bahawa mereka tidak dikenali atau diberi jaminan.

Kadang-kadang pihak-pihak yang terutamanya penjenayah terancang mereka bukan sorang tetapi mereka adalah berkumpulan. Kumpulan mereka mungkin ramai yang berkeliaran dalam masyarakat. Apa jaminan dapat diberikan kerana apabila orang itu pergi saksi, mungkin juga dia kan diketahui bagaimana dia akan dilindungi. Walaupun mungkin dalam kamar yang tertutup atau dengan mempunyai dengan bertulis atau sebagainya. Di sini saya ingin memastikan jaminan itu.

#### ■1300

Begitulah juga saya hendak pergi kepada fasal 10, keterangan yang diberikan oleh seorang pakar itu diambil kira. Saya ingin bertanya di sini adakah keterangan itu perlu cukup dengan hanya seorang pakar sahaja ataupun perlu lebih. Adakah keterangan itu diterima dengan begitu sahaja dan tidak boleh dicabar ataupun ia boleh dicabar di mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat panjang lagi?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Dalam dua minit lagi. Saya rasa tidak apalah. Begitulah juga Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan kenderaan yang disita. Saya tengok dalam di balai polis banyak yang rosak sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Bagaimana hendak menjaga harta itu, harta masyarakat supaya dia tidak terbiar begitu dan kalau hendak dijual dilelong dan sebagainya. Memandangkan masa, Tuan Yang di-Pertua saya berhenti di sini dan saya terima kasih atas peluang yang diberi dan saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya dapati bahawa para Senator telah banyak memberi pandangan-pandangan yang baik, berguna dan penuh falsafah. Saya nampak Yang Berhormat Menteri telah mendengar dengan penuh teliti dan bersedia untuk menjawab satu persatu. Silakan Yang Berhormat.

#### 1.02 tgh.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberi pandangan dan juga cadangan serta pertanyaan semasa perbahasan tadi.

Biar saya mulakan dengan pandangan ataupun persoalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit mengenai bagaimana kerajaan akan pastikan tertuduh seperti Alvin Tan tidak akan melarikan diri. Ini isu melarikan diri setelah jaminan diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kes kesalahan tidak boleh dijamin syarat jamin akan dikenakan oleh pihak pendakwaan iaitu misalnya pasport diserahkan kepada pihak mahkamah dan lapor diri di balai polis. Ini syarat tambahan kepada nilai jaminan dan juga bilangan penjamin. Selain daripada itu juga, pintu masuk dan keluar dipantau oleh pihak imigresen.

Seterusnya tadi juga Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit mengenai prosedur penyitaan untuk peruntukan seksyen 416A. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat peruntukan ini telah pun dipotong ketika pembentangan pindaan dalam Jawatankuasa. Sila rujuk kepada apa yang saya nyatakan tadi, ada pindaan di mana ia melibatkan apa yang telah kita luluskan dengan ada fasal-fasal telah dipotong semasa pindaan dibuat di Dewan Rakyat.

Untuk menjawab Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian. Langkah untuk memastikan proses tidak disalahgunakan di bawah seksyen 265A di mana saksi dilindungi. Pihak pendakwa raya masih perlu berpuas hati saksi ini perlu dilindungi sebelum membuat permohonan ke mahkamah bagi tujuan ini. Ini adalah kerana seksyen 265A menggunakan perkataan, "may", dengan izin. Jadi mahkamah pula hendaklah mengadakan *inquiry* untuk membuat keputusan sama ada saksi ini wajar dilindungi. Ada dua tapisan oleh pihak pendakwa raya dan mahkamah dalam hal ini Yang Berhormat.

Seterusnya tadi juga Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit juga bertanya mengenai kes yang berlaku di Pahang iaitu kes Tuhan Harun di mana pembunuhan terhadap Ketua Pendakwa Syarie Pahang. Untuk makluman Yang Berhormat kes ini masih dalam proses perbicaraan di mahkamah jadi kita tidak dapat membincangkannya di sini.

Mengenai fasal 10 juga Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Bagi keterangan di bawah seksyen 399B yang baru, adakah keterangan pakar bahagian dakwah atau Majlis Agama Islam boleh digunakan? Kalau tidak silap saya Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian juga ada menyentuh tadi perkara ini.

Akan tetapi ini saya jawab kepada Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Saksi pakar di bawah seksyen 399B lazimnya pakar kongsi gelap ataupun- biasanya melibatkan polis. Pakar bahagian dakwah ataupun Majlis Agama Islam sekiranya boleh memenuhi takrifan pakar yang mempunyai pengalaman berhubung struktur aktiviti, amalan dan, dengan izin, *ceremonies* dalam hal ini dan lain-lain unsur kongsi gelap atau, dengan izin, *organized criminal group* yang diperuntukkan di bawah seksyen 399B boleh dipanggil bagi tujuan ini. Syarat utama ialah dia pakar berhubung elemen-elemen *organized criminal group* ini, dengan izin.

Untuk menjawab seterusnya iaitu Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff soalan merujuk kepada fasal 12. Saya rasa Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat pun ada merujuk kepada fasal 15 tadi kan. Sebenarnya fasal 15 ini telah dipotong semasa perbahasan dalam pindaan dalam Jawatankuasa Dewan Rakyat. Sama dengan Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat mengenai definisi keganasan rumah tangga. Ia merujuk kepada seksyen 2, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Saya tidak ada akta dekat sini Yang Berhormat. Itu sahaja yang dapat saya maklumkan setakat ini. Kalau ada yang saya tertinggal mungkin dalam persediaan pegawai-pegawai. Kalau masih memerlukan saya akan memberikannya secara bertulis ya sebab ini masih menunggu, agak cepat di sini. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik terima kasih. Yang Berhormat telah menjawab dengan baik dan ringkas. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh YB Senator Tan Sri Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman, dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah lebih 1 tengah hari dan kita selesai sudah. Saya mengucapkan terima kasih dan dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Sekian, terima kasih banyak.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.12 petang.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

**[Tuan Yang di-Pertua mmpengerusikan Mesyuarat.]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN (PINDAAN) 2015

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**2.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keterangan 1950, dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta Keterangan 1950 ini adalah pindaan berbangkit daripada cadangan pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah yang telah pun diluluskan di Dewan yang mulia sebentar tadi.

Pindaan yang dicadangkan kepada Kanun Tatacara Jenayah dibuat dengan memasukkan beberapa peruntukan baru dan juga meminda beberapa peruntukan yang sedia ada. Salah satu pindaan yang dicadangkan kepada Kanun Tatacara Jenayah adalah dengan memasukkan seksyen baru 265A untuk menangani isu seorang saksi yang takut untuk tampil memberi keterangan kerana bimbang akan keselamatan dirinya. Berikutan dengan cadangan pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah itu, pindaan untuk memasukkan seksyen baru 32A ke dalam Akta Keterangan 1950 adalah suatu pindaan berbangkit berkenaan dengan kebolehterimaan apa-apa keterangan yang diberi di bawah seksyen baru 265A Kanun Tatacara Jenayah berkaitan dengan saksi yang dilindungi.

Secara umumnya, pindaan ini satu keperluan selaras dengan objektif pindaan kepada Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan bab baru 6B Kanun Keseksaan bagi membanteras jenayah-jenayah berat dan kegiatan jenayah oleh kumpulan penjenayah terancang. Pindaan ini diyakini dapat menangani masalah untuk membawa mana-mana saksi yang enggan tampil memberi keterangan di mahkamah kerana bimbang akan keselamatannya. Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat yang menyokong?

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keterangan 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff.

### 2.35 ptg.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia kepada semua rakan Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan pendirian saya bahawa Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2015 merupakan suatu langkah positif yang baik dalam memperbaiki keberkesanan Akta Keterangan 1950 yang sudah lama kita gunakan sebagai salah satu panduan akta utama kepada proses sistem keadilan jenayah dan juga sivil di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, masih terdapat kekangan kepada bukti-bukti yang boleh diterima pakai di mahkamah dan langkah-langkah perlu harus diambil untuk mengelakkan terjadinya ketidakadilan dalam proses penerimaan bukti di mahkamah pada hari ini.

Izinkan saya untuk terus membahaskan mengenai cadangan di bawah kemasukan seksyen 32A dalam fasal 2, Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2015. Secara ringkasnya fasal 2 ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kebolehterimaan keterangan yang diberikan di bawah seksyen baru seperti mana yang diluluskan pada awal tadi iaitu di bawah seksyen 265A, Kanun Tatacara Jenayah yang berhubungan dengan saksi yang dilindungi. Pindaan awal telah dibuat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, jelas bahawa pindaan untuk memasukkan seksyen baru 32A sesuatu yang perlu kerana ia merupakan suatu pindaan yang berbangkit mengenai kebolehterimaan *admissibility*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, apa-apa keterangan yang diberikan di bawah seksyen 265A, Kanun Tatacara Jenayah iaitu yang berkaitan dengan saksi yang dilindungi.

Saya berpendapat bahawa pindaan ini sangat wajar disokong bagi membolehkan objektif utama seksyen baru iaitu 265A, Kanun Tatacara Jenayah tadi mengenai ini masalah membawa mana-mana saksi yang enggan tampil memberi keterangan di mahkamah dapat diselesaikan dan dicapai.

Seterusnya bila kita menyentuh mengenai kandungan seksyen baru ini yang menggunakan perkataan, "*shall be admissible*", dengan izin Tuan Yang di-Pertua, daripada segi konteks penerangan ataupun daripada segi perspektif *the law of evidence*, dengan izin, suka saya menekankan di sini mengenai pemahaman *the three of evidence*, dengan izin, *which included the concept of relevancy, admissibility and the weight of evidence*.

Ketiga-tiga konsep ini saling berkaitan dan merupakan tulang belakang dan asas penting dalam undang-undang keterangan. Suatu fakta yang berkaitan dengan isu yang dipertikaikan dalam kes dikira sebagai suatu fakta yang relevan manakala *admissibility*, dengan izin, atau kebolehterimaan pula merujuk kepada bukti yang diterima di mana hakim mendapati ia berguna untuk membuktikan ataupun menyangkal sesuatu fakta.

Pada hemat saya, penggunaan '*shall*' adalah wajar bagi membolehkan keterangan daripada saksi yang dilindungi ini dapat diangkat menjadi suatu bukti yang kuat dalam percaraan jenayah memandangkan saksi merupakan aset yang berharga kepada sesuatu kes jenayah dan tanpa saksi benar besar kemungkinan sesuatu kes jenayah itu tidak dapat diselesaikan dengan cara yang berkesan. Tuan Yang di-Pertua, isu yang penting sekarang hanyalah untuk meletakkan keterangan saksi yang terlindung ini sebagai suatu yang boleh diterima pakai dalam mahkamah.

### ■1440

Sekiranya kebolehterimaan keterangan saksi ini diletakkan lemah dengan menggunakan perkataan "*may*", dengan izin. Maka, saya yakin bahawa objektif utama seksyen 265A, Kanun Tatacara Jenayah yang telah diluluskan tadi adalah sia-sia. Jadi, saya ingin menekankan di sini bahawa isu penyelarasan undang-undang yang saling berhubungan juga adalah sangat perlu dititikberatkan untuk mengelakkan suatu undang-undang itu digubal secara cacamerba dan tidak mencapai maksud yang diinginkan.

Kerisauan dan penyangkalan mengenai kesahihan saksi tidak perlu dipertikaikan kerana pada akhirnya pihak mahkamah mempunyai tugas dan kuasa dalam menentukan *weight of evidence* dengan izin seperti mana- iaitu *weight of evidence* secara setara yang mungkin dan ini jelas telah ditekankan dalam- kalau diizinkan saya menyatakan bahawa kes *Sabarudin bin Non dan others vs PP* iaitu dalam MLJ 2005 dan juga dalam kes Lee Kuay Heong MLJ 2006.

Oleh demikian, suatu sistem yang seimbang telah wujud di sini bagi mengimbangi hak-hak orang yang tertuduh dan hak-hak yang perlu diberikan kepada saksi di dalam suatu kes jenayah. Perlu juga diingatkan bahawa mahkamah hanya dapat memutuskan ketinggian nilai dan kekuatan sesuatu bukti itu hanya selepas mahkamah berpuas hati memutuskan kes tersebut relevan dan boleh diterima pakai. Jadi, secara kesimpulan keterangan saksi yang terlindung ini adalah sangat wajar diletakkan sebagai suatu bukti yang seharusnya perlu diterima pakai oleh mahkamah di dalam Akta Keterangan.

Oleh demikian, saya percaya bahawa Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2015 merupakan satu inisiatif Kerajaan Persekutuan yang baik dan positif. Dalam memperhalusi kesempurnaan Akta Keterangan yang kita guna pakai sehingga hari ini dan dengan itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2015. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini satu perkara yang berbangkit daripada rang undang-undang bernama suatu Akta Kanun Tatacara Jenayah sebentar tadi, dan *its consequential*lah kita kena buat perubahan. Terima kasih lah Yang Berhormat kerana, dengan izin, telah membuat *differential* mengenai “*may*” dan “*shall*” dan perkara dalam akta ini adalah “*shall*”. Silakan Yang Berhormat Menteri.

#### 2.43 ptg.

**Dato' Mas Ermieyati binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff telah pun menyatakan sokongan terhadap rang undang-undang ini sebagaimana yang telah dimaklumkan berkenaan dengan kandungan dan juga penggunaan perkataan yang dalam akta tersebut. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan dan juga pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Tuan Senator sebentar tadi dan saya rasa itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[**Fasal-fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang ini dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri [YB Tuan Masri anak Kujat], dan diluluskan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (PINDAAN) 2016****Bacaan Kali Yang Kedua dan ketiga****2.48 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan (Pindaan) 2016 dibacakan kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 Akta 638 merupakan satu akta untuk menubuhkan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk meletak hadkan kuasa pada pegawai-pegawai AADK bagi melaksanakan fungsi-fungsi seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 6, akta tersebut.

Akta 638 telah berkuat kuasa pada 1 Ogos 2007 melalui penetapan tarikh permulaan kuat kuasa yang disiarkan sebagai PUB 287/2007 yang mana telah menguatkuasakan semua peruntukan akta kecuali perenggan 6(a), (c) dan (d). Pada masa ini, tiada peruntukan dalam akta yang menentukan tempat tahanan di pejabat AADK dan bidang kuasa pegawai AADK untuk membawa dan menjaga orang yang disyaki sebagai penagih dadah di pejabat AADK bagi maksud menjalani ujian dan sebelum di bawah ke hadapan majistret menurut seksyen 3, dan 4 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 atau Akta 283.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap Akta 638 ini akan membolehkan tempat tahanan reman atau *lock-up* AADK diwartakan serta membolehkan pegawai AADK membawa dan menjaga orang yang disyaki sebagai penagih dadah di tempat tahanan reman atau *lock-up*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, AADK mempunyai 14 buah tempat tahanan reman atau *lock-up* yang telah siap dibina di seluruh negara dan bernilai keseluruhan RM135 juta dengan kapasiti seramai 910 orang tetapi masih belum digunakan mengikut tujuan ia dibina. Antara elemen-elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut.

**■1450**

Fasal 1 mengandungi "*Tajuk Ringkas*" akta.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan tarikh baru pegawai kanan agensi ke dalam Akta 638. Penjelasan berkaitan pegawai kanan agensi perlu dijelaskan di dalam tafsiran kerana ia berkaitan dengan *chain of command*.

Fasal 3, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pegawai agensi untuk mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat koperal dan lebih rendah dan seorang pegawai penjara yang berpangkat sarjan dan lebih rendah di bawah Akta Penjara 1995 apabila membawa dan menjaga orang dalam tahanan agensi.

Fasal 3, juga bertujuan untuk menyifatkan pejabat agensi sebagai sebuah balai polis bagi maksud Akta 638. Ini akan memberi kuasa kepada pegawai agensi semasa membawa dan menjaga tahanan seperti pegawai penjara. Pegawai agensi akan dilindungi dan dipertanggungjawabkan oleh undang-undang ketika menjalankan tugas. Fasal ini juga membolehkan tempat tahanan reman atau *lock-up* agensi diguna pakai sebagai tempat tahanan yang sah di bawah seksyen 7, Akta Penjara 1965 dan memudahkan untuk mewartakan *lock-up* di pejabat agensi.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya, pindaan yang dicadangkan ini adalah bagi membantu pegawai AADK melaksanakan fungsinya dengan lebih menyeluruh dalam menjalankan program rawatan dan juga pemulihan penagih dadah. Penagihan dadah merupakan sejenis penyakit kronik yang mudah berulang dan disebabkan oleh pelbagai faktor ataupun *multifactorial health disorder*, dengan izin.



Memandangkan penagihan dadah merupakan satu penyakit, pengesanan, menjalankan ujian intervensi dan rawatan awal adalah amat penting.

Pada masa ini, orang yang disyaki sebagai penagih dadah yang ditangkap oleh AADK ditahan di balai polis bagi maksud menjalani ujian sebelum dibawa ke hadapan majistret. Dengan pindaan ini, tempat tahanan reman atau *lock-up* yang sedia ada di fasiliti AADK boleh digunakan untuk menahan orang yang ditangkap tersebut bagi mengurangkan beban menyediakan tempat tahanan di balai polis.

Pindaan akta ini akan memberi kuasa kepada pegawai AADK semasa membawa dan menjaga tahanan seperti pegawai polis dan juga pegawai penjara serta membolehkan tahanan ditahan di pejabat AADK. Pegawai AADK yang terlatih dalam bidang rawatan dan pemulihan dadah akan dapat membuat intervensi dan memberi rawatan awal kepada penagih dadah agar pemulihan mereka lebih berkesan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, rang undang-undang ini juga telah diluluskan oleh Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga Belas Penggal Keempat, Mesyuarat Kedua pada 16 Mei 2016. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin.

#### 2.54 ptg.

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan (Pindaan) 2016.

Seperti mana yang kita ketahui, masalah dadah ini telah lama menghantui negara kita bermula dari tahun 1952 apabila undang-undang Akta Dadah Berbahaya diperkenalkan dan ditambah dengan pelbagai lagi undang-undang lain yang berkaitan dengan dadah termasuklah dengan beberapa kali pindaan bagi menyesuaikan dengan perkembangan semasa. Sehingga kini, masalah dadah masih lagi belum mampu untuk diselesaikan di negara kita.

Definisi atau maksud antidadah ialah membenci dadah secara total bagi seluruh rakyat negara kita kerana ini akan mencerminkan masa depan generasi akan datang. Yang bermaksud kesungguhan kerajaan dalam memastikan penguatkuasaan yang dipastikan dapat mengawal selia penagih-penagih dadah ini supaya mereka ini tidak berterusan menjadi penagih dan tidak menyalahgunakan dadah.

Pada masa ini, AADK mengguna pakai empat undang-undang serta akta lain dalam operasi pentadbiran dan penguasaannya iaitu Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988. Walaupun mempunyai akta yang tersendiri serta disokong dengan akta-akta yang lain, bidang kuasa yang AADK melalui pegawai mereka masih lagi terhad dan tidak menyeluruh dalam proses menangani dan juga membasmi masalah berkaitan dengan dadah. Melihatkan kepada senario ini, jelas apa yang diputuskan pada tahun 1995 untuk hanya mewujudkan sebuah agensi tunggal dalam mengatasi masalah dadah sebenarnya masih lagi belum 100 peratus menjadi realiti.

Justeru, pindaan yang dicadangkan kali ini untuk memberi mandat kepada pegawai AADK untuk menjalankan kuasa dan peruntukan yang seperti mana pegawai polis dan pegawai tentera adalah satu tindakan yang amat tepat dalam proses kita memperkasakan Agensi Antidadah Kebangsaan ini ataupun AADK sebagai agensi tunggal yang bertanggungjawab dalam menangani masalah berkaitan dengan dadah. Seperti yang kita sedia maklum, ketika ini pihak polis selain perlu menangani masalah berkaitan dengan dadah, mereka juga perlu berhadapan dengan pelbagai jenis jenayah lain sehinggakan kapasiti lokap milik PDRM padat dan tidak mampu menampung banduan khasnya bagi penagih dadah ini.

Kita amat bersetuju seperti saranan Menteri mengatakan tadi bahawa di pihak Agensi Antidadah atau AADK telah pun menyediakan di bawah Akta 638, telah pun mempunyai hampir 14 buah lokap yang jumlah peruntukannya sebanyak RM135 juta masih lagi belum diguna pakai dan ia boleh memasukkan hampir 990 orang pesalah penggunaan dadah ini. Jadi saya fikir rang undang-undang ini satu rang undang-undang yang bertepatan dan baik untuk diluluskan kepada kita demi masa depan anak-anak generasi kita supaya mereka tidak terlibat dengan dadah.

Jadi, seperti yang kita sedia maklum, seperti saya maklumkan tadi bahawa PDRM juga menghadapi *constraint*, masalah daripada segi lokap yang penuh dengan masalah-masalah jenayah yang lain. Oleh yang demikian, kebenaran yang diserahkan kepada AADK ini dilihat sebagai satu langkah yang tepat bagi mengatasi masalah tersebut. Langkah ini juga sangatlah bersesuaian memandangkan ramai di kalangan penagih dadah ini tidak semuanya melakukan jenayah lain yang merosakkan harta benda kerana mereka hanya terlibat dengan dadah. Maka, sudah pastilah mereka ini dilokap, dihukum, disiasat dan sebagainya oleh pihak AADK. Justeru, pengasingan tahanan mereka daripada penjenayah yang melakukan jenayah dilihat bersesuaian dengan perkara ini kerana kalau kita lihat jika mereka bercampur nanti, kita khawatir mereka akan belajar pula cara-cara aktiviti jenayah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, betapa seriusnya statistik yang dikeluarkan oleh AADK. Sepanjang tahun 2015, seramai 20,794 orang penagih telah pun dikesan berbanding seramai 19,911 orang pada tahun 2014. Sepanjang tahun lalu, seramai 15,581 orang penagih baru dikenal pasti manakala seramai 5,213 orang penagih iaitu penagih yang berulang. Bagi tahun sebelumnya, seramai 12,428 orang penagih baru direkodkan dan penagih berulang pula berjumlah 7,483 orang. Seramai 20,000 orang penagih terdiri daripada lelaki dan 783 orang lagi perempuan. Penagih Melayu yang dikenal pasti seramai 16,731 orang; sementara India seramai 1,707 orang; Cina seramai 1,657 orang; peribumi Sabah seramai 487 orang; peribumi Sarawak seramai 106 orang; dan yang lain-lain seramai 106 orang. Kalau tidak silap sayalah.

#### ■1500

Kalau dilihat mengikut kategori umur golongan remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah tahun lepas seramai 557 orang belia dan ini sangat membimbangkan khasnya statistik golongan muda yang terlibat dalam penagihan dadah. Kalau kita lihat bahawa di negara kita bilangan penagih remaja dan kanak-kanak semakin hari semakin meningkat.

AADK dalam menangani kes-kes penagihan dadah dan dadah sintetik di kalangan remaja dan juga kanak-kanak ini, ada satu jawapan Menteri Kementerian Dalam Negeri pada 19 April tahun ini didapati bahawa kanak-kanak semuda 7 tahun telah pun terjebak dalam dadah akibat kaedah pengedar-pengedar hari ini memberikan dadah di dalam gula-gula yang diberikan secara percuma. Penjual dadah itu telah melampaui batas dengan tindakan memaksa golongan muda mengambil dadah untuk mengaut keuntungan. Isu-isu berkenaan kanak-kanak dan remaja amatlah sensitif dan saya berpendapat AADK perlu memastikan pegawai-pegawai dapat menangani perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beranggapan penghisap dadah ini lebih sebagai seorang pesakit bukan sebagai seorang penjenayah. Mereka sebenarnya memerlukan bantuan dari sudut perubatan sebab gejala dadah ini apabila mereka menghisap dadah mereka tidak akan berhenti dan tabiat ini akan berterusan. Jadi dalam usaha kita membantu mereka kita perlu pihak kerajaan perlu menyediakan bantuan dari sudut kesihatan dan bantuan perubatan bukan menyeksa mereka dari sudut sebagai seorang penjenayah.

Pada pandangan saya kita harus menyediakan satu kaedah perubatan baru yang bersifat serta-merta apabila mereka ditahan oleh pihak penguat kuasa dan sebagainya. Sebenarnya pada pendapat saya jika kaedah tahan dan mengurung mereka di lokap dua atau tiga hari tanpa sebarang bantuan perubatan, ini tidak membantu sebab mereka ini seorang pesakit yang memerlukan bantuan perubatan secepat mungkin daripada menganggap mereka sebagai seorang penjenayah.

Tuan Yang di-Pertua, ada pandangan mengatakan bahawa penguatkuasaan kita agak longgar dan memberi ruang kepada pihak penagih untuk mendapat kemudahan tentang penggunaan dadah.

Malah ada juga kemungkinan pihak penguat kuasa yang sepatutnya menjadi penghalang kepada pengedar dadah sampai kepada masyarakat, kadang-kadang mungkin ada segelintir daripada mereka yang terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah sama ada secara berskala kecil ataupun besar, ini ibarat seperti harapkan pegar, pegar makan padi.

Sejak dahulu lagi kita telah pun meletakkan bahawa dadah musuh nombor satu, negara dan kita lihat daripada dahulu sehingga kini masalah pengedaran, masalah penagihan dadah di negara kita ini masih lagi belum dapat diselesaikan. Mana punca, dan apakah kaedah penyelesaiannya? Inilah yang harus kita fikirkan bersama-sama kerana sehingga kini kita lihat negara kita seolah-olah merupakan satu negara tempat pemprosesan dadah utama di dunia mungkin kerana apabila diserbu oleh pihak STING kita lihat bahawa yang terlibat bukan hanya rakyat tempatan tetapi melibatkan rakyat antarabangsa daripada negara luar yang datang ke Malaysia dengan mudah mereka menggunakan tempat-tempat yang strategik untuk melakukan pemprosesan dadah ini.

Oleh itu saya mohon agar kerajaan lebih peka akan hal ini dan ambil langkah segera sebagai contoh, tidak mengekalkan anggota polis di sesuatu daerah atau kawasan dalam tempoh yang lama. Kita khuatir mungkin perkara-perkara seperti rasuah dan juga penyalahgunaan kuasa akan berlaku jika langkah seperti ini tidak diambil.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, saya ingin cadangkan beberapa perkara kepada kerajaan bagi tujuan penambahbaikan:

- (i) menjalinkan kerjasama di antara AADK dan Kementerian Pendidikan dalam merangka satu dasar baru yang lebih memberikan pendedahan kepada pelajar tentang kesan serta hukuman penyalahgunaan dadah;
- (ii) memastikan kelab dan persatuan antidadah sekolah terlibat aktif dengan aktiviti-aktiviti lawatan dan bantuan pemulihan dadah di pusat tahanan di seluruh negara dan sekali gus memberikan mereka gambaran sebenar situasi penagihan dadah di negara kita;
- (iii) memberi ganjaran yang setimpal dan perlindungan kepada pemberi maklumat berkaitan aktiviti pengedaran dadah agar menjadi mata dan telinga pihak agensi serta pihak berkuasa yang lain;
- (iv) memastikan lorong-lorong tikus yang dianggap syurga bagi sindiket pengedaran dadah antarabangsa dapat ditutup sepenuhnya dengan langkah menaik taraf yang lebih sistematik oleh pihak pelbagai agensi yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan segala pindaan yang dilakukan dalam akta ini dapat memberi nilai tambah kepada usaha yang dijalankan oleh AADK dalam memerangi antidadah, memerangi dadah di seluruh negara. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya ingin memanggil Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han, silakan. Tidak ada dalam Dewan? *[Ketawa]*

**Datuk Koh Chin Han:** Bagi laluan dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Datuk Koh Chin Han:** Bagi laluan dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Tidak ada? Yang Berhormat...

### 3.07 ptg.

**Datuk Koh Chin Han:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk ambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan. Saya ingin ambil kesempatan ini untuk ucapkan terima kasih kepada juga Menteri Dalam Negeri kerana telah mengambil langkah untuk menangani masalah dadah dan juga penagih dadah di negara ini.

Saya berpendapat walaupun niat pindaan bagi memberi pegawai AADK segala kuasa bagaikan pegawai polis dan penjara seperti mana yang dinyatakan itu adalah baik namun pelaksanaannya haruslah diperhalusi bagi memastikan keberkesanan inisiatif ini.

Pertama, saya ingin bertanya adakah terdapat percanggahan peranan ataupun *overlapping of roles*, dengan izin, di antara pegawai AADK dan polis kalau dibandingkan dengan agensi di Amerika Syarikat yang dipanggil *Drugs Enforcement Administration* ataupun DEA, dengan izin Tuan Yang di-Pertua? Agensi ini mempunyai bidang kerja yang amat spesifik termasuk penyiasatan dan pembantuan bagi tujuan penyiasatan rampasan aset yang digunakan dengan tujuan mengedar dadah, mengurus program pemantauan dadah, menyelaras kerjasama antara kerajaan negeri dan agensi dan juga lain-lain.

#### ■1510

Di negara kita sekarang ada STING ataupun nama penuhnya *Special Tactical Intelligence Narcotics Group*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang bertanggungjawab melakukan rampasan dadah dalam operasi. AADK pula bertanggungjawab menahan penagih. Boleh dikatakan satu merampas dadah dan satu buah agensi lagi merampas orang. STING sekarang sedang menjalankan tugas dengan amat baik. Bagaimana AADK akan mengasingkan peranannya, peranan kerja masing-masing antara agensi untuk mengelakkan kekangan pentadbiran dan sebagainya? Bagi memastikan pindaan ini akan membawa perubahan yang ketara, AADK dan agensi-agensi lain serta pihak polis dan sebagainya perlu ada peranan yang jelas. Maka mereka boleh bekerjasama menyokong antara satu sama lain dan menyempurnakan tugas masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya ingin memberikan tumpuan kepada kuasa pegawai dan tatacara penahanan. Apakah tatacara yang akan digunakan oleh pegawai AADK apabila diberi kuasa polis dan sebagainya? Seperti mana yang kita tahu, pegawai polis menjalankan tugas mengikut peruntukan Kanun Tatacara Jenayah. Adakah AADK juga akan mengikut peruntukan yang sama? Ini perlu diperjelaskan supaya tidak timbul keraguan daripada orang awam.

Pindaan ini jika diluluskan mungkin akan mendatangkan kerisauan kerana bukan sahaja pihak polis yang boleh menahan orang, begitu juga dengan AADK yang berkuasa untuk menahan orang. Isu lain yang kemungkinan timbul pertikaian antara agensi dengan pihak lain dalam proses menahan atau membawa tahanan ke pejabat AADK. Bagi mengelakkan masalah ini, saya boleh mencadangkan sekurang-kurangnya seorang pegawai polis dapat mengiring pegawai AADK semasa membuat penahanan ini. Ini saya serahkan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mempertimbangkan.

Selain itu, saya ingin memberi tumpuan kepada satu fenomena yang menjadi semakin membimbangkan iaitu bilangan penagih yang semakin ramai di negara kita. Walaupun saya amat berpuas hati mendapat tahu bahawa AADK ingin mengambil pendekatan pemulihan dan bukannya hukuman, saya ingin bertanya bagaimana AADK akan mengendalikan atau menampung bilangan penagih baru dan berulang yang semakin meningkat. Bukan sahaja orang dewasa sahaja yang menjadi penagih tetapi juga kanak-kanak, wanita hamil dan sebagainya yang terjebak dengan gejala dadah ini.

Adakah pegawai dan kemudahan AADK cukup bersedia mengendalikan kes-kes sensitif seperti ini? Adakah para pegawai akan menahan kanak-kanak ketagihan dadah di tempat tahanan? Apakah peranan ibu bapa kanak-kanak itu sekiranya mereka ditahan? Bolehkah penjaga menghalang pegawai AADK daripada menahan kanak-kanak tersebut? Oleh sebab itu saya minta kementerian menjelaskan tatacara seperti yang disebutkan tadi.

Peningkatan bilangan penagih juga membawa saya kepada persoalan yang seterusnya iaitu terdapat satu kajian oleh Universiti Malaya yang mendapati majoriti penagih yang dipaksa masuk program pemulihan tidak pulih sepenuhnya sebaliknya ataupun *relapse*, dengan izin. Namun, mereka yang masuk dengan secara sukarela kebanyakannya pulih dengan sempurna dan tidak *relapse*. Saya berharap kementerian boleh mengkaji sebab-sebab penagih yang keluar daripada AADK *relapse* agar dapat mengurangkan bilangan penagih.

Satu lagi perkara yang ingin saya sebutkan ialah kepentingan *follow-up treatment*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Adalah penting bagi penagih yang telah dibenarkan pulang dipantau daripada semasa ke semasa. Saya berharap kementerian boleh menyatakan hasil laporan pemantauan ini.

Sebelum saya menggulung, saya mahu memberi penekanan bahawa kita perlu berwaspada terhadap masalah-masalah dadah yang semakin menonjol dan ketara di negara kita ini. Bekalan dadah yang luas, raja dadah yang berleluasa dan pelbagai masalah lain menggugat kesejahteraan negara kita. Diharapkan Kementerian terus berusaha menumpaskan pihak-pihak yang bertanggungjawab ini. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang, silakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas.

### 3.15 ptg.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam sehat hati sejiwa. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyertai perbahasan Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan (Pindaan) 2016.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan ini merupakan satu usaha kerajaan dalam menangani dadah secara total. Dadah merupakan masalah yang telah sekian lama mengganggu-gugat keselamatan, kestabilan malah kedaulatan negara kita. Oleh itu, pindaan kepada rang undang-undang ini tiba tepat pada masanya dan pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan, peringkat kementerian dan juga masyarakat, berganding bahu untuk bersama-sama memerangi dadah yang kita benci ini.

Dadah datang dalam pelbagai bentuk dan manusia kini lebih bijak dalam menghasilkan pelbagai jenis dadah sintetik dan juga dadah berbahaya kepada badan. Ia bukan sahaja memberi pengguna kenikmatan khayal dan memberi kesan mendalam kepada psikologi dan badan manusia malah dadah memang membahayakan. Penyalahgunaan dadah harus dibendung bagi memastikan kelangsungan generasi kita yang bebas daripada dadah.

Saya lihat, peranan AADK kini lebih mencabar. Pengguna dadah ini berkembang seiring dengan teknologi pada masa kini, pelbagai jenis dadah songsang berada di pasaran daripada yang popular seperti heroin, candu dan ganja, kepada yang lebih canggih iaitu syabu, pil yaba, ketamine dan Erimin 5. Walaupun apa-apa pun kategori mereka, fungsi mereka tetap sama iaitu mengkhayalkan, merosakkan badan dan menghancurkan masa depan penagih tersebut. Dahulu penagih dadah terdiri daripada golongan penganggur, mat rempit, budak-budak nakal sekolah tetapi sekarang ini pula golongan profesional juga terlibat seperti doktor, peguam, pemandu bas, nelayan dan tidak lupa juga pelajar daripada universiti-universiti.

Akan tetapi golongan yang saya ingin fokus di sini ialah golongan yang bukan profesional yang biasanya terdiri daripada mereka dari kelas pertengahan dan bawahan. Mereka cenderung untuk melakukan aktiviti jenayah sekiranya kekurangan wang untuk membeli dadah. Dengan ini wujud gejala jenayah seperti curi, rompak, ragut dan sebagainya. Oleh itu rang undang-undang ini lebih kepada aspek pemulihan daripada pemenjaraan. Penagih dadah akan berpindah daripada tahanan lokap dan dibawa ke pusat-pusat pemulihan AADK. Dengan adanya undang-undang ini, maka penagih dadah dapat diurus dengan baik di samping memberi langkah pemulihan. Saya difahamkan pusat AADK telah siap dibina dan akan digunakan sepenuhnya.

Saya juga ingin tahu jumlah pusat-pusat ini di Sabah serta kapasiti penagih dadah yang dapat dimasukkan ke dalam pusat pemulihan ini. Saya juga ingin tahu proses saringan yang dijalankan ke atas tahanan dadah ini dari mula dia masuk iaitu program-program yang akan dilaksanakan ke atasnya dan seterusnya apabila dia keluar. Kita juga jangan lupa, apabila mereka berjaya keluar dari pusat ini, kita tidak boleh lepas tangan begitu sahaja.

### ■1520

Mereka juga harus diberikan bimbingan dan panduan kerana masyarakat kita mempunyai persepsi negatif terhadap pesalah-pesalah dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan juga bahawa Menteri dan Timbalan Menteri baru-baru ini berada di *New York City* untuk menghadiri dengan izin, *United Nations General Assembly Special Session on Drugs*. Pertanyaan saya, apakah hasil daripada lawatan kerja ke sana? Adakah Malaysia memberi apa-apa sumbangan semasa menghadiri persidangan tersebut? Di peringkat antarabangsa Malaysia diberi tekanan untuk menghapuskan hukuman mati, ini pula di dukung dengan pelbagai NGO untuk Malaysia menghapuskan hukuman mati.

Melalui kajian semakan undang-undang, Peguam Negara Malaysia pun mendapati bahawa mahkamah dan badan-badan hak asasi antarabangsa termasuk Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah memutuskan bahawa hukuman mati mandatori pelanggaran hak asasi manusia. Akan tetapi sekiranya kita ingin mencapai perkara ini ia perlu mendapat sokongan ramai.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah status terkini mengenai perkara ini? Adakah ia dalam semakan kajian dan pertimbangan oleh pihak kementerian. Pohon jawapan dan pendirian kerajaan mengenai perkara ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan atas pembentangan rang undang-undang untuk membawa isu mengenai perdagangan dadah atau, dengan izin, *drug trade* di Malaysia sekarang ini, apakah statusnya? Bagaimanakah pula dengan Sabah dan juga Sarawak? Apakah status kedua-dua negeri ini? Dadah haram tidak bergerak dengan sendirinya. Ia menjadi mobil disebabkan pelaku-pelaku ataupun penjenayah-penjenayah yang ingin mengaut keuntungan atas musibah orang lain. Kita akui ada '*king pin*' atau raja dadah bermaharajalela di dunia.

Ada sebuah negara di mana raja dadah ditangkap pada waktu pagi seterusnya dibicarakan dan mendapat liputan media. Akan tetapi pada sebelah petang boleh lolos keluar dan bebas. Apa yang pelik dan ajaibnya ialah raja dadah tersebut boleh bebas semasa di bawah kawalan polis. Saya tidak mahu pergi lebih mendalam mengenai perkara ini, saya cuma ingin fokus kepada isu pengedar dadah di Sabah. Adakah Sabah mempunyai kes seperti ini setakat ini? Berapakah jumlah tangkapan setakat ini dan langkah kementerian dalam menangani masalah ini?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang sama iaitu transaksi *online* bagi pemindahan duit oleh sindiket-sindiket dadah ini. Anggaran dalam laporan yang disediakan oleh Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) menganggarkan kadar transaksi yang melibatkan kira-kira USD870 bilion bersamaan dengan RM30.6 trilion. Dengan angka-angka sebegini, mana mungkin raja dadah berhenti atau pencen daripada operasi. Apa mekanisme yang sedia ada dalam akta ini bagi membolehkan transaksi secara *online* ini boleh dipantau sekiranya satu-satu transaksi itu berlaku di negara kita, Malaysia?

Saya juga ingin mengutarakan kebimbangan saya agar kementerian mengambil perkara ini secara serius kerana saya khuatir negara kita akan menjadi transit kepada penyebaran duit haram ini. Apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengawal dan menyekat transaksi seumpama ini? Pohon jawapan daripada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata bersama-samalah kita menyokong hasrat kerajaan yang murni ini dalam memerangi dadah. Dadah musuh negara, semoga negara kita akan menjadi bebas dari dadah. Saya dengan ini menyokong pindaan Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji R.M. Monutty, silakan.

### 3.26 ptg.

**Dr. Mohd Nor bin Haji R.M. Monutty:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Saya ingin juga mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai pindaan Akta Agensi Dadah Kebangsaan 2016 kerana melihat betapa perlunya kita bersikap tegas tetapi pada masa yang sama mengambil pendekatan berhikmah, kedua-duanya diperlukan. Undang-undang memang sangat diperlukan dan undang-undang yang ada pada saat ini untuk penambahbaikan kepada AADK sesuatu yang dialu-alukan.

Akan tetapi kita juga hendaklah mengambil satu lagi peringatan bahawa persoalan dadah ini seperti yang selalu disebut sebagai musuh pertama negara. Pada masa yang sama saya ingin mengambil satu pendekatan daripada segi agama Islam untuk menyatakan kepada semua rakyat Malaysia terutama kepada masyarakat Islam yang mempunyai rujukan di dalam Al-Quran dan juga sunnah Rasulullah SAW bahawa apa-apa sahaja yang membawa kepada '*madar*', keberbahayaan terhadap agama, terhadap akal, terhadap diri, terhadap keturunan dan juga terhadap kehormatan diri atau *dignity* adalah suatu yang perlu difahami dan dihayati sepenuhnya. Maksud saya ialah bahawa inilah yang dinamakan sebagai Maqasid Syariah, tujuan-tujuan utama syariah.

Jadi kalau ada pandangan yang menyatakan bahawa persoalan dadah ini bukan merupakan suatu persoalan yang tidak diberikan perhatian dalam agama Islam, kita ingin menyangkal pandangan yang sedemikian. Ini kerana salah satu kesan daripada keburukan dadah yang sedang berkembang di negara kita pada hari ini ialah bahawa ialah kita amat khuatir pada masa hadapan zuriat generasi yang akan datang ini akan terbantut ataupun terjejas. Kita telah mendengar daripada pelbagai pihak termasuk di dalam Dewan yang mulia ini, daripada orang nombor dua PEMADAM, Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah dalam sesi yang lalu bahawa kedudukan pembuatan dadah, fenomena dadah pada saat ini adalah semakin kronik dan *sophisticated*.

Oleh yang demikian, undang-undang ini tidak akan berkesan kalau sekiranya tidak ada *political will*. Kalau sekiranya tidak ada keikhlasan termasuk di kalangan penguat kuasa yang mesti beramanah dan tidak mengkhianati sama sekali kepada dasar untuk membasmi dadah dari bumi Malaysia. Kita bimbang bahawa masih ada kedengaran suara-suara dan juga kemungkinan keadaan sekarang ini sudah terkawal tetapi saya berharap perkara ini tidak akan berlaku lagi. Bagaimana adanya kemungkinan pihak penguat kuasa di dalam penjara ataupun dalam polis yang juga *bersyubahah* seperti yang disebut oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi, menerima rasuah untuk semata-mata terlibat dalam kegiatan dadah.

Jadi saya mencadangkan supaya pihak berkuasa negara mengambil tindakan yang setimpal, tindakan yang berat terhadap sesiapa di kalangan penguat kuasa dalam gerakan untuk menghapuskan dadah ini supaya tidak di *compromise* sama sekali dan diberikan satu tindakan yang boleh memberikan kesan kepada masa hadapan penguatkuasaan dadah di dalam negara kita.

#### ■1530

Jadi saya tidak mahu bercakap panjang yang penting ialah bahawa saya juga ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan, sejauh mana benarnya kedudukan amalan dadah di kalangan penagih-penagih dadah di kawasan luar bandar semakin teruk, semakin buruk jika dibandingkan dengan kedudukan penagih-penagih dadah di bandar?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang AADK (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya silakan Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

#### 3.31 ptg.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya turut menyokong rang undang-undang ini kerana seperti mana rakan-rakan yang lain, saya juga bersetuju bahawa AADK perlu diperkemas. Sekarang ini dadah bukan lagi kita menggunakan perkataan dadah menyerang kita tetapi kita perlu menyatakan bahawa kedudukan dadah kini mencemaskan. Apabila kita sebut perkataan mencemaskan ini bermakna kita terpaksa memberi tumpuan. Kita telah pun *declare*, dengan izin, bahawa dadah musuh negara nombor satu. Apabila kita *declare* ataupun kita menyatakan bahawa dadah ini musuh negara nombor satu, maka kita hendak mencegahnya pun mesti juga nombor satu ataupun lebih.

Akan tetapi pada masa sekarang kita dapat lihat bahawa kita berperang dengan dadah ini sambil lewa. Tidak begitu serius dalam kita menghadapi masalah dadah ini. Dadah juga berubah-ubah.

Kalau dulu ganja, sekarang ini lebih daripada ganja. Sekarang ini banyak dadah tiruan ataupun *synthetic drugs* ataupun *designer drugs* begitu banyak sekali telah memasuki negara kita dan kita menjadi negara transit.

Apabila kita sebut negara transit makna kata dia masuk, dia duduk di sini sebentar dia keluar balik. Itu yang kita faham dengan transit. Akan tetapi dalam fahaman dadah ini apabila transit itu kita hendak tahu daripada kerajaan berapa banyak yang masuk, yang ditangkap, dadah yang masuk, yang ditangkap, kemudian yang dikeluarkan. Yang dikeluarkan itu kita tidak pernah tahu, berapa banyak yang keluar balik daripada negara kita ini. Yang masuk kita dapat tahu, yang keluar kita tidak dapat tahu. Jadi kita hendak kira daripada keluar dan masuk itu, kita hendak congak berapa banyak yang tertinggal dalam negara kita. Ini yang kita hendak tahu sekarang ini.

Oleh sebab itu kita gunakan perkataan transit ini untuk pemahaman rakyat. Jadi rakyat pun rasa tidak bimbang sebab kita transit sahaja. Padahal yang transit itu, yang tercicir daripada transit itu kita hendak tahu berapa banyak angka ini supaya kita dapat menjadikan satu *benchmark* untuk kita berperang dengan dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat angka dunia memang menakutkan, 324 juta orang penagih sekarang ini, banyak. Sebanyak 27 juta mengalami masalah akibat penggunaan dadah yang berlaku, yang terlibat secara *direct*, yang ditangkap, yang masuk 27 juta. Ini UNODC punya *figure*. Dadah ini Yang Berhormat sekalian, bukan sahaja dadah ini otak kita menjadi rosak, *brain damage*, dengan izin. Akan tetapi apabila kita ambil dadah ini daripada sembang-sembang saya dengan penagih dadah, mereka merasa apabila mengambil dadah ini terasa rindu-rinduan. Macam kita bercinta. Apabila kita rindu-rinduan itu kita akan mengatasi segala halangan untuk pergi, untuk berjumpa, untuk mengambil. Jadi apabila rindu-rinduan terhadap dadah ini, inilah yang cukup bahaya dalam kalangan anak-anak muda kita ini, sifat rindu-rinduan ini terlalu tinggi di antara mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat, itu kita bercakap soal dadah yang sudah dahsyat ke peringkat *cannabis*, peringkat *methamphetamine* dan sebagainya. Akan tetapi, yang kita bimbang ini yang perlu juga AADK ataupun kerajaan mengambil maklum berhubung dengan gam ini. Gam ini di pangsapuri-pangsapuri di Kuala Lumpur, maklumat yang kita dapat terlalu hebat tetapi kita tidak boleh ambil tindakan. Ini kerana tidak ada proses yang hendak menunjukkan bahawa ada dadah dalam itu ataupun termasuk juga dengan NPS ini, *designer drugs* ini yang dibawa masuk dan tidak boleh menjatuh hukuman.

Kalau ditangkap apabila dibuka *chemicals* nya, menunya, salah satu menu tidak terdapat dalam undang-undang kita. Jadi apabila ada perkara ini berlaku, maka dadah ini tidak dapat ditangkap, *pusher* ini tidak dapat dibuktikan bahawa mereka ini memiliki dadah. Jadi undang-undang ini juga perlu dilihat oleh kerajaan sama ada kita ada *umbrella* undang-undang ataupun undang-undang yang merangkumi semua, yang buktinya mesti ditunjukkan oleh pengedar-pengedar dadah ini.

Jadi Ahli Yang Berhormat, saya melihat juga bahawa dalam pengedaran dadah ini memang banyak berlaku perkara-perkara yang menyebabkan kematian. Hari itu saya bercakap soal dadah di Pulau Perhentian di mana pil kuda, serum kuda dicucuk di dalam botol-botol. Baru-baru ini berlaku di Pulau Tioman, belum selesai lagi kes ini. Di Pulau Tioman masih lagi teruk daripada di Perhentian. Kalau Perhentian itu *love affairs* di antara pembawa bot dengan pelancong tetapi di sana antara pelajar dengan pengawal yang menggunakan dadah. Jadi sekiranya perkara begini masih dibiarkan, maka saya yakin dan saya percaya bahawa peperangan kita dengan dadah ini tidak akan dapat kita atasi.

Seperkara lagi berhubung dengan rang undang-undang ini juga. Baru-baru ini kita mendapat taklimat daripada bahagian narkotik dan ada disebut bahawa kadang-kadang pegawai-pegawai yang dipindah, dia naik pangkat itu terlalu cepat. Ada ketua yang baru hendak mempelajari kawasan itu, baru hendak mengenali *pusher*, baru hendak mengenali penagih-penagih, pesakit-pesakit dadah ini tiba-tiba dinaikkan pangkat. Datang orang baru, orang lama sudah tidak tahu, sudah tidak kenal penagih-penagih dadah dan *pushers* ini.

Apabila kenaikan pangkat berlaku ataupun perpindahan pegawai-pegawai ini, maka anak-anak ini akan mengambil dadah semula. Ada diceritakan bahawa setengah *special branch* yang dikatakan begitu aktif, populasi penagih-penagih dadah berkurangan apabila dia ada di situ. Apabila dia dipindahkan ke tempat lain maka mereka ini akan kembali semula menagih dadah dan sebagainya. Jadi saya minta supaya perkara ini diambil maklum supaya pemindahan pegawai-pegawai itu tidak terlalu cepat.



Jangan terlalu cepat dan kalau boleh dadah ini penyakit anak-anak muda, kalau boleh biarlah AADK ini terdiri daripada anak-anak muda, dan mereka ini boleh menyelesaikan masalah mereka, masalah anak muda ini. Jangan kita letak yang tua sangat, yang terlampau senior sangat memegang jawatan dalam AADK ini.

#### ■1540

Jadi saya mencadangkan supaya yang muda-muda yang agresif, yang boleh masuk campur, yang boleh berlakon seolah-olah mereka juga menagih dadah, baru kita boleh masuk bersama dengan pesakit-pesakit ini. Kalau kita hantar yang orang kata yang tua yang pergi masuk- hendak bercakap dengan dia orang pun tidak boleh, hendak *WhatsApp* pun tidak boleh, hendak *Facebook* pun tidak boleh, saya tidak nampak jalan perkara ini dapat diselesaikan.

Kedudukan lokap tangkapan penjenayah berkaitan dadah pasti kelulusan daripada bomba, kesihatan, kena semuanya ada kerana mereka ini pesakit, mereka ini bukannya secara *criminal*. Oleh sebab itu ada pegawai narkotik yang menyatakan kepada saya kami dalam narkotik ini, kami tidak boleh tunggu kami kena keluar cari budak-budak dadah. Kalau CID orang datang *report case*, kes tembak, kes bunuh, kes merompak tetapi narkotik, dia kena keluar cari orang-orang yang menjual dadah ini.

Jadi, dua masalah yang berbeza. Sebab itu dalam narkotik sendiri menyatakan bahawa mereka tidak cukup kakitangan untuk keluar mencari mereka yang menaburkan dadah dalam sesuatu kawasan ini. Sekarang ini, saya dimaklumkan ada lebih kurang hanya 5,000 di seluruh Malaysia. Mana mungkin dengan 5,000 orang pegawai sedangkan peperangan semasa Mexico mengumumkan perang terhadap dadah di Mexico mereka menggunakan *enforcement* sebanyak 35,000 orang.

Jadi ini yang 35,000 orang anggota polis, 50,000 orang anggota tentera semasa Presiden Mexico Felipe Calderon. Pada tahun 2006, mengumumkan bahawa kita perang terhadap kartel dadah ini dan dalam pengumuman itu ia meragut 39,392 nyawa yang terkorban. Sebab itu saya kata tadi kalau hendak perang, perang habis-habisan. Kalau macam sekarang kalau setakat kita hendak masuk pergi bagi ceramah kepada budak-budak ini, tidak jalan, memang tidak jalan.

Di sempadan contohnya, saya melihat sendiri bagaimana di sempadan Thailand, di Padang Besar macam mana mudahnya kita hendak masuk dan mudahnya kita hendak keluar. RM2 sahaja dalam pasport boleh keluar, RM2 dalam pasport boleh masuk. Jadi, kalau perkara begini masih lagi berleluasa, maka orang yang membawa masuk dadah ini mereka tidak hairan, tidak takut dengan undang-undang yang ada sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' saya ingin mencelah sedikit. Dato' Mohd Suhaimi, berkenaan dengan jenayah ini, dia orang cagak kerja jual dadah ini lumayan sangat. Itu pasal ini susah kita hendak banteras. Apakah pandangan Yang Berhormat? Jual dadah ini lumayan.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Jual dadah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Kalau kita tengok statistik Tuan Yang di-Pertua ekonomis menginterpretasikan bahawa perdagangan dadah ini salah satu perdagangan yang paling tinggi di dunia, berbilion-bilion Ringgit. Dadah yang dibawa masuk, *raw* dadah yang dibawa masuk dan bila keluar keuntungannya lebih kurang 250 peratus.

Jadi, baru-baru ini tangkapan ada dibuat. Saya dimaklumkan bahawa sebiji pil itu mendapat keuntungan lebih kurang RM250 bila sampai ke tempat yang lain. Kalau RM250 sebiji pil, bayangkan pil-pil yang ditangkap baru-baru ini begitu banyak. Jadi, keuntungan daripada penjualan dadah ini memang lumayan sekali dan kita sendiri mendengar ada negara-negara yang *pushemya* menjadi *political back up* kepada negara *political back up* kepada Menteri-Menteri mereka, mereka cukup *fund*.

Baru-baru ini yang ditangkap yang dimasukkan ke dalam penjara, rakyat sendiri bangun untuk menentang apabila beliau ditangkap.

Padahal mereka tahu beliau adalah *pusher* yang paling besar dan yang paling kaya kerana dia yang menentukan, dia bagi dia punya *corporate social responsibility* (CSR) dia, dengan izin, begitu hebat sekali, hebat dari Malaysia. Sebab itu apabila dia ditangkap rakyat bangun untuk minta supaya jangan ditangkap Menteri ini. Jadi, lumayannya begitulah lumayannya penjualan dadah ini.

Seperkara lagi yang membimbangkan kita apabila ganja ini di*legalize*kan, diberi hak untuk penjualan di mana-mana sahaja. Saya tidak tahun bagaimana AADK hendak menentang perkara ini. Bagaimana polis hendak menentang perkara ini. Kalau kita pergi sekarang ini ke Amerika ada tiga *state*, saya tidak ingat *state* mana. *Three state in America* telah pun *legalize* marijuana. Maknanya kita ke sana seperti mana kita ke Amsterdam kita dapat makan kuih ganja, kita dapat hisap ganja, kita dapat minum air ganja dan sebagainya. Sekarang ini juga Hak Asasi Manusia, *human right* sedang berperang dengan kita ini hendak minta supaya di*legalize*kan ganja ini. Kalau ini yang berlaku Yang Berhormat sekalian saya tidak tahu macam mana kita hendak berperang.

Ketiga, soal kewangan. Kita tahu bahawa peniagaan dadah ini memang banyak wang dan kita ini tidak ada wang untuk hendak menentang mereka. Saya difahamkan dulu PIBG ada peruntukan untuk buat program berhubung dengan dadah sekarang sudah tidak ada peruntukan. Badan-badan NGO tidak ada peruntukan. PEMADAM sekali tidak ada peruntukan. Kita terpaksa buat golf minta *donation*. Saya pergi ke kampung-kampung. Dalam mesyuarat PEMADAM daerah ada yang mencadangkan supaya kita jual jus rambutan untuk hendak dapat keuntungan untuk menentang dadah. Macam mana kita hendak lawan mereka. Mereka sudah pakai *machine gun*, kita masih diberi keris untuk melawan.

Pakcik-pakcik jawatankuasa dadah di kampung-kampung masih berfikir hendak meniaga jual jus rambutan hendak dapat keuntungan untuk hendak melawan dadah sedangkan diambil masuk ke sempadan kita ini. *Masya-Allah*. Macam mana kita hendak berlawan dengan mereka ini. Peruntukan daripada kerajaan, kita pohon. Kita pohon dan kita minta memang AADK dapat peruntukan tetapi tidak cukup. Tidak cukup.

Sebuah daerah kita hendak buat satu program, dia orang tidak mahu buat. Tidak ada peruntukan. Bila saya turun berjumpa DO-DO bagi peruntukan kami boleh buat. Kami boleh himpun orang-orang kampung hendak buat program di kampung kena makan bihun, hendak kena makan laksa, hendak kena- siapa yang hendak keluar duit ini? Saya menyatakan dalam ucapan saya yang lepas, angka yang diberi oleh AADK dan angka yang diberi oleh PDRM berbeza begitu banyak. Baru-baru ini saya turun supaya PEMADAM dapat mengambil angka-angka yang betul sebab saya yakin dan percaya bahawa ahli jawatan kuasa PEMADAM, yang juga JKK, yang juga penghulu yang juga dia- mereka ini kenal siapa penagih dadah. Mereka kenal siapa curi kasut di masjid, mereka kenal siapa curi kereta, mereka kenal siapa *pusher* barang kampung.

Sebab itu, saya minta mereka supaya dapatkan angka-angka ini supaya kita hendak tengok perbezaan di antara dua angka ini yang mana betul. Saya telah buat sebuah daerah *masya-Allah*. Memang orang kampung dia boleh buat *man to man marking on drugs*. Sama juga kita buat pemutihan semasa pilihan raya. Akan tetapi, apa yang kita boleh buat bila kita tidak ada peruntukan yang cukup. Saya menyeru Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mempunyai modenisasi yang begitu tinggi tetapi rakyat di bawah menagih dadah, kita tidak akan ke mana.

Kita mempunyai *professional lawyer* tetapi di belakangnya mengambil dadah, tidak ada guna. Kita balik ke kampung, anak-anak kita, mungkin hari ini anak kawan kita, besok anak kita. Kalau tidak anak kita pun cucu kita, anak saudara kita.

#### ■1550

Kalau perkara ini tidak diambil serius oleh kerajaan saya rasa generasi khusus kepada bumiputera akan *somehow rather*, dengan izin, pupus Tuan Yang di-Pertua. Seramai 1.65 juta orang penagih di Malaysia ini, *sorry*- bilangan dunia 1.6 juta orang penagih terdiri daripada HIV AIDS *patients*. Di Malaysia saya tidak ada angka untuk saya bentangkan di sini. Tuan Yang di-Pertua, saya kadang-kadang merasa letih juga bila bercakap berhubung dengan dadah ini kerana tidak ke mana, tidak ke mana. Cakaplah berbuih mulut pun cerita yang sama.

Tidak ada peruntukan, undang-undang yang kita tengok pun kadang-kadang kita pun berasa letih. Kadang-kadang ada orang kampung yang bagi tahu Mr. 'A', Mr. 'B', Mr. 'C' adalah *pusher* dalam kampung tetapi tidak dibuat apa-apa kepada mereka ini. Kita tengok rumah mereka besar dari rumah orang lain, kereta dua ke-tiga biji di bawah rumah dan kita tahu mereka ini tidak ada kerja lain hanya kerja menjual dadah. Akan tetapi, apabila dibuat laporan kita tidak dapat satu tindakan yang boleh memberangsangkan kita untuk terus berlawan dengan dadah ini.

Jadi, saya menyeru kepada kerajaan agar kuasa yang diberikan kepada AADK ini akan menambah baik dan akan dapat menangkap begitu banyak lagi penagih-penagih dadah. Dengan pusat-pusat pemulihan yang ada sekarang ini saya tidak nampak jalan bahawa kita dapat memulihkan semuanya, kalau kita dapat memulihkan 20 peratus pun cukup baik. Ada cerita yang menyatakan bahawa di dalam pusat pemulihan dadah juga ada *tennis court* yang dibaling bola yang mempunyai dadah di dalamnya. Jadi, kalau ini yang berlaku saya yakin dan percaya bahawa peranan kita dalam melawan dadah ini tidak akan berjaya. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Dato' Mohd. Suhaimi. Sekarang saya memanggil Yang Berhormat Datin Hajah Rahimah. Sekejap Ahli-ahli Yang Berhormat, jikalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas tolong berikan nama. Terima kasih.

### 3.52 ptg.

**Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas laluan yang diberikan kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini. Izinkan saya menyentuh beberapa fasal daripada rang undang-undang ini. Antaranya, pindaan ini diluluskan hari ini lokap Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) kini diwartakan sebagai tempat tahanan sah bagi pesalah dadah sekali gus mengurangkan beban Polis Diraja Malaysia (PDRM) termasuk kesesakan di lokap balai polis seluruh negara.

Saya juga menyokong pindaan di mana AADK bakal dinaik taraf dan diiktiraf sebagai agensi sama taraf dengan polis. Dengan ini, pindaan ini bakal memperuntukkan pegawai AADK mempunyai kuasa seorang polis berpangkat koperal dan lebih rendah. Selain pegawai penjara berpangkat sarjan dan lebih rendah apabila membawa dan menjaga individu dalam tahanan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpanggil untuk menyentuh gejala penyalahgunaan dadah di Kelantan, di negeri saya. Di Kelantan pil kuda mengikut statistiknya adalah paling tinggi di Malaysia penggunaan pil kuda.

Begitu juga syabu dan pil khayal mudah diperoleh bukan di pasaran gelap tetapi secara terang-terangan. Apa yang membimbangkan saya ialah pelajar sekolah turut terlibat malah ada yang menjadi pengedar. Mungkin di Kelantan ini kerana faktor berdekatan dengan negara jiran menyebabkan pil dadah ini mudah diseludup masuk. Jadi, saya menyeru kepada pihak kerajaan mestilah mengambil tindakan yang serius seperti Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi sebut tadi kes dadah ini sudah lama, berkali-kali disebut, diulang dalam Dewan yang mulia ini tetapi tidak ada kesudahannya. Jadi, mahu kah kita tinggalkan generasi-generasi akan datang generasi yang lemah seperti yang disebut dalam al-Quran. *Bismillahir Rahmanir Rahim... [Membaca sepotong ayat al-Quran]* Kita tidak mahu tinggal generasi-generasi pelapis adalah generasi yang lemah.

Maka saya ingin mengambil kesempatan agar pintu-pintu sempadan negara jiran ini dikawal ketat dengan secara profesional. Mana-mana pegawai yang didapati menyeleweng kuasa mereka perlu diambil tindakan. Malah, saya amat bersetuju jika pegawai dihadkan tempoh masa berkhidmat di pintu-pintu masuk sempadan bagi mengelakkan terlalu lama bertugas yang boleh terdedah kepada penyalahgunaan kuasa. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bertanya beberapa soalan iaitu pertama, berapakah jumlah pusat serenti di seluruh negara hari ini? Adakah cadangan untuk membina yang baru, dapat kah ia menampung pesakit dadah ini?

Keduanya, adakah kajian dibuat mengikut *ratio* kaum ataupun adakah orang Melayu paling ramai terlibat dalam penggunaan dadah ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya memanggil Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Silakan.

**3.57 ptg.**

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan (Pindaan) 2016. Bercakap mengenai dadah ini Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah lama dan saya nampak dadah ini sudah jadi *established*. Kadang-kadang orang kampung tidak kenal, budak-budak muda tidak kenal, kita yang buat promosi dadah. Kadang-kadang budak ini dia ada semangat ingin tahu, ingin mencuba dan kita *dok* promosi.

Jadi, budak-budak ini ingin tahu sebab itu saya rasa benda ini menjadi macam-ia merebak-merebak. Sampai ke hari ini, kita tengok bajet kerajaan lebih kepada pemulihan. Saya rasa pemulihan itu yang kedua. Pertama, pencegahan dan kita tengok memang undang-undang negara kita ini ada hukum mati, penjara seumur hidup, saya tengok daripada segi ketegasan dalam menguatkuasakan undang-undang ini ada yang kena tangkap memang *confirm* kena hukum bunuh tetapi bicara-bicara lepas. Di Malaysia ini, saya lebih hendak cadang kepada kerajaan. Jangan fokus kepada pemulihan, fokus kepada pengedar, tauke dadah itu sendiri. Ambil contoh di Thailand semasa Perdana Menteri Thaksin, semua tauke dadah ditembak, dia tembak. Waktu itu mana ada, waktu Thaksin mana ada tauke dadah di Thailand, tidak ada semua lari. Kita kat Malaysia ini tidak tegas.

■1600

Sudah *confirm* dah ditangkap dengan dadah berguni-guni, dibicara, pinda seksyen, pinda akta, jadi susah. Saya hendak perkara ini kalau betul-betul nak tegas, betul-betul tegas macam Dato' Suhaimi kata tadi. Tegas betul-betul. Pemulihan *second stage*, dengan izin. Yang *first stage* ialah cegah, cari tauke-tauke, ambil tindakan betul-betul tegas. Betul-betul ikut undang-undang. Kalau dia salah, salah. Kalau kita biarkan, sampai bilakah benda ini akan berakhir? Tidak berakhir lah dadah ini. Lebih-lebih lagi macam Dato' Mohd. Suhaimi kata, ya...

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Boleh saya mencelah?

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah. Saya cuma ingin minta pandangan Yang Berhormat Datuk, kalau kita tengok sekarang di setengah-setengah negeri dalam negara kita ada kalanya kepala-kepala ini mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan pihak berkuasa. Jadi menyebabkan tindakan tidak dapat diambil dengan tegas dan cepat. Apa pandangan, Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Norliza. Saya setuju sangatlah. Memang betul sebab pihak berkuasa, dia yang ada kuasa. Pengedar-pengedar dadah, tauke-tauke dadah ini memang dia baik dengan pihak berkuasa terutamanya dengan polis lah yang ada kuasa. Jadi saya memang amat tahu orang yang salah ini memang dia baik dengan orang yang ada kuasa. Pembuat salah ini dia kena baik dengan orang yang ada kuasa. Kalau tak buat baik kena tangkap. Saya tidak hendak persoalan soal integriti pihak berkuasa tetapi itulah hakikat yang berlaku. Saya pun amat hairan macam mana tauke-tauke yang boleh lepas? Kita tangkap penghisap dadah. Saya rasa penghisap dadah ini kalau kita tak kawal tauke-tauke besar dan pengedar-pengedar ini, saya ingat sampai bila pun tidak berakhir soal dadah ini. Ada dua lagi?

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah? Saya nak tanya juga pendapat Yang Berhormat Datuk.

Adakah Yang Berhormat rasa salah satu faktor dadah berleluasa di Malaysia ini adakah kerana rasuah? Ini kerana saya difahamkan di dalam penjara sendiri pun dadah boleh masuk kepada penagih-penagih yang telah ditangkap. Adakah salah satu faktor Yang Berhormat? Rasuah itu rasuah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Shahanim. Untuk makluman Dewan, saya dahulu bertugas sebagai Pegawai Pentadbir Penjara Malaysia. Memang dalam penjara pun ada pengedar dadah.

Dalam penjara sendiri pun ada pengedar. Saya boleh katakanlah masuk dadah ini, yang berniaga dadah ini untung besar. Untung banyak. Saya tidak nafikan bahawa perkara ini berlaku kerana sogokan rasuah, benda lain saya tidak boleh...

*[Timbalan Yang di-Pertua Mempengerusikan Mesyuarat]*

Oleh sebab hendak lepas ini benda besar, banyak. Dia masuk dengan besar. Kalau dalam penjara dulu, saya jaga Penjara Pudu itu, memang pegawai polis terpaksa berlakon menjadi pesalah untuk menangkap warden-warden dan pegawai penjara yang mengedar dadah dalam penjara. Pegawai polis terpaksa berlakon menjadi pesalah. Mandi telanjang *time* itu, dalam penjara. Lama-lama lapan orang polis tangkap. Jadi dalam penjara pun ada. Benda ini satu perkara sahaja. Kalau kita tidak bertegas dalam membasmi perkara ini memang perkara ini dengan izin, *no ending*. Tidak akan berakhir.

Saya bersetuju lah kalau Malaysia buat macam Thailand, zaman Thaksin, semua tauke ditembak, dibedil, tak payah bicara dah, *confirm* dah dia pengedar dadah, buat apa nak bicara lagi? Barulah benda itu boleh diatasi. Kalau dah dapat tangkap, dah bawa bicara, tauke dadah ini, harta dia saya ingat duit dia bukan *million*, *billion* dan dia ada rangkaian tauke, rangkaian tauke-tauke besar. Kalau tak tegas, dia boleh bayarlah. Oleh sebab itu lah bila dah ditangkap, dia dibicarakan, boleh pinda seksyen, lama-lama bebas macam itu sahaja. Jadi kena ada ketegasan. Undang-undang sudah ada, undang-undang kita memang cukup-cukup hebat. Akan tetapi ketegasan dalam menguatkuasakan undang-undang itu.

Jadi saya minta kerajaan lebih bertegas dalam menguatkuasakan undang-undang, yang salah tetap salah. Kalau dah perlu *confirm* dia itu salah...

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh Yang Berhormat Datuk Abdullah?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ramai peminat lah.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Nampak Yang Berhormat memang pakar antidadah. Jadi saya nak tanya boleh tak Yang Berhormat saya cadangkan masuk dalam satu Jawatankuasa Khas Antidadah Kebangsaan, satu *special squad*. Yang Berhormat jadi pengerusi di bawah jabatan polis. Oleh sebab nampak pengalaman Yang Berhormat ini boleh diguna pakai sebab tahu dalam penjara ada orang telanjang kan? *Disguiselah*, macam nak jadi *spy*. Akhirnya baru tahu siapa yang bekalkan dadah. Jadi pengalaman ini kalau tak gunakan, rugilah. Saya cadangkan supaya kerajaan tubuhkan satu *special squad* antidadah dan minta Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim jadi pengerusi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, sila.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Itu terpulang kepada kerajaan lah. Saya pun setuju sebab dia panggil *counter check*, dengan izin. *Counter check* ialah satu Jawatankuasa Khas. Kalau tidak benda ini akan menjadi berterusan lah, *no ending*, dengan izin, sampai bila-bila. Belia-belia kita lebih berminat dalam perkara ini sebab yang bijak pandai itu tidak ramai, yang ramai tak pandai. Yang tak pandai inilah yang ada perasaan ingin mencuba mencari haluan hala tuju yang lebih senang. Lebih senang hisap dadah lah sebab lepas dia hisap dadah itu dia khayal, semua dia boleh buat tanpa rasa malu dan segan. Oleh sebab itu mak bapak pun dia boleh bunuh.

Jadi saya rasa itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua yang saya boleh perkatkan soal dadah ini. Tindakan tegas wajib diambil. Kalau tidak, tauke-tauke ini berleluasa maka pelanggannya setiap tahun akan bertambah. Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Terima kasih, Yang Berhormat. Nampak cara Yang Berhormat bercakap tadi seorang yang pakar tentang dadah ini dan banyak pengalaman boleh kita gunakan. Cadangan Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam tadi eloklah kita ambil sebagai satu cadangan yang baik, ya.

Saya nampak kita kaji hal dadah, kita naik jijik, geli dan takut masa depan. Dengan harapan Yang Berhormat ini, yang pakar-pakar ini dapat membuat sebuah dasar yang terbaik supaya kita dapat musnah habis-habisan dadah ini.

Ada lagi yang hendak bercakap? Sila, saya bagi lagi peluang, Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali sendiri nak cakap? Sila.

#### 4.09 ptg.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga lah mengambil bahagian dalam rang undang-undang berkaitan dengan Akta Agensi Antidadah Kebangsaan. Walaupun cadangan saya lihat satu ialah hendak bagi kuasa polis kepada pegawai-pegawai agensi supaya mereka boleh mengambil tindakan yang tegas. Isu ini sudah lama kita perkatakan. Saya setuju dengan pandangan ramai rakan-rakan tadi bahawa kita telah banyak membuang masa sedangkan banyak negara berjaya.

Kita ambil contoh Singapura, bagaimanakah Singapura boleh berjaya mengatasi isu dadah ini? Saya cadangkan kepada kerajaan kena tiru negara-negara yang berjaya seperti Singapura. Bagaimana mereka boleh mengatasi termasuk juga Jepun, Korea, negara mereka pun besar, penduduknya ramai. Akan tetapi macam mana mereka boleh kawal?

#### ■1610

Kita, negara yang mengamalkan dasar-dasar, nilai-nilai Islam yang tinggi dan ini dilarang oleh agama kita. Akan tetapi yang banyak hisap ini pula orang kita, tetapi yang menjadi taukenya, saya bertanya bukan orang kita. Oleh sebab itu saya setuju macam Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah dan kawan-kawan lain yang sebut, kita mesti tangkap taukenya dan tauke inilah yang banyak terlepas.

Oleh sebab itulah saya tadi berpendapat sudah sampai masa supaya kerajaan menubuhkan sebuah skuad khas yang mesti diwakili oleh orang bebas, bukan anggota penjawat awam. Oleh sebab Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah begitu pakar, banyak pengalaman. Macam di Kelantan, macam mana orang Kelantan pula yang banyak kes ya? Ini kerana dekat dengan Siam. Jadi, mungkin pengalaman-pengalaman Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah ini boleh diguna pakai. Saya cadangkan beliau jadi pengerusi dan ambil beberapa Ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara yang berminat dan juga NGO duduk dalam dan berikan mereka ini kuasa untuk mengambil tindakan. Mereka diberi pula hak supaya rahsia-rahsia itu tidak disebarikan kepada orang ramai untuk keselamatan mereka.

Pagi tadi kita telah meluluskan juga undang-undang, mereka yang beri laporan boleh diberi habuan. Tadi saya tengok macam RM1,000 bukan? Kalau diberi laporan kes-kes katakan pembunuhan dapat RM1,000 ke RM10,000. Jadi kalau orang beri laporan kes-kes dadah, saya fikir habuannya bukan RM10,000, mungkin sampai RM100,000. Kalau boleh sampai dapat taukenya, RM1 juta pun tidak apa. Ini kerana mereka telah untung beratus juta dan kerajaan hilang berbilion-bilion ringgit. Jadi apa salahnya sampai tertangkap tauke besar, mereka yang melaporkan dapat sampai RM1 juta hadiah, dan nama mereka ini mesti jadi rahsia besar supaya mereka terselamat. Negara-negara yang telah berjaya, saya fikir saya hendak tekankan sekali lagi...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, *interrupt* sedikit. Tadi Yang Berhormat Tan Sri kata tauke-tauke besar ini kita akan tangkap. Siapakah yang akan tangkap tauke besar itu? Saya tanya Yang Berhormat Tan Sri, siapakah yang akan tangkap tauke besar itu?

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Pihak yang bertanggungjawablah, pihak kerajaan, penguat kuasa, pihak polis. Ini kerana pemantau sudah ada, Yang Berhormat Datuk pengerusinya. Jadi, dia hendak lari sudah tidak boleh. Yang Berhormat Datuk boleh beritahu, saya sudah cakap taukenya 'A', kemudian pihak polis tidak ambil tindakan. Jadi secara rahsia Yang Berhormat Datuk boleh panggil balik *meeting* kerana Yang Berhormat Datuk ada kuasa, jawatankuasa skuad khas, mengapa tidak pergi tangkap. Tanya dia, bila hendak tangkap. Jadi, ada tukang pantau. Sekarang ini tidak ada orang memantau. Ini yang isu yang berlaku sekarang.

Jadi, kerajaan pun dapat banyak nama tidak baik Tuan Yang di-Pertua, kerana isu ini sudah terlalu berlarutan hingga persepsi rakyat pun tidak baik. Ini mengurangkan keyakinan rakyat kepada kerajaan.

Saya percaya isu ini isu yang besar dan telah dibincangkan secara panjang lebar. Patut satu tindakan tegas mesti dimulakan sekarang iaitu satu Jawatankuasa Khas mesti ditubuhkan.

Kedua, saya melihat kempen kita sekarang tidak kuat macam dahulunya. Kita ada *committee* antidadah di peringkat jawatankuasa JKK, di peringkat Dewan Negeri, di Parlimen, peringkat jabatan, peringkat daerah, peringkat negeri dan juga peringkat kebangsaan. Saya berpendapat kempen kesedaran ini patut dimulakan semula secara berkala. Mesti ada konvensyen tahunan di semua peringkat. Dalam konvensyen itu mesti dinyatakan tindakan-tindakan dan juga laporan-laporan mesti diketahui oleh orang ramai. Semua pemimpin masyarakat terlibat termasuklah institusi-institusi agama. Ini kerana sekarang ini nampak sudah tidak terdengar lagi kempen-kempen ini diadakan secara berterusan.

Saya juga hendak mencadangkan supaya laporan-laporan tahunan ini hendaklah disebar luar kepada orang ramai dan dialog-dialog umum seperti dialog di televisyen, diskusi hendaklah diadakan di semua stesen televisyen secara percumalah. Jangan pula hendak masuk ASTRO, ASTRO minta kita bayar kerana ini tugas negara. Jadi, semua media perlulah memainkan peranan secara holistik iaitu secara kesedaran sendiri untuk mencari sebab-sebab dan untuk mencari jalan-jalan bagaimana perkara ini boleh dikurangkan dari semasa ke semasa.

Saya juga hendak tanya kepada kerajaan, setakat ini berapakah tauke besar telah ditangkap ataupun telah didakwa ke mahkamah dan berapa pula yang telah dihukum? Berapa penagih yang ditangkap dan berapa pula yang telah dihukum? Berapakah tempoh kes? Adakah *keep airing* enam bulan, kes itu selesai?

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin jika kita mempunyai azam yang tinggi, Malaysia boleh menjadi salah satu buah negara yang bebas dadah seperti mana yang berlaku di negara-negara yang lain. Jadi saya lagi sekalilah mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Khas mesti ditubuhkan yang melibatkan orang awam, orang ramai, NGO, jabatan-jabatan kerajaan dan semua. Lagi sekali saya cadangkan Yang Berhormat Datuk Abdullah yang terlayak menjadi pengerusinya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri. Ada lagi hendak bercakap? Sila, saya beri peluang. Ada lagi? Ada Yang Berhormat? Tidak ada, baik. Terima kasih banyak. Sekarang ini perbincangan kita habis. Jadi, minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

#### 4.17 ptg.

**Tuan Masir anak Kujat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu penyalahgunaan dadah bukanlah isu yang baru di negara kita. Malah negara kita telah lama meletakkan dadah sebagai musuh nombor satu buah negara. Penyalahgunaan dadah juga merupakan satu masalah yang dihadapi oleh semua negara di dunia ini dan pelbagai pendekatan serta langkah-langkah telah diambil oleh komuniti sedunia untuk menangani masalah ini. Sebagai contoh, beberapa buah negara di barat telah cuba mengambil jalan mudah dengan mengesahkan atau *legalized* daripada segi undang-undang pengambilan dadah dalam kuantiti tertentu yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak mengambil pendekatan ini kerana dengan mengesahkan daripada segi undang-undang berkaitan penggunaan dadah, ia akan menimbulkan masalah sosial, keselamatan dan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) dan *World Health Organization* berpandangan bahawa penagihan dadah merupakan sejenis penyakit kronik yang mudah berulang dan disebabkan oleh pelbagai faktor. Oleh itu, salah satu pendekatan yang diambil oleh kerajaan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan memberi program, rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah agar mereka dapat dipulihkan dan diintegrasikan ke dalam masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Melalui pindaan akta ini, mereka yang disyaki sebagai penagih dadah boleh ditahan di Pejabat AADK dan pegawai AADK yang terlatih dalam bidang rawatan dan juga pemulihan dadah akan dapat membuat intervensi dan memberi rawatan awal kepada penagih dadah agar pemulihan mereka lebih berkesan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada seramai lebih kurang lapan Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan (Pindaan) 2016. Walaupun pindaan kita singkat, hanya dua seksyen seperti saya beritahu awal pagi tadi dan itu fokus kepada pegawai dan juga lokap.

Walaupun ramai Ahli Yang Berhormat bercakap atau berbahas tentang dasar tetapi walaupun demikian, saya akan cuba jawab secara ringkas beberapa isu yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sesi tadi.

#### ■1620

Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin mengatakan bahawa, pengawalan kemasukan dadah di pusat pemulihan AADK. Ingin dimaklumkan bahawa pengawalan kemasukan dadah di pusat pemulihan AADK dibuat seperti berikut:

- (i) pemeriksaan terhadap penghuni, keluarga serta pelawat diperketatkan;
- (ii) membuat saringan secara berkala terhadap penghuni pusat pemulihan serta membuat program intervensi; dan
- (iii) risikan dalaman yang dibuat bagi mengenal pasti secara mengambil tindakan terhadap orang-orang yang terlibat dengan penyeludupan dadah.

Yang Berhormat Senator juga bertanyakan apakah program-program untuk mendedahkan pelajar-pelajar sekolah berkenaan bahaya dadah. Bagi membendung masalah penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar sekolah, pelbagai program pencegahan yang memberi fokus kepada anak-anak muda dijalankan secara berterusan seperti berikut:

- (i) Kem Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) yang merupakan program pendidikan pencegahan dadah untuk murid sekolah rendah;
- (ii) Program Sayangi Hidup Elak Derita atau SHIELDS, dilaksanakan di peringkat sekolah menengah bagi meningkatkan kesedaran dan mengupayakan ketahanan diri pelajar yang dikenal pasti berisiko dalam penyalahgunaan dadah;
- (iii) program SMART iaitu "Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab", yang merupakan program yang membimbing dan mendidik belia bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta kesedaran tentang bahaya dadah dan cara hidup yang positif bagi melahirkan belia bebas dadah;
- (iv) program bersama PLKN ataupun Program Latihan Khidmat Negara dilaksanakan untuk memastikan remaja lepasan sekolah mempunyai kemahiran mengenai gaya hidup sihat dan mempraktikkannya kepada diri dan membantu orang lain; dan
- (v) program *Tomorrow's Leaders* merupakan program berbentuk kesedaran bahaya dan kesan dadah yang dilaksanakan di kalangan pelajar-pelajar IPT dalam bentuk seminar, forum dan ceramah bagi memberi pengetahuan, kesedaran dan juga kemahiran kepada pelajar universiti mengenai gaya hidup sihat tanpa dadah.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han juga bertanya tentang bagaimana AADK menampung rawatan di kalangan jumlah penagih dadah yang semakin meningkat dan apakah AADK mempunyai fasiliti yang mencukupi. Untuk menjawab soalan ini, Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han tidak ada? Akan tetapi tidak apa. AADK mempunyai pendekatan untuk mengatasi masalah pemulihan penagih dadah seperti berikut.

Melalui pusat pemulihan AADK yang sedia ada iaitu setelah mendapat perintah mahkamah, *Cure & Care Rehabilitation Centre*.



Bagi penagih yang ingin mendapatkan rawatan secara sukarela ia dilaksanakan melalui pusat-pusat rawatan sukarela AADK dan pemulihan dalam komuniti yang dikenali sebagai Klinik *Cure & Care 1Malaysia* dan *Cure & Care Service Centre*. Kita juga mempunyai pendekatan iaitu penagih dadah juga boleh memohon untuk dimasukkan ke pusat pemulihan dadah persendirian.

Beliau juga bertanya tentang percanggahan peranan di antara pegawai AADK dan PDRM. Ingin dimaklumkan di sini tiada percanggahan peranan antara pegawai PDRM dan pegawai AADK berkaitan pembanterasannya penyalahgunaan dadah berbahaya kerana kuasa mereka adalah membantu di antara satu sama lain berkaitan penangkapan terhadap orang yang menyalahgunakan dadah seperti mana diperuntukkan dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 serta Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004. Yang Berhormat juga bertanya tentang, adakah pegawai AADK juga boleh menggunakan Kanun Tatacara Jenayah seperti PDRM. Ingin dijelaskan di sini pegawai AADK juga boleh menggunakan Kanun Tatacara Jenayah dalam menjalankan tugas mereka.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Prof.Dr. Mohd Nor bin Haji R.M. Monutty yang bertanyakan tentang fasiliti pemulihan AADK di Sabah. Sehingga kini terdapat empat buah *Cure & Care Service Centre* (CCSC), enam buah *Caring Community House* yang dikendalikan oleh komuniti setempat dan sebuah pusat pemulihan dadah AADK *Cure & Care Rehabilitation Centre* di Papar. Jadi itu sahaja tentang Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah. Beliau bertanyakan, berapa jumlah pusat serenti di seluruh Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat untuk *Cure & Care Rehabilitation Centre* kita ada 22 buah iaitu dahulu dikenali sebagai PUSPEN. Untuk Klinik *Cure & Care* kita ada 10 buah dan untuk Pusat Penilaian Awal dan Saringan Penagihan atau TRIAGE, kita ada tiga buah. Tidak perlu saya jelaskan di mana, di seluruh Malaysia.

Yang Berhormat Senator juga menyentuh tentang tindakan yang diambil oleh AADK untuk menangani masalah penyalahgunaan dan penagihan pil kuda. Bagi menangani masalah penularan pil kuda, berbagai-bagai langkah telah diambil oleh AADK seperti berikut:

- (i) Program *Omnipresent* bersama rakan-rakan strategik iaitu PDRM, EXIM, RELA dan juga pihak berkuasa tempatan dan Jawatankuasa Penduduk Setempat;
- (ii) Program Operasi Pengesanan dan Penahanan yang dilaksanakan tiga kali sebulan di kawasan yang telah dikenal pasti. Program ini melibatkan operasi membersihkan *port* penagihan;
- (iii) Program Operasi Sarang Khas yang mana AADK bersama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM melaksanakan operasi untuk memberkas pengedar dan juga penagih dadah di kawasan berisiko tinggi; dan
- (iv) Program pendidikan pencegahan dadah melalui media baru, media luar, kempen statik dan *community empowerment* yang merupakan program untuk mendidik dan menyedarkan masyarakat mengenai peranan mereka dalam komuniti.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim bagaimana pengedaran dadah masih boleh terlepas dalam penjara dan juga pusat pemulihan. Akta Dadah Berbahaya 1952, seksyen 39B memperuntukkan hukuman yang paling berat iaitu hukuman gantung sampai mati.

Walau bagaimanapun, ganjaran lumayan daripada aktiviti pengedaran ini menyebabkan mereka masih tidak gerun dengan hukuman tegas itu. Jadi saya tidak sempat menjawab semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas tadi. Walaupun demikian, saya akan cuba memberi jawapan bertulis. Pada bila-bila masa saya akan serahkan jawapan nanti. Saya ingin sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih pada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan tentang pindaan AADK 2016 pada petang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan yang padat dan ringkas dan kita sudah dengar semua. Sebelum itu saya hendak beri sedikit pantun saya berkenaan dadah ini tadi ya.

*Ada mulut ada lidah,  
Kurang manis tambah gula,  
Belum musnah pil dadah,  
Daun ketum tiba pula.*

Itu dia banyak kerja kita, ringkas sahaja. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [YB Senator Dato' Lee Chee Leong], dan diluluskan]*

■1630

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN) 2016

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.31 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2016 untuk dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (OPS 1952) telah berkuat kuasa sejak tahun 1952 yang mana kali terakhir ia telah dipinda adalah pada tahun 2011 bagi mewujudkan mekanisme liabiliti dan pampasan bagi kerosakan akibat daripada pencemaran minyak bunker dari kapal. Ini bagi memenuhi keperluan *International Convention on Civil Liability for Bunker Oil Pollution Damage 2001* (BUNKER), dan *International Convention on Limitation of Liability for Maritime Claims 1976 as amended by the Protocol of 1996*. Konvensyen LLMC 1996 yang mana Malaysia merupakan negara ahli kepada konvensyen-konvensyen.

Pindaan tersebut pada dasarnya bertujuan bagi memastikan bagi kononnya kapal bertanggungjawab atas kerosakan akibat pencemaran minyak bunker dari kapal di perairan Malaysia seperti mana takrifan Konvensyen Bunker 2001. Dalam pada itu pindaan telah menggantikan rejim tuntutan yang lebih tinggi berbanding rejim terdahulu di mana dalam aspek ini sebarang tuntutan oleh pihak ketiga termasuk oleh kerajaan atas kerosakan adalah lebih tinggi menurut *Convention on Limitation of Liability for Maritime Claims 1996* (LLMC).

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bagi merealisasikan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maritim yang ulung, aspek modal insan iaitu profesional atau pelaut yang bekerja di atas kapal terutamanya, perlu diberi penekanan daripada segi standard kekompetenan dan hal ehwal kebajikan mereka.

Oleh yang demikian, kerajaan pada 31 Julai 2013 telah bersetuju supaya Malaysia menerima pakai *International Maritime Labour Convention 2006* ataupun Konvensyen MLC 2006, konvensyen antarabangsa yang menyediakan standard dan peraturan berhubung hal ehwal kekompetenan dan kebajikan pelaut. Konvensyen MLC 2006 antara lain menyentuh mengenai hak-hak pelaut, mendapatkan persekitaran kerja yang selesa dan selamat. Konvensyen ini juga mengandungi peruntukan mengenai keperluan minimum pelaut bekerja di atas kapal, syarat-syarat pekerjaan, penginapan, kemudahan rekreasi, pembekalan makanan, perlindungan kesihatan, kebajikan dan perlindungan keselamatan sosial pelaut.

MLC 2006 pada asasnya mengandungi tiga bahagian iaitu peraturan, piawaian dan garis panduan. Peraturan dan piawaian komponen konvensyen yang wajib dipatuhi negara ahli, manakala garis panduan merupakan komponen konvensyen yang bersifat voluntari. Selaku negara ahli kepada Konvensyen MLC 2006, Malaysia bertanggungjawab untuk mempunyai perundangan domestik yang melaksanakan konvensyen yang diterima pakai ini.

Oleh demikian, Kementerian Pengangkutan bertindak sebagai agensi peneraju mencadangkan pindaan kepada OPS 1952 dengan menggantikan keseluruhan Bahagian III ordinan tersebut. Ini bagi membolehkan perundangan sektor maritim Malaysia sentiasa berada di tahap tertinggi selaras dengan peraturan dan amalan antarabangsa serta setanding dengan perundangan negara maritim yang lain. Dalam konteks ini, ia bertujuan memastikan kepentingan pelaut secara khususnya dan negara amnya, sentiasa terpelihara.

Selain itu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan ke atas OPS 1952 ini juga akan memasukkan inti pati pindaan secara pasif yang dibuat ke atas *International Convention on Standards of Training, Certification and Watchkeeping (STCW), Manila Amendments 2010*. STCW konvensyen antarabangsa yang menyediakan standard dan peraturan dalam latihan pelaut, pensijilan kekompetenan pelaut dan aktiviti *watchkeeping* yang dilakukan ketika pelayaran.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan tujuan yang telah saya jelaskan sebentar tadi, izinkan saya menyatakan secara ringkas butir-butir pindaan yang dicadangkan kepada OPS 1952 yang mengandungi tujuh fasal secara keseluruhannya Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2016.

Fasal 1 adalah berhubung dengan "Tajuk Ringkas", dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan. Yang Berhormat Menteri boleh menetapkan tarikh kuat kuasa akta ini pada satu tarikh mahupun secara bersekali atau berasingan bagi setiap peruntukan dalam akta ini melalui pemberitahuan dalam Warta.

#### ■1640

Fasal 2 pula adalah berhubung dengan cadangan pindaan am pada OPS 1952 iaitu dengan menggantikan perkataan, "*passenger steamer*", dengan perkataan, "*passenger ship*", dan perkataan "*seaman*", dengan perkataan, "*seafarer*" di mana berkaitan dan diperuntukkan. Pindaan dicadangkan bagi membolehkan definisi semasa diguna pakai menggantikan definisi yang tidak lagi digunakan oleh komuniti maritim antarabangsa.

Fasal 3 adalah berhubung cadangan pindaan kepada seksyen 2 OPS 1952. Antaranya ialah memasukkan takrif baru, "*Malaysian water*" which means the territorial water of Malaysia as determined in accordance with the Teritorial Sea Act 2012 [Act 750].

Kedua, menggantikan takrif-takrif berikut selaras dengan perubahan takrif di peringkat antarabangsa dan ini termasuk "*passenger steamer*" kepada "*passenger ship*" which means any ship caring more than 12 passengers, dan "*seafarer*" which means any person who is employed or engaged in any capacity on board a ship to which this Ordinance applies but does not include seterusnya seperti dalam rang undang-undang.

Fasal 4 pula cadangan penggantian Bahagian III OPS 1952. Cadangan penggantian ini akan memasukkan peruntukan baru selaras dengan kehendak MLC 2006 yang mana Malaysia merupakan negara ahli. Bagi tujuan memperkasakan pelaksanaan Bahagian III OPS 1952, peruntukan yang terlibat turut merangkumi aspek seperti berikut:

- (i) perlindungan kesihatan di atas kapal dan darat;
- (ii) tanggungjawab pemunya kapal;
- (iii) kesihatan, perlindungan keselamatan dan pencegahan kemalangan atas kapal;
- (iv) kemudahan untuk fasiliti kesihatan dan kebajikan di daratan; dan
- (v) keselamatan sosial.

Dalam pada itu, fasal 4 ini juga menyentuh peruntukan waktu rehat minimum kepada pelaut di atas kapal Malaysia. Waktu rehat minimum yang diperuntukkan kepada pelaut 10 jam dalam tempoh 24 jam dan 77 jam dalam tempoh 7 hari bekerja. Pemunya kapal yang tidak mematuhi peruntukan ini boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000. Denda ini yang pertama kali diperkenalkan mengambil kira akan kepentingan bagi pelaut untuk mendapatkan rehat yang cukup.

Selain itu, pemunya kapal yang gagal melindungi pelaut di bawah Skim Keselamatan Sosial dan faedah PERKESO boleh dikenakan denda tidak melebihi RM200,000 atau penjara tidak melebihi tempoh dua tahun atau kedua-duanya sekali. Manakala mana-mana perbuatan yang membahayakan kapal, struktur atau individu secara sengaja boleh dikenakan denda tidak melebihi RM200,000 atau penjara tidak melebihi tempoh lima tahun atau kedua-duanya sekali. Tindakan tegas perlu diambil bagi memastikan kelangsungan operasi kapal yang selamat.

Fasal 5 mengenai cadangan memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 404A.

Seksyen baru 404A memberi kuasa kepada Menteri Pengangkutan untuk membuat kaedah-kaedah di bawah Bahagian X OPS 1952. Kaedah-kaedah yang dimaksudkan di antaranya merangkumi aspek berikut:

- (i) pengurusan *wreck*;
- (ii) prosedur tuntutan penjualan, mengenal pasti lokasi dan pelupusan *wreck* tidak dituntut;
- (iii) perkara berhubung dengan pembayaran, penggajian untuk kerja-kerja *salvage*;
- (iv) fi bagi setiap kerja yang dibenarkan di bawah bahagian ini; dan
- (v) perkara berhubung dengan kuasa yang diperuntukkan kepada penerima atau sivil di bawah seksyen 381.

Seksyen 6 pula adalah berhubung dengan pindaan yang dicadangkan kepada Ordinan Ibu dalam Jadual Ketiga.

Fasal 7 adalah merupakan fasal terakhir di dalam rang undang-undang ini yang mengandungi peruntukan bagi kecualian dan peralihan iaitu:

- (i) peruntukan di bawah Bahagian III Ordinan Ibu hendaklah di kekal berkuat kuasa dan terus terpakai bagi mana-mana pemunya kapal, nakhoda, pelaut atau kapal untuk semua maksud dan dalam semua hal berhubung dengan apa-apa kehendak di bawah peruntukan-peruntukan tersebut sebelum akta ini mula berkuat kuasa seolah-olah peruntukan itu tidak digantikan oleh akta ini;

- (ii) apa-apa kaedah yang dibuat di bawah Bahagian III Ordinan Ibu sebelum akta ini mula berkuat kuasa hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah Bahagian III akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dipinda, dibatalkan atau digantikan oleh mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Bahagian III akta ini.
- (iii) mana-mana pemunya, nakhoda atau pelaut tertakluk kepada Bahagian III hendaklah mematuhi peruntukan Bahagian III dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa akta ini atau bagi tempoh lain yang lebih lama yang dibenarkan oleh Pengarah Laut; dan
- (iv) mana-mana keperluan di bawah Bahagian III yang berkaitan dengan pembinaan kapal hendaklah terpakai bagi kapal yang dibina pada atau selepas tarikh akta ini berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan Konvensyen MLC 2006 dan Konvensyen STCW (*Manila Amendment*) 2010 dilaksanakan dengan berkesan dan sempurna, Bahagian III Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dicadang dipinda.

Rang Undang-undang dicadang ini menyenaraikan banyak faedah-faedah yang dapat diraih oleh negara susulan kepada penguatkuasaan peraturan-peraturannya seperti, pertama, cadangan ke atas Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2016 adalah selari dengan obligasi Malaysia sebagai negara ahli kepada Konvensyen MLC 2006 dan Konvensyen STCW (*Manila Amendment*) 2010 yang diterima pakai Malaysia serta pindaan secara pasif. Susulan itu, menjadi keperluan bagi kedua-dua konvensyen tersebut digubal sebagai perundangan maritim Malaysia. Ini bagi memastikan setiap konvensyen ini boleh dilaksanakan secara berkesan.

Kedua, perundangan Maritim yang baru ini dilihat dapat menyeragam dan menambah baik perundangan Maritim sedia ada di samping dapat memenuhi aspirasi kedua-dua konvensyen yang diterima pakai Malaysia. Oleh demikian, cadangan rang undang-undang ini dijangka dapat menjamin tahap kekompetenan pelaut dan memelihara kebajikan serta hak para pelaut yang bekerja di atas kapal Malaysia dan kapal-kapal yang beroperasi di perairan Malaysia tanpa menindakkan kepentingan komersial sektor perkapalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat tentang perkapalan ini? Yang Berhormat Tan Sri Ali, sila.

■1650

4.50 ptg.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga membahaskan Rang Undang-undang Ordinan Perkapalan Saudagar yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Saya lihat ini satu cadangan yang baik kerana ingin menjaga kebajikan kakitangan-kakitangan kapal yang berada di atas kapal. Kita tak perasan rupanya banyak lagi kelemahan mereka yang bekerja di atas kapal yang tidak diambil kira oleh tuan-tuan punya kapal. Mengikut apa yang Yang Berhormat menyebut, masalah kesihatan, masalah cuti, masalah tempoh bekerja, kebajikan dan juga waktu rehat. Bukan sahaja atas kapal, nampak di darat pun mereka masih lagi kekurangan pembelaan. Oleh sebab itu, saya ucapkan tahniah oleh sebab mereka kini mendapat pembelaan yang tinggi dan boleh menarik lebih ramai lagi warga Malaysia untuk bekerja di atas kapal.

Kita telah menubuhkan institut perkapalan di beberapa buah tempat di Malaysia termasuk juga di Melaka. Saya hendak dapat tahu daripada Yang Berhormat, berapa ramaikah tenaga kerja perkapalan dikeluarkan di dalam negara kita menerusi institut-institut perkapalan yang telah ditubuhkan dan apakah gred-gred yang dikeluarkan?

Adakah pekerja kapal biasa ataupun kapten ataupun pekerja kapten, pembantu-pembantu dan sebagainya? Juga, apakah institut-institut kita mampu mengeluarkan tenaga kerja perkapalan yang diperlukan oleh negara? Apakah institut kita juga mengeluarkan tenaga kerja untuk diguna oleh negara luar?

Jika institut kita dapat mengeluarkan banyak tenaga kerja untuk negara luar- saya dapati kekurangan pekerjaan sekarang, ramai graduan yang menganggur. Saya fikir elok institut perkapalan ini melatih lebih ramai dan kita boleh menyediakan pekerjaan untuk negara-negara yang kurang tenaga mahir dalam industri perkapalan. Ini kerana dalam jangka masa akan datang, dalam masyarakat komuniti ASEAN, saya percaya kegiatan perkapalan akan menjadi lebih rancak. Begitu juga dengan adanya Perjanjian TPPA, banyak lagi kapal-kapal dagang akan digunakan oleh sebab perdagangan yang akan bertumbuh dengan pesat dan ini semua perlukan tenaga kerja dalam bidang perkapalan yang tinggi.

Saya ingin tahu adakah kerajaan ada perancangan jangka panjang dalam rantau *ASEAN Economic Community*, berapakah tenaga kerja perkapalan akan dikeluarkan? Dan juga di peringkat TPPA sendiri

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kita ada banyak kapal dan apakah rancangan kerajaan hendak *repair, maintenance, overhaul* dan sebagainya dalam industri ini, apakah kita mempunyai pusat *repair* yang mencukupi? Pusat *maintenance*, pusat *overhaul*. Apakah jangka panjang kita hendak jadikan MRO *maritime* ini sebuah industri baru bagi negara kita? Sekurang-kurangnya untuk Rantau ASEAN.

Saya percaya industri perkapalan negara boleh dimajukan lagi kerana suka tak suka, Selat Melaka laluan antarabangsa yang berkembang pesat. Baru-baru ini, Kerajaan Persekutuan juga telah memberi dorongan dan galakan agar Melaka juga dapat sama-sama menubuhkan lagi *maritime service* di Melaka untuk perkhidmatan ke negara China di Guangdong dan saya percaya, kita perlukan lebih banyak lagi tenaga kerja di dalam bidang ini jika betul-betul *sea route* negara China ini menjadi kenyataan yang mana satu dari tempat persinggahan yang utama zaman Cheng Ho dulu negeri Melaka.

Oleh sebab itu, saya berharap kerajaan boleh dapat menyebarkan maklumat yang lebih luas kedudukan industri perkapalan negara di masa akan datang dalam tempoh lima tahun, jangka pendek dan jangka panjang supaya ini merupakan satu lagi kerjaya baru yang boleh memberi peluang pekerjaan dan juga pertumbuhan ekonomi dalam bidang maritim bagi negara kita Malaysia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Ordinan Perkapalan Saudagar yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, terutama untuk menjaga kebajikan pekerja-pekerja industri perkapalan kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Ali Rustam. Ya, saya tunggu lagi. Ada? Yang Berhormat Ramli Shariff, sila. Ada?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya bagi peluang. Dekat-dekat ini ada yang- Yang Berhormat Dato' Johari, boleh cakap? Sila.

#### 4.56 ptg.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berkongsi sama dalam rang undang-undang yang telah dibentangkan ini iaitulah satu akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar.

Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa undang-undang ini telah lama iaitu 64 tahun dulu, tahun 1952, dan ia merupakan satu undang-undang yang berkuat kuasa sehinggalah kini perlu kepada satu pindaan.

Saya hendak tarik di sini, yang pertama sekali saya terlihat undang-undang ini adalah untuk memperkemas lagi undang-undang yang sedia ada. Yang kedua ialah, ia kita melihat satu lagi kapal yang berlayar di laut ini, kadang-kadang mempunyai masalah keselamatan. Saya baca hari ini dalam akhbar bahawa pihak keselamatan mengiringi kapal-kapal yang berlayar di tempat-tempat yang dikhuatiri untuk diculik oleh lanun-lanun.

Apa yang menarik di sini saya tengok satu perkara yang berlaku ialah kebocoran minyak tuan punya kapal. Tadi disebut dalam pembentangan ini bahawa pihak pemunya kepada kapal-kapal tadi diminta bertanggungjawab terhadap kebersihan yang perlu mereka jaga bersama. Kita dapati bahawa apabila berlakunya tumpahan minyak yang begitu ketara, ia bukan sahaja merosakkan alam sekitar tetapi ia juga membawa kepada matinya, cemarnya alam sekitar dan juga matinya hidupan laut. Kita selalu melihat di dalam televisyen bahawa apabila berlakunya tumpahan minyak itu, banyak hidupan laut telah musnah.

Kepada mereka yang bertanggungjawab, perlu dikenakan tindakan undang-undang yang setimpal kerana kita sebagai sebuah negara ingin memastikan bahawa negara kita mempunyai undang-undang yang tegas di samping penguatkuasaan yang betul-betul mantap sehingga kita tidak dipermainkan-mainkan oleh mana-mana pihak.

Tadi pun kita melihat bahawa senator-senator kita membahaskan tentang undang-undang pindaan Agensi Anti Dadah yang memberi pandangan bahawa penguatkuasaan itu perlu dilaksanakan dengan sungguh-sungguh sehingga sesuatu undang-undang itu dapat dilaksanakan dengan baik dan hasilnya akan baik.

#### ■1700

Begitulah juga dengan rang undang-undang ini. Saya bersetuju dengan apa yang telah disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi bahawa kebajikan pekerja, yang saya baca di sini tentang umurnya, tentang kesihatannya. Sebelum ini belum ada dan sekarang telah diletakkan sebagai undang-undang yang perlu dipatuhi oleh empunya kepada kapal dan syarikat-syarikat perkapalan yang ingin mengadakan. Dengan itu saya melihat rang undang-undang ini adalah sangat baik dan saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, mahu cakap sedikit?

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Saya tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak ada. Di sana, belakang ada? Perkapalan. Ada di belakang. Tidak ada. Ada? Di belakang, sila.

#### 5.01 ptg.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya pun terasa terpenggil untuk mengambil bahagian dalam perbahasan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini pakar.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor:** ...Tentang perkapalan walaupun pengalaman saya dalam kapal tentera laut dan rang undang-undang yang dicadangkan ini adalah lebih kepada kapal-kapal dagang. Jadi kita rasa apa yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ini adalah satu-satunya tepat masa untuk kita wujudkan rang undang-undang ini dengan beberapa penambahbaikan di mana yang mustahaknya ialah pertama ada dua itu untuk kita seiring dan selari dengan keperluan konvensyen dunia iaitu konvensyen mengikut *International Maritime Labor Convention*, kedua, STCW.

Jadi di sinilah kita akan mengukur *competency*, dengan izin, pelaut-pelaut kita yang akan melaksanakan tugas di kapal-kapal. Saya juga mengucapkan syabas kepada kementerian kerana telah mewujudkan terutama mengambil berat tentang *safety* iaitu *safety* anak-anak kapal apabila berkhidmat di kapal.

Jadi ini adalah mustahak kerana itulah satu cara kebajikan yang kita sebagai empunya kapal dan juga nakhoda kapal juga telah diberi tanggungjawab dalam rang undang-undang ini untuk membuat sesuatu yang sangat apabila menjadi seorang kapten kapal ataupun nakhoda untuk menjaga kebajikan taraf kesihatan anak-anak kapal, kru kapal dan juga kompeten anak-anak kapal itu termasuk menjaga *facilities* ataupun kemudahan-kemudahan asas untuk menentukan mereka dapat melaksanakan tugas di kapal dengan penuh bertanggungjawab.

Akan tetapi ada satu- apabila saya melihat ada kuasa yang diberi kepada Pengarah Jabatan Laut iaitu dalam seksyen 77, saya lihat macam ada satu kelonggaran di mana dicadangkan memberi kuasa kepada Pengarah Jabatan Laut untuk mengeluarkan pengecualian membenarkan pelaut tertentu yang tidak mempunyai sijil berkaitan untuk berkhidmat di atas kapal yang ditetapkan.

Di sini saya rasa di mana kita hendak mengikut piawaian, hendak mengikut standard yang tinggi. Jadi kita juga menetapkan setiap seorang pelaut itu mesti ada *certification*, mesti ada sijil sebelum dia layak untuk berkhidmat dalam kapal-kapal kerana ini adalah satu-satunya keperluan *Maritime Labor Convention*. Akan tetapi apa pasal seksyen 77 ini beri kelonggaran pula? Jadi saya hendak tanya kementerian, apakah rasionalnya kelonggaran ini diberi? Melainkan kalau ada suasana atau situasi *emergency*, mungkin boleh kita laksanakan.

Kedua, saya juga hendak menanyakan soalan kepada kementerian, adakah standard rang undang-undang ini diguna pakai untuk pelaut-pelaut yang berkhidmat di dalam kapal nelayan laut dalam? Adakah rang undang-undang ini terpakai? Jadi itu sahaja saya hendak tanya kepada kementerian sama ada perkara ini juga diguna pakai kepada nelayan-nelayan laut dalam?

Saya sangat mengalu-alukan dengan seksyen 108 yang baru ini dicadangkan mengenakan kewajipan ke atas empunya untuk memastikan pelaut dilindungi oleh Skim Keselamatan Sosial dan Faedah. Ini satu perkara yang sangat baik yang kita telah wujudkan dalam rang undang-undang ini.

So, dengan itu saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada kementerian kerana inilah cara yang baik mungkin untuk kita sentiasa menambahbaikkan terutama untuk menjaga kompeten pelaut-pelaut, kebajikan pelaut-pelaut, keselamatan pelaut-pelaut iaitu *safety* yang paling kritikal dan utama ini harus dijaga dan juga untuk meneruskan atau seiring dengan keperluan dua konvensyen itu iaitu IMC dan juga STCW. Dengan ini saya turut menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, ada lagi hendak bercakap? Sila pagi ini seorang lagi memberi pandangan-pandangan bagus. Terima kasih Tan Sri. Ada lagi? Ada sesiapa lagi? Saya menunggu lagi yang hendak bercakap tentang- Dato' Khairudin bin Samad? Tidak ada? Baik, kita sudah dengar perbahasan dibuat oleh Yang Berhormat tadi iaitu Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor yang pakar tentang laut ini.

Okey dan sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Silakan.

#### 5.08 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat, dan Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya ucapkan terima kasih.

Pertama, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, mengenai bilangan tenaga kerja yang dikeluarkan oleh institut-institut pelaut. Untuk makluman, pihak Jabatan Laut Malaysia telah mengiktiraf sebanyak 35 buah Institut Latihan Pelaut di seluruh negara yang melatih pelaut-pelaut dalam tiga bidang iaitu;

- (i) bidang *deck* ataupun dipanggil geladak;
- (ii) bidang enjin; dan
- (iii) bidang catering

Pelaut-pelaut yang dikeluarkan institut-institut latihan ini, pelaut ini boleh bekerja di atas kapal-kapal negara asing yang diiktiraf oleh Malaysia.

Setakat ini Malaysia telah menandatangani MoU dengan 31 buah negara lain yang membolehkan pelaut-pelaut Malaysia bekerja di atas kapal negara-negara lain.



### ■1710

Mengenai gred-gred pelaut, ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian *deck* dan enjin dan ada tiga jenis bahagian *deck* iaitu pelayaran tanpa had, pelayaran pesisir pantai dan pelayaran domestik. Setiap pelayaran ada pegawai seperti berikut:

- (i) untuk *deck* ada nakhoda;
- (ii) ketua mualim; dan
- (iii) pegawai awasan.

Mengenai gred bahagian enjin pula ialah seperti berikut:

- (i) ketua jurutera;
- (ii) *second engineer*; dan
- (iii) *watch keeping engineer*.

Pelayaran ini melibatkan ketiga-tiga jenis pelayaran iaitu pelayaran tanpa had, pesisir pantai dan domestik. Selain pegawai di atas terdapat juga kelasi-kelasi untuk membantu pegawai di atas iaitu di bahagian *deck* dan juga di bahagian enjin. Di bahagian enjin ini bahagian *greaser* dan *oiler*.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Johari Mat membangkitkan mengenai kebocoran kapal iaitu tumpah minyak yang mencemari alam sekitar yang perlu dipastikan penguatkuasaan yang rapi diambil. Aktiviti mengawal tumpahan minyak dari kapal dibuat selaras dengan pelan tindakan melawan tumpahan minyak kebangsaan yang diselaraskan oleh Jabatan Alam Sekitar dan usaha melawan tumpahan minyak dibuat oleh Jabatan Laut Malaysia dengan dibantu oleh pihak lain seperti APMM.

Pelan Tindakan Kontingensi ini mengambil pendekatan secara sistem tiga lapis-*three tier* iaitu *tier* satu tindakan tempatan atau pun *local*. *Tier two*, tindakan wilayah dan yang ketiga, *tier three* tindakan antara sempadan. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Anwar bin Mohd. Nor yang memuji tindakan yang diambil dalam menjaga keselamatan dan pihak kementerian mengucapkan setinggi terima kasih.

Seterusnya, pandangan seksyen 77 mengenai kelonggaran justifikasi. Pengecualian ini diberi atas dasar *exceptional necessity* dan tidak akan menyebabkan isu keselamatan. Maknanya, Menteri selepas mendapat kepastian bahawa pegawai ini tidak akan menyebabkan isu keselamatan.

Seterusnya, mengenai kapal nelayan. Ia tidak terpakai dalam akta ini. Jadi, setakat itu. Saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi yang telah menjawab dengan penuh baik dan teratur. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [YB Senator Dato' Lee Chee Leong], dan diluluskan]

■1720

## RANG UNDANG-UNDANG

### **RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2016**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah terima kasih. Yang Berhormat, sila huraikan.

#### **5.21 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) ini telah berkuat kuasa sejak tahun 1987. *Spirit* Akta 333 ini diwujudkan antara lain adalah bagi membuat peruntukan mengenai kawal selia kenderaan-kenderaan motor dan lalu lintas di jalan-jalan dan perkara-perkara lain yang berkenaan dengan jalan-jalan dan kenderaan-kenderaan di atasnya. Bagi mencapai maksud itu, keperluan peruntukan dalam Akta 333 ini perlu ditransformasikan sejajar dengan peredaran zaman, perkembangan teknologi semasa dan dasar kerajaan.

Kali terakhir Akta 333 ini dipinda adalah pada tahun 2012 yang bertujuan antara lain untuk mengemaskinikan peruntukan-peruntukan tertentu selaras dengan dasar penggunaan basikal elektrik dan menyelaraskan kelas kenderaan motor bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan pemegang lesen memandu kelas 'D'. Selain itu, pindaan berkenaan juga turut memperuntukkan peraturan di mana belokan kiri dibenarkan ataupun *authorized left turn*, dengan izin, di persimpangan jalan tertakluk kepada terdapatnya syarat lalu lintas belok kiri diletakkan secara sah. Tujuan kerajaan memperkenalkan pendekatan *authorized left turn*, dengan izin, adalah untuk membantu melancarkan trafik di bandar khususnya di kawasan yang mengalami kesesakan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah memperkenalkan Pelan Keselamatan Jalan Raya 2014-2020 yang menggariskan lima pendekatan dalam usaha menangani isu kemalangan jalan raya melibatkan elemen penguatkuasaan pendidikan, kejuruteraan, persekitaran dan penilaian. Pendekatan penguatkuasaan merupakan perkara utama yang dititikberatkan oleh kerajaan bagi memastikan orang ramai sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas yang ditetapkan di bawah Akta 333.

Sebelum saya meneruskan pembentangan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016, suka saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di negara kita. Menurut perangkaan Polis Diraja Malaysia (PDRM), pada tahun 2015, kemalangan maut yang dicatatkan adalah sebanyak 6,706 kematian ataupun purata 18 kematian setiap hari. Manakala jumlah 4,120 cedera parah dan 7,432 orang mangsa cedera ringan yang direkodkan pada tahun 2015 akibat kemalangan jalan raya.

Berdasarkan kajian Asian Development Bank, daripada jumlah kematian yang berlaku ini negara mengalami kerugian kos sosial sebanyak RM1.3 juta bagi setiap kematian atau anggaran sekitar RM6 bilion setahun. Analisis yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) terhadap perangkaan kemalangan PDRM menunjukkan bahawa 80.5 peratus kemalangan di Malaysia adalah berpunca daripada kecuai manusia. Sebanyak 13.3 peratus berpunca daripada faktor jalan raya dan persekitaran dan 6.2 peratus adalah disebabkan oleh mekanikal kenderaan.

Mengambil kira analisis ini, tahap pematuhan peraturan lalu lintas di kalangan pengguna jalan raya masih kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Berdasarkan analisis tersebut, antara kesalahan yang sering dilakukan oleh pengguna jalan raya melibatkan kesalahan memandu secara laju dan melulu, cuai dan tidak mematuhi peraturan lampu isyarat dan papan tanda.

Situasi ini adalah didorong oleh *perception of being caught* (POBC) di kalangan pengguna jalan raya yang masih berada di tahap yang rendah iaitu sekitar 25 peratus. Selain itu, usaha untuk menangani isu keselamatan jalan raya menjadi semakin mencabar dengan bilangan pendaftaran kenderaan yang sentiasa meningkat saban tahun iaitu 1.3 juta setahun serta pertambahan kira-kira 600 ribu orang pemandu baru setahun.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari akan hakikat ini, aktiviti penguatkuasaan perlu dijalankan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa dalam usaha untuk meningkatkan *perception of being caught* (POBC). Kajian MIROS menunjukkan peningkatan POBC ini akan dapat meningkatkan pematuhan pengguna jalan raya terhadap peraturan-peraturan lalu lintas yang sekali gus akan menyumbang kepada pengurangan kadar kemalangan dan bilangan kematian di jalan raya.

Kerajaan sedar beban tugas kawal selia dan penguatkuasaan lalu lintas pada hari ini menjadi semakin kompleks memandangkan peningkatan kenderaan dan pemandu yang bertambah, jaringan jalan raya yang tidak seiring dengan perjawatan penguat kuasa yang diluluskan. Mengambil kira perkara ini, kerajaan telah meneliti cadangan untuk memperluaskan kuasa warden lalu lintas yang sebelum ini diberikan kepada majlis bandar raya, kepada pihak berkuasa tempatan berstatus majlis perbandaran melalui pindaan yang dibuat di bawah Akta 333 ini.

Tujuan pemberian kuasa warden lalu lintas ini adalah untuk membolehkan sesuatu majlis bandar raya ataupun sesuatu majlis perbandaran itu mengawal selia dan mengurus aliran trafik dalam wilayah mereka bagi menangani isu kesesakan lalu lintas yang sering terjadi di bandar-bandar utama dengan kepadatan penduduk yang tinggi. Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin dengan keluhan dan denyut nadi rakyat, isu kesesakan lalu lintas turut menjadi keutamaan untuk ditangani.

Bagi maksud ini, kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan di bawah *National Key Result Area - Urban Public Transport* iaitu NKRA-UPT telah memberi penekanan kepada penambahbaikan sistem pengangkutan awam khususnya pengangkutan awam yang berasaskan rel. Melalui usaha yang diperkenalkan ini, *ridership* pengangkutan awam pada waktu puncak telah meningkat dari 236,412 orang penumpang pada tahun 2010 kepada 447,195 orang penumpang pada tahun 2015. Langkah ini dilihat positif untuk mengalih kecenderungan menggunakan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menjaga keselamatan awam dan kepentingan majoriti pengguna jalan raya, penguatkuasaan mata demerit atau Sistem Kesalahan Jalan Raya (KEJARA) yang ditangguhkan pelaksanaannya sebelum ini akan dikuatkuasakan semula dengan pendekatan yang lebih berkesan dalam mengubah tingkah laku pengguna jalan raya.

#### ■1730

Pendekatan baru ini mengambil kira saranan dan pandangan ahli akademik dan aktivis keselamatan jalan raya bahawa kewajaran mata demerit diberikan berdasarkan kesalahan dilakukan dan bukan berdasarkan tempoh pembayaran kompaun. Dengan pendekatan baru ini semua pengguna jalan raya tanpa mengambil kira latar belakang pendapatan akan dikenakan mata sekiranya melakukan kesalahan demerit.

Kerajaan mengharapkan melalui pelaksanaan sistem mata demerit ini pengguna jalan raya akan lebih berhemah dan membudayakan *safety first* serta berusaha untuk tidak mengulangi kesalahan di bawah Akta 333 bagi mengelakkan kelayakan untuk mereka memandu di jalan raya ditarik balik atas faktor keselamatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan tujuan yang telah saya jelaskan sebentar tadi sebelum Dewan yang mulia ini membahaskan rang undang-undang ini secara terperinci, izinkan saya menyatakan secara ringkas butir-butir pindaan yang dicadangkan. Pindaan-pindaan ini membabitkan 14 fasal utama secara keseluruhan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 33 untuk memasukkan takrif baru dan untuk meminda takrif tertentu yang digunakan dalam Akta 333.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 3, Akta 333 untuk memasukkan peruntukan yang memberi Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran atau Majlis Perbandaran kuasa untuk melantik sekian bilangan orang dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran itu sebagai warden lalu lintas.

Fasal 4 pula bertujuan untuk meminda seksyen 3A, Akta 333 untuk memasukkan subseksyen baru...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Lagi saya ingat enam ke-tujuh minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ringkaskan ya, ringkaskan.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Okey. Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 3, Akta 333 untuk memasukkan peruntukan yang memberi Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran atau Majlis Perbandaran masa untuk melantik sekian bilangan orang dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran itu sebagai warden lalu lintas.

Fasal 4 pula bertujuan untuk meminda seksyen 3A Akta 333 untuk memasukkan subseksyen baru (3A), (3B), (3C) ke dalam seksyen itu untuk memberi kuasa kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan Pengerusi Majlis Perbandaran bagi menjalankan dan melaksanakan kuasa dan tugas di bawah Akta 333.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 4, Akta 333 untuk memperuntukkan bahawa Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran dan warden lalu lintas hendaklah hanya menjalankan kuasa di bawah Akta 333 dalam bidang kuasa Majlis Perbandaran masing-masing.

Fasal 7 dan 8 pula bertujuan untuk meminda subseksyen 35, dan 35A yang mana dalam pindaan ini Menteri Pengangkutan boleh membuat kaedah-kaedah untuk menetapkan suatu sistem pemberian mata bukan sahaja berkenaan dengan seseorang yang telah melakukan kesalahan tertentu di bawah akta ini tetapi juga kepada mana-mana orang yang telah membayar kompaun di bawah kaedah-kaedah itu.

Fasal 9 bertujuan untuk menggantikan seksyen 37, Akta 333 untuk mengadakan peruntukan mengenai tatacara bagi penggantungan atau pembatalan lesen memandu atau lesen memandu percubaan di bawah seksyen 35, atau 35A mengikut mana-mana yang berkenaan.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 52, Akta 333 untuk mengadakan peruntukan bahawa warden lalu lintas tidak lagi bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan apabila kemalangan berlaku. Kuasa menyiasat kemalangan jalan raya adalah wajar dikekalkan kepada PDRM iaitu Polis Diraja Malaysia bagi mengelakkan kekeliruan dalam siasatan tersebut.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 65, Akta 333 untuk memberi Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan Pengerusi Majlis Perbandaran kuasa untuk mengalihkan kenderaan yang rosak dan yang ditinggalkan di jalan raya. Pemberian kuasa tersebut adalah untuk mengelakkan halangan di jalan raya bagi keselamatan pengguna jalan raya selain mengurangkan kesesakan lalu lintas akibat kenderaan yang ditinggalkan di jalan raya.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 120, Akta 333 untuk memberi Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau pegawai Majlis Perbandaran yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran ataupun Pengerusi Majlis Perbandaran untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Akta 333.

Akhirnya fasal 14 bertujuan untuk membina seksyen 123, Akta 333 untuk mengadakan peruntukan bahawa pegawai atau orang dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran yang tidak berpakaian seragam apabila menjalankan tugasnya hendaklah mengemukakan dokumen pengenalan untuk mengisytiharkan jawatannya dan menunjukkan identitinya.

Pindaan-pindaan lain yang tidak dinyatakan secara khusus di sini adalah merupakan pindaan kecil yang bersifat editorial.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya dengan rendah diri mohon supaya pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah Akta 333 ini dapat diluluskan di Dewan yang mulia demi memastikan usaha ke arah meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dan menambah baik pengurusan dan kawal selia trafik khususnya di bandar-bandar utama dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Adalah diharapkan usaha-usaha untuk menangani isu kemalangan jalan raya dapat dilakukan demi kesejahteraan rakyat negara ini tanpa mengira latar belakang atau anutan ideologi politik. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan yang telah membaca dengan baik dan juga telah kita dengar dengan teliti dan saya juga berterima kasih kepada ramai lagi yang menunggu. Ada siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas dan oleh kerana masa sudah lebih sedikit saya rasa dan saya sangat berterima kasih hari pertama kita mengadakan persidangan dalam bulan Ramadhan yang baik ini.

Saya nampak keluarga saya di sini tenang dan baca dan berhadapan dengan walaupun rasa letih, lapar tetapi cara berhujah itu baik saya rasa. Saya nampak Presiden kita pun tunggu sampai habis, contoh yang terbaik itu kita mahu tadi, tepuk sedikit [*Tepuk*] Saya juga nampak ramai yang pandai menyimpan lidahnya maksudnya tidak ada kata-kata yang keras, bersopan-santun. Bak kata pantun Orang Melayu bahawa,

*Padi dari seberang,  
Nasi diisi ke dalam raga,  
Dilarang sekali mengata orang,  
Diri sendiri baik dijaga [*Tepuk*]*

Sekian, dengan itu saya tangguhkan. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 14 Jun 2016. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.39 petang.]**